

Jilid 1
Bil. 58



Hari Khamis
2hb Julai, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Tuan Wang Choon Wing—Kebenaran [Ruangan 9421]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9423]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan
Malaysia (Pindaan) [Ruangan 9523]

UCAPAN PENANGGUHAN:

KWSP—Bayaran Bulanan Faedah kepada Pekerja, Y.B. Tuan Lee Lam Thye
[Ruangan 9591]

KWSP—Pengeluaran Caruman untuk Beli Rumah, Y.B. Tuan P. Patto
[Ruangan 9595]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATO SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, 'DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S., (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S.(BALING).
- „ TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN KEMAJUAN WILAYAH, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S. P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 2hb Julai, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN
TIMBALAN YANG
DI-PERTUA**

**CUTI Y.B. TUAN WANG CHOON
WING—KEBENARAN**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

Y. B. Tuan Wang Choon Wing bagi kawasan Lipis dari 29hb Jun hingga 10hb Julai, 1987.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, itu atas sebab apa, oleh kerana sakit atau kerana kes corruption atau apa sebab—mesti ada sebab?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat..... (*Disampuk*). Tuan Setiausaha.

Tuan Lim Kit Siang: Yang biasa tak ada sebab, tetapi sekarang yang khas, kita mahu tahu itu sebab, oleh kerana ini bagi pihak delegated power, terserah kepada Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Criminal Breach of Trust, kita mahu tahu. Kita mahu tahu. Kita mahu apa sebab? (*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu tanya, apakah sebabnya, saya boleh duduk, tetapi saya mahu dengar apakah sebabnya.

Seorang Ahli: Rasuah—korupsi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau Ahli Yang Berhormat tak puas hati.....

Tuan Lim Kit Siang: Bukan tak puas hati, saya mahu tahu apakah penjelasannya, saya tak katakan puas hati atau tak puas hati, oleh kerana apabila kebenaran diberi tentu atas alasan, Sekarang saya mahu tanya, apakah alasannya. Criminal Breach of Trust, salahguna kuasa, pecah amanah atau apa sebab? Itulah pertanyaan, apa alasannya sahaja, bukan puas hati atau tak puas hati.

Seorang Ahli: Betul!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Saya sudah membuat pemasyhuran tadi. Yang Berhormat boleh kemukakan usul untuk dibahas, jika perlu.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan usul, saya tidak cabar. Saya mahu tanya apakah alasannya. Tentu kita ada hak untuk tahu apakah alasannya, kerana apabila permintaan dibuat, patut ada diberi alasan, adakah oleh kerana dia pergi ke mahkamah, pecah amanah atau apa-apa sebab, koperasi itu jenayah besar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Setiausaha, teruskan. Yang Berhormat, duduk! (*Disampuk*).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

INDUSTRI KECIL— PRESTASI DAN BANTUAN

1. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan setakat manakah bantuan telah diberi kepada industri-industri kecil dan bagaimanakah pula prestasi-prestasi mereka yang telah diberi pinjaman oleh Kementerian tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, bantuan-bantuan yang diberikan itu meliputi bantuan kepada pengusaha-pengusaha di kampung-kampung untuk mendirikan bengkel, mendapatkan mesin-mesin dan latihan kemahiran. Setakat ini seramai 962 orang pengusaha perseorangan, 133 pengusaha-pengusaha berkelompok, 32 buah koperasi industri kampung dan 6 buah Pusat Kemudahan Gunasama telah mendapat bantuan tersebut.

Prestasi pengusaha-pengusaha kampung yang telah menerima bantuan itu amatlah menggalakkan. Hasil daripada satu kajian yang telah dijalankan didapati bahawa 80% daripada penerima bantuan telah dapat menambahkan pendapatan mereka.

Selain daripada itu, bantuan kepada pengusaha-pengusaha kecil juga diberi dalam bentuk:

- (i) bantuan kewangan yang diberikan oleh institusi-institusi kewangan Kerajaan dan swasta khususnya Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF);
- (ii) kemudahan infrastruktur seperti tapak-tapak kilang dan ruangniaga yang disediakan oleh Kerajaan dan swasta;
- (iii) pasaran seperti pembelian Kerajaan ke atas barang-barang keluaran pengusaha kecil dan pembelian industri-industri besar kepada industri-industri kecil di bawah program kontrak kecil (sub-contracting);
- (iv) teknologi dan teknikal yang diberikan oleh Pusat Pameran dan Rujukan Teknologi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan lain-lain agensi teknikal Kerajaan;
- (v) pengurusan yang diberi di bawah Program Peningkatan Prestasi Perniagaan dan Program Juruperunding untuk Perusahaan Kecil;
- (vi) galakan-galakan dan cukai yang mengkhaskan barang-barang untuk keluaran perusahaan kecil; dan

- (vii) buku-buku Kajian Projek sebagai panduan menjalankan sesuatu kajian perusahaan kecil.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak memberikan pinjaman secara terus kepada usahawan. Kementerian ini menjadi penyelarar kepada Program Khas Pembangunan Perusahaan Kecil yang mana pinjaman disediakan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF).

Mengikut perangkaan, daripada jumlah usahawan-usahawan yang telah menerima wang pinjaman daripada BPMB di bawah program ini, seramai 52% memperoleh prestasi yang baik dan memuaskan; 20% menghadapi masalah teknikal, pengurusan, pemasaran dan sebagainya; 11% telah merosot dan di bawah "receivership", dengan izin, dan baki 17% lagi adalah mereka yang baru dikeluarkan pinjaman yang mana projek belum bermula lagi.

Daripada usahawan-usahawan yang telah menerima wang pinjaman daripada MIDF pula, 67% memperoleh prestasi yang baik dan memuaskan; 13% menghadapi masalah teknikal, pengurusan, pemasaran dan sebagainya; 5% telah merosot dan diletakkan di bawah, dengan izin; receivership; 9% tidak dapat meneruskan projek dan 6% lagi diubah daripada program Bank Dunia kepada program Tabung Pelaburan Baru.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengumumkan bahawa Pegawai Penyelaras di peringkat Negeri akan dilantik bagi tujuan untuk menyelaraskan penubuhan industri-industri kecil di luar bandar? Saya ingin mendapat tahu sejauh manakah setakat ini kemajuannya.

Yang kedua, apakah bentuk *modus operandi*, dengan izin, ataupun pengurusan bagi membolehkan penduduk-penduduk luar bandar mendapat khidmat nasihat secara langsung dan berkesan dalam usaha mereka bagi menubuhkan industri kecil?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pegawai yang bertanggungjawab berkenaan dengan industri kecil di peringkat negeri, perkara ini baru sahaja diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan perkara itu sekarang ini sedang dalam proses.

Berkenaan dengan perkara yang kedua yang dibangkitkan tadi, bolehkah ulang soalan itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila ulang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua tadi ialah apakah bentuk pengurusan atau *modus operandi* yang ada wujud di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, ataupun melalui penyelarar di peringkat negeri bagi membolehkan penduduk luar bandar mendapat khidmat secara langsung, bimbingan secara langsung dalam usaha mereka menubuhkan industri-industri kecil, sebab buat masa sekarang ini urusan-urusan ini dilaksanakan melalui pemaju masyarakat, di mana saya kira walaupun sudah ada kesan dan efisiennya, tetapi saya berpendapat usaha-usaha lebih perlu diadakan kerana penduduk-penduduk luar bandar yang kita tahu tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang cukup bagi mereka melibatkan diri dalam industri-industri kecil ini. Oleh itu khidmat bimbingan secara langsung yang saya maksud tadi, bagaimanakah bentuk dan caranya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menyatakan lebih kurang 7 perkara yang mana menjadi asas kepada bantuan daripada Kementerian ini kepada pengusaha-pengusaha kecil yang ada di kawasan luar bandar. Bagaimanapun sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi pada masa ini tugas-tugas ini dilaksanakan oleh Penyelia-penyelia Kanan Kemas kawasan, tetapi di Kementerian kita ada dua bahagian, iaitu Bahagian Perusahaan Kecil dan juga Bahagian Industri Kampung yang menyelaraskan semua aktiviti-aktiviti ini dan tiap-tiap bahagian ini kita mempunyai seorang jurutera mekanik yang pakar berkenaan dengan mesin-mesin dan sebagainya.

Buat masa ini Kementerian hanya meluluskan mesin-mesin dan bengkel kepada mereka yang ada kemahiran dan ada pasaran. Kita tidak meluluskan mesin-mesin ini kepada mereka yang baru hendak menceburkan diri dalam perusahaan tetapi tidak ada latarbelakang sama ada teknik ataupun pemasaran.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tadi di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa satu daripada bantuan-bantuan yang diberi kepada perusahaan kecil di desa ini ialah khidmat juru perunding.

Saya ingin tahu siapakah atau institusi manakah yang dilantik menjadi juru-juru perunding ini.

Yang kedua, apakah kesan-kesannya setakat ini terhadap prestasi industri-industri kecil ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada khidmat-khidmat teknik ataupun juru perunding kita ini didapati dengan

bantuan daripada luar negeri. Misalnya sebagai contoh, salah satu tempat yang kita letakkan juru perunding ini ialah di Kuala Kangsar, iaitu di bengkel membuat pottery atau ceramic, dan kita dapati hasil daripada penempatan juru perunding ini di Kepala Bendang di Kuala Kangsar, pendapatan penduduk-penduduk telah meningkat daripada \$150 seorang kepada lebih daripada \$500 seorang sebulan. Jadi ini bermakna bahawa kita telah dapat menggunakan kepakaran yang kita dapati daripada Jepun untuk membakar pottery atau ceramic yang dibuat oleh penduduk tempatan di Kuala Kangsar.

PERTANIAN—PASARAN HASIL

2. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertanian menyatakan:

(a) selain daripada usaha Kementerian memperbanyakkan hasil-hasil pertanian terutama untuk keperluan makanan sendiri, apakah strategi jangka panjang Kementerian untuk memenuhi kehendak keperluan pasaran di negara-negara jiran terutamanya pengimport utama dari Singapura.

(a) bilakah Kementerian akan menubuhkan rangkaian kedai-kedai FAMA di luar negeri bagi pasaran buah-buahan tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pertanian sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperluaskan ruang pasaran bagi hasil-hasil pertanian di dalam dan di luar negeri. Bagi meningkatkan pasaran di luar negeri, usaha pengesanan dan penentuan keperluan dan

spesifikasi permintaan di negara-negara tertentu sedang dibuat untuk memastikan hasil-hasil pertanian dieksport menepati keperluan dan spesifikasi pasaran di negara-negara tersebut.

Pada asasnya, mutu keluaran dan kos pengeluaran hasil-hasil pertanian merupakan dua aspek penting yang menentukan sama ada hasil-hasil pertanian dari negara ini dapat menandingi persaingan negara-negara pengeluar lain dan seterusnya mengekalkan serta menguasai pasaran tradisi seperti Singapura dan menembusi pasaran-pasaran baru seperti Jepun, Eropah Barat dan Timur Tengah.

Dalam hubungan ini, Kementerian sedang berusaha meningkatkan mutu keluaran hasil-hasil pertanian melalui program penyelidikan dan pengembangan yang meliputi peringkat pengeluaran dan peringkat selepas tuai.

Untuk mengurangkan kos pengeluaran hasil-hasil pertanian, sistem pengeluaran secara komersial adalah digalakkan.

Selain daripada itu, kebanyakan input bagi perusahaan pertanian yang perlu diimport dikecualikan duti import ataupun diberikan "rebate" untuk mengurangkan kos pengeluaran hasil-hasil pertanian yang akan dieksport.

- (b) Kementerian ini tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menubuhkan rangkaian kedai FAMA di luar negeri bagi memasarkan buah-buahan tempatan buat masa ini. Walau bagaimanapun, Kementerian

pada masa ini sedang merancang untuk mengadakan rangkaian kedai runcit yang dinamakan "kedai rakyat" di seluruh negara yang boleh dijadikan saluran untuk memasarkan hasil-hasil pertanian tempatan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada negara kita mempunyai satu dasar yang tetap untuk memperbanyakkan hasil-hasil makanan di negara kita, sebagai satu cara yang berkesan untuk mengurangkan kos makanan yang diimport daripada negara luar yang pada hari ini berjumlah lebih kurang \$3 billion. Sekiranya Kerajaan mempunyai satu dasar seperti ini, suka saya bertanya sejauh mana kita dapat bekerja atau bergerak untuk mencapai objektif ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, suka saya nyatakan di sini bahawa kita mempunyai dasar yang berkesan dan di atas dasar inilah kita cuba mengeluarkan hasil mahsul kita sebanyak mana yang boleh, sekurang-kurangnya untuk mengganti import daripada luar negeri. Jadi apa yang kita laksana pada hari ini ialah sesuatu yang difikirkan boleh memberi satu pulangan yang memuaskan keseluruhan rakyat.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pernah diadu oleh petani-petani mengatakan bahawa FAMA telah gagal memainkan peranannya untuk memasarkan hasil-hasil pertanian terutama di daerah luar bandar.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah keberkesanan FAMA ini kerana ada petani-petani mengatakan bahawa hasil pertanian mereka tidak

dapat dipasarkan dan walaupun dapat dipasarkan ia memberikan satu harga yang tidak berpatutan dengan tenaga dan usaha yang dicurahkan untuk melahirkan hasil pertanian itu.

Yang kedua, di dalam strategi jangka masa panjang Kementerian Pertanian mengenai tanah-tanah yang terbiar, yang belum lagi ditanam dengan hasil-hasil pertanian, sejauh manakah setakat ini dan berapa banyakkah jumlah ekar yang telah ditebus guna untuk tujuan pertanian bagi maksud menghasilkan hasil-hasil pertanian bagi keperluan negara dan juga luar negeri?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan FAMA, pada hari ini FAMA menjalankan kegiatannya dengan baik dan saya tidak berapa setuju jikalau dikatakan bahawa FAMA tidak berhasil dalam pelaksanaan tugasnya. Walau bagaimana sekalipun, suka saya nyatakan di sini bahawa kita cuba meningkatkan kegiatan FAMA ataupun usaha-usaha FAMA dengan merancang, sebagaimana saya nyatakan tadi, satu rangkaian kedai runcit yang dinamakan "kedai rakyat" di seluruh kawasan PPK. Kita ada lebih kurang 251 PPK di seluruh Malaysia dan kita berharap kedai rakyat ini akan menjalankan tugasnya sebagai pusat pemasaran di kawasan-kawasan yang tersebut, di samping pasar tani yang kita wujudkan pada hari ini. Dengan cara ini kita berharap satu hari nanti rakyat tidak lagi menyuarakan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi.

Yang kedua berhubung dengan tanah terbiar. Saya hendak nyatakan jumlah ekar yang sebenar dengan tepatnya tak dapatlah pada masa ini, tetapi saya akan beritahu kepada Yang Berhormat secara bertulis dan usaha kita untuk memulihkan tanah terbiar ini boleh dikatakan bermula sejak begitu lama dan hari ini kita

pergiatkan lagi. Insya Allah, jikalau Yang Berhormat sendiri dapat menyuarakan kepada rakyat di kawasan Yang Berhormat supaya bersama-sama menyertai tugas ini, saya percaya kita dapat, satu hari nanti, menyelesaikan masalah-masalah ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan langkah-langkah yang telah diambil adakah ini termasuk mengadakan satu makmal di Cameron Highlands untuk memeriksa mengenai racun rampai. Adakah langkah-langkah diambil selepas Belanjawan yang lepas untuk memperuntukkan tanah-tanah bagi penanam-penanam, termasuk tanah-tanah terbiar, dan jika tidak ada langkah, apakah cadangan sekarang?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu merupakan soalan lain. Boleh dikatakan soalan ini soalan lama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak perlu dijawab.

Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk membetulkan soalan tersebut. Perkataan baris bawah sekali perkataan "mengetahui" hendaklah diganti dengan perkataan "mengatasi". Ayatnya ". Kementerian mempunyai kemampuan bagi mengatasi masalah ini."

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-3.

BUKU PENGAJIAN TINGGI

3. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah jenis bilangan

buku-buku pengajian tinggi menurut klasifikasi bidang keilmuan yang telah diterjemahkan ke Bahasa Malaysia. Apakah usaha-usaha seterusnya bagi menambah penterjemahan buku-buku tersebut dan adakah Kementerian mempunyai kemampuan bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini jumlah buku pengetahuan tinggi yang telah diterjemahkan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka adalah sebanyak 279 judul, mengikut klasifikasi seperti berikut:

<i>Klasifikasi</i>	<i>Jumlah</i>
1. Pentadbiran dan Undang-undang	8
2. Ekonomi dan Kewangan	25
3. Geografi	21
4. Antropologi/sosiologi	33
5. Sejarah	39
6. Komunikasi	5
7. Linguistik	2
8. Pendidikan	10
9. Pengajian Islam ..	12
10. Matematik	13
11. Biologi	35
12. Sains Fizik	8
13. Sains Pertanian ..	5
14. Kimia	17
15. Sains Perubatan ..	23
16. Geologi	3
17. Sains Politik	12
18. Kejuruteraan	2
19. Sastera Kreatif ..	4
20. Zoologi	1
21. Seni dan Budaya ..	1

Jumlah ini tidak termasuk buku-buku terjemahan dalam bidang lain.

Dewan Bahasa dan Pustaka sedang menjalankan usaha berikut untuk menambah penterjemahan buku ilmu pengetahuan tinggi ke dalam Bahasa Malaysia bagi kegunaan universiti-universiti tempatan dan pusat-pusat pengajian tinggi mengikut kemampuan yang ada. Di antaranya ialah:

- (a) Kerjasama antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan universiti-universiti;
- (b) Kerjasama dengan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia;
- (c) Melibatkan penerbit swasta di bawah rancangan subsidi; dan
- (d) Adaptasi buku Indonesia.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah satu siasatan yang telah dibuat untuk mengkaji dengan seluruhnya apakah masalah-masalah yang sedang dihadapi berkaitan dengan buku-buku terjemahan yang telah digunakan di dalam sekolah-sekolah tinggi kita dan bagaimana pihak Kementerian akan mengatasi masalah-masalah tersebut. Sebagai contohnya, ada satu masalah saya dapat tahu pihak guru-guru sendiri tidak mengetahui sebenarnya bagaimana hendak gunakan buku-buku terjemahan tersebut dan sedang menggunakan buku-buku asal ataupun buku-buku dalam bahasa Inggeris. Saya ingin dapat tahu sebagaimana pihak Kementerian akan mengatasi masalah ini.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ini masalah buku terjemahan di peringkat sekolah atau universiti?

Tuan S. S. Subramaniam: Sekolah tinggi.

Dr Leo Michael Toyad: Kalau ada masalah begitu kita akan terus mengulang kaji dan menimbangkan perkara-perkara yang sulit dalam terjemahan ini kerana kita menterjemahkan buku-buku ini mengikut kemampuan dan juga buku-buku yang digunakan oleh universiti-universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan telah menerangkan bahawa lebih daripada 200 buah buku-buku pengajian tinggi yang telah berjaya diterjemahkan. Jadi, saya ingin bertanya berapa peratuskah dapat memenuhi keperluan-keperluan buku di pengajian tinggi dari jumlah yang disebutkan itu.

Soalan yang kedua, apakah insentif dan galakan oleh Kerajaan, khususnya Kementerian ini untuk menarik minat cendekiawan kita atau cerdik pandai kita di negara ini untuk membantu memenuhi keperluan negara dalam masalah keperluan buku-buku di pengajian tinggi?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, dari segi peratusan dari jumlah yang telah diterjemahkan itu, di sini saya tak dapat memberi peratusan, tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, dalam penterjemahan buku-buku itu mengikut permohonan atau, dengan izin, "demand" untuk judul-judul yang digunakan oleh pusat-pusat pelajaran tinggi. Jadi, dari segi peratusan bidang-bidang pelajaran tinggi kita akan menambah dan juga dari masa ke semasa kita mengulangkaji permintaan dalam bidang buku-buku untuk diterjemahkan itu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan bahagian kedua saya mengenai apakah insentif?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Bahagian yang kedua sila jawab.

Dr Leo Michael Toyad: Saya tak faham soalan yang kedua tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tolong ulangan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Speaker, apakah galakan Kerajaan untuk menarik minat cerdik pandai di negara ini bagi membantu memenuhi keperluan terjemahan buku-buku di pengajian tinggi ini yang telah dilakukan oleh Kerajaan. Kalau tidak ada, adakah rancangan itu akan dibuat bagi masa akan datang?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terjemahan buku-buku adalah dibuat oleh badan-badan tertentu dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kerajaan berharap Kementerian dapat mencungkil kemampuan-kemampuan tempatan untuk menolong Kerajaan atau Kementerian menyampaikan matlamat untuk menterjemahkan buku-buku untuk kegunaan tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Peter Paul Dason tidak hadir).

Timbalan Yng di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Dr V. David.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Dr V. David tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Soalan No. 6.

TUNTUTAN INSURANS

6. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau menyedari akan berlakunya kelewatan di dalam pembayaran-pembayaran gantirugi dan insurans nyawa kepada waris keluarga yang meninggal dunia dan yang malang. Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, memang disedari ada berlakunya kelewatan di dalam pembayaran-pembayaran tuntutan insurans, baik insurans nyawa mahupun insurans am. Untuk menentukan pihak-pihak yang membuat tuntutan mendapat perkhidmatan yang baik dari syarikat-syarikat insurans, langkah berikut telah diambil:

- (1) peruntukan telah diadakan di dalam Akta Insurans di mana bayaran wang polisi insurans nyawa boleh dibuat dengan serta merta kepada waris yang berhak menerima tanpa surat pentadbir harta pusaka ataupun surat probate. Sekiranya jumlah wang polisi itu adalah sebanyak \$20,000 atau kurang, syarikat insurans boleh membayar sepenuhnya kepada waris tersebut. Jika jumlah wang polisi melebihi \$20,000, syarikat insurans boleh membayar kepada waris sebanyak \$60,000 atau 90% daripada jumlah wang polisi iaitu yang mana lebih rendah. Baki wang polisi akan dibayar setelah surat pentadbir harta pusaka atau surat probate dikeluarkan.

Kesatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) telah mengadakan satu peraturan berhubung dengan penyelesaian tuntutan motor atau motor insurance norm, ini adalah

bertujuan untuk menentukan syarikat insurans menyelesaikan tuntutan-tuntutan insurans motor dalam tempoh masa yang munasabah. Ini memandangkan sebahagian besar daripada tuntutan adalah melibatkan tuntutan insurans motor.

Untuk lain-lain tuntutan, Pejabat Ketua Pengarah Insurans di Kementerian Kewangan telah menubuhkan satu unit khas untuk membantu orang ramai yang menghadapi sebarang masalah dengan syarikat-syarikat insurans terutamanya dalam hal kelewatan pembayaran tuntutan.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat mengambil tindakan untuk memeriksa satu kejadian yang berlaku di syarikat pembalakan di Lahat Datu iaitu seorang bernama Jenuin bin Othia, beliau ini telah mendapat kemalangan dan meninggal dalam kerjanya kepada sebuah syarikat yang bernama Syarikat Pembalakan Seri Wanto dan juga pengurusannya adalah diurus oleh Syarikat Motor ataupun Insuran Sosial di Lahad Datu. Kejadian itu telah memakan masa selama hampir-hampir tujuh bulan, kerana berlaku di dalam bulan Januari tahun ini. Beliau yang meninggal dunia ini meninggalkan seorang balu dan 7 orang ahli keluarga dan mereka ini adalah tergolong daripada orang-orang miskin dan kehidupan mereka ini sangsara pada hari ini.

Saya telah berhubung dengan syarikat ini tetapi menurut penerangan daripada seorang pegawai dalam syarikat ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, jangan panjang sangat.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Pemeriksaan belum lagi dijalankan ke atas saksi. Saya rasa tidak ada siapa yang boleh menolong dalam perkara ini, hanya Kementerian yang berkenaan. Adakah boleh Yang Berhormat menolong mengambil tindakan dan memeriksa kepada syarikat yang berkenaan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, insya Allah, tolonglah beri maklumat lanjut yang berkenaan dengan kes ini sebab ia terlalu specific untuk tindakan Kementerian saya.

Tuan Mutang Tagal: Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri iaitu sejak Akta Sivil yang dipinda dalam Dewan ini dalam tahun 1984 atau 1985 kalau saya tidak salah, yang menghadkan amaun tuntutan mangsa dalam satu kemalangan. Saya ingin tahu sejak Akta Sivil tersebut dipinda, berapakah kes yang dibicarakan di bawah pindaan pada Akta Sivil itu dan saya ingin tahu juga berapakah amaun tuntutan yang diberi oleh Mahkamah di dalam satu kes di bawah pindaan Akta tersebut dan juga sama ada tuntutan baru yang telah pun diadakan di bawah Akta Sivil yang telah dipinda itu merupakan satu beban yang dipikul oleh mangsa-mangsa dalam kemalangan-kemalangan tersebut terutama mangsa-mangsa yang diluar bandar ataupun yang tidak mempunyai pendapatan yang tinggi.

Tuan Mohamed Farid bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai statistik-statistik yang khusus untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, tetapi saya akan memberi jawapannya melalui jawapan bertulis.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada tuntutan insurans motor. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setengah atau sebahagian daripada syarikat-syarikat

insurans ada mempunyai delaying tactic, dengan izin, dalam menjelaskan pembayaran gantirugi yang telah dipersetujui ataupun yang telah ditentukan oleh Mahkamah kepada penerima-penerima gantirugi. Kalau sedar, apakah tindakan yang sedang diambil ataupun akan diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengatasi masalah ini.

Soalan kedua, bolehkah difikirkan oleh Kementerian Kewangan, di dalam satu-satu litigation atau suit yang dibawa oleh penuntut-penuntut insurans ini untuk menamakan syarikat insurans sebagai defendant yang kedua semoga dengan menamakan syarikat insurans ini sebagai defendant atau pihak yang kena tuntutan kedua lebih memudahkan lagi orang-orang yang menerima bayaran gantirugi ini untuk mempercepatkan atau menguatkuasakan perintah mahkamah jika ianya diberikan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat dari Kuala Terengganu tadi, soalan pertama, kita sedar bahawa terdapat beberapa kes yang tertentu untuk melambatkan pembayaran tuntutan insurans motor. Sebenarnya baru-baru ini saya sendiri telah pun mengadakan mesyuarat atau perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan untuk mencari jalan untuk mempercepatkan pembayaran-pembayaran tuntutan insurans motor. Perbincangan itu membawa kepada hasil yang agak baik dan perbincangan ini akan diteruskan. Insya Allah, kita akan mengeluarkan arahan-arahan yang tertentu untuk mengurangkan sebarang delaying tactic, dengan izin, daripada insurance company untuk membayar tuntutan-tuntutan insurans motor.

Kedua, berkenaan dengan litigation, dengan izin, di Mahkamah. Ini adalah the art of the litigation punya style, dengan izin, bergantung

kepada Peguam itu, adakah ia akan membawa satu-satu syarikat itu sebagai defendant atau tidak, bergantung kepada seni ataupun art yang dibawa oleh Peguam tersebut. Jadi terpulanglah kepada keadaan. Tetapi pada umumnya syarikat-syarikat insuran tidak dibawa sebagai defendant dalam kes-kes tetapi di dalam penyelesaian masalah-masalah yang dibawa ke mahkamah, syarikat-syarikat insuran itu akan bertanggungjawab jika sekiranya validity ataupun kesahan polisi-polisi yang dibeli oleh pihak yang berkenaan itu masih sah.

PENGANGGURAN DI KAMPUNG BARU/TRADISIONAL/ LADANG GETAH

7. **Dr Ting Chew Peh** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah khas yang diambil untuk menyelesaikan masalah pengangguran penduduk-penduduk di:

- (a) kampung-kampung baru;
- (b) kampung-kampung tradisional; dan
- (c) ladang getah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan pengangguran di negara ini adalah merupakan langkah-langkah keseluruhan yang meliputi semua sektor dan tidak hanya dikhaskan kepada golongan-golongan tertentu sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah tersebut telah pun diterangkan di Dewan yang mulia ini pada 29hb Jun, 1987 dan oleh itu saya tidak berhasrat untuk menjelaskan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak perlu soalan tambahan.

SEKOLAH TINGGI CHUNG LING—PEPERIKSAAN STPM

8. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan STPM di Sekolah Tinggi Chung Ling dalam tahun 1986 dan bilangan yang gagal dalam mata pelajaran Kertas Am serta memberi angka-angka bagi perkara yang sama bagi lima tahun yang lepas, dan sama ada Kementerian Pendidikan telah menjalankan satu penyiasatan untuk mendapat tahu sebab-sebab terdapat kadar kegagalan yang tinggi dalam mata pelajaran Kertas Am STPM dalam tahun lepas.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan calon yang menduduki peperiksaan STPM di Sekolah Tinggi Chung Ling dalam tahun 1986 dan bilangan yang gagal dalam mata pelajaran Kertas Am adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Menduduki	Bilangan Gagal
1982 ..	95	69
1983 ..	115	24
1984 ..	157	85
1985 ..	166	42
1986 ..	193	119

Kementerian Pendidikan tidak menjalankan penyiasatan mengenai sebab-sebab kadar kegagalan yang tinggi dalam sesuatu mata pelajaran bagi sesebuah sekolah tertentu. Namun begitu, laporan keseluruhan mengenai prestasi calon-calon bagi setiap mata pelajaran dikeluarkan setiap tahun untuk panduan kepada guru-guru.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa keputusan STPM Kertas Am Chung

Ling High School baru-baru ini yang nampaknya dekat 80%, satu peratus yang sangat tinggi dan apabila banding dengan prestasi calon-calon dalam sekolah khususnya dalam Bahasa Malaysia dan kenapa satu kajian tidak dibuat khususnya untuk sekolah ini dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa untuk beberapa masa, ibubapa-ibubapa dan guru-guru adalah mengesyaki bahawa sistem memberi markah kepada peperiksaan atau mata pelajaran ada berlainan untuk sekolah-sekolah yang berbeza. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk meyakinkan pelajar, ibubapa-ibubapa dan masyarakat am bahawa sistem pemeriksaan sebenar-benarnya adil khususnya dalam sistem untuk memberi markah?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk memuaskan hati ibubapa, Kementerian Pendidikan sudah memberi arahan semua kertas peperiksaan yang sudah dijawab oleh semua pelajar-pelajar itu akan masuk ke sampul dan sampul itu tidak akan dimasuki nama sekolah dan apa-apa pun tulisan yang akan dapat memberi identification ke atas di mana aliran pelajar datang.

Berkaitan dengan sekolah Chung Ling ini saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat, pihak sekolah juga jika tidak berpuas hati ke atas markah-markah ke atas calon itu, pihak sekolah juga boleh memohon kepada Majlis Peperiksaan Malaysia. Laporan prestasi calon sekolahnya bagi sesuatu mata pelajaran, sekolah diberi peluang selama sebulan setengah selepas keputusan peperiksaan dikeluarkan untuk mengemukakan permohonan ini. Setakat ini Sekolah Tinggi Chung Ling tidak mengemukakan permohonan untuk mengetahui sebab-sebab kegagalan yang tinggi dalam mata pelajaran Kertas Am STPM tahun lepas.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah benar bahawa ramainya kegagalan pelajar-pelajar dalam peperiksaan Kertas Am ini adalah berpunca daripada perubahan yang berlaku dalam format, dengan izin, soalan-soalan yang dikemukakan tahun lepas, yang mana format baru ini tidak mendapat penjelasan yang secukup-cukupnya di kalangan tenaga pengajar dan juga penuntut-penuntut yang terlibat. Yang kedua, sejak sijil terbuka diadakan di peringkat STPM, apakah Kertas Am yang telah dinaikkan dari peringkat subsidiary kepada principal mendapat point yang sama dalam grading untuk diberikan perkiraan bagi seseorang yang ingin melayakkan diri ke pusat pengajian tinggi atau ke universiti?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi satu jawapan yang sangat jelas soalan daripada Yang Berhormat untuk saya memberi satu jawapan yang sangat-sangat betul, saya minta soalan bertulis.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan ke-9.

Dr Eng Seng Chai: Peraturan Mesyuarat 23 (3). Saya ada menyampaikan kepada Tuan Yang di-Pertua dua soalan untuk hari ini. Kedua-dua soalan ini tidak ada dalam senarai pertanyaan-pertanyaan hari ini. Setakat hari ini, setakat masa ini, saya belum diberi apa sebab-sebab dan saya minta sesiapa ada hak potong kedua-dua soalan pertanyaan. Fasal kedua-dua soalan ini adalah mustahak berkenaan kenaikan pangkat Jeneral Tan Sri Mohd. Hashim bin Mohd. Ali, seorang saudara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Dr Eng Seng Chai: dan lain soalan juga

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk Yang Berhormat! Yang Berhormat boleh bawa perkara ini dengan usul. Sekarang ini soalan. Teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu penjelasan. Ini point of order, saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, satu keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, saya beri keputusan bukan masa ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah satu penjelasan dibuat dalam Dewan ini, tentu mahu potong ikut peraturan. Tidak diberitahu sebab-sebab, sampai sekarang belum diberitahu. Masa inilah untuk bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya akan siasat dan beritahu kemudian.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau siasat, boleh diumumkan dalam Dewan ini, itu lain hal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya akan siasat dan umumkan kemudian.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

RUNDINGAN AUTONOMI MNLF—KERAJAAN FILIPINA

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah peranan Kementerian Luar dalam usaha

mendamaikan/menjayakan perundingan damai di antara Kerajaan Filipina dengan pihak MNLF. Adakah apa-apa peranan yang telah dijalankan bersama dengan pihak OIC membawa harapan kepada sebarang penyelesaian yang positif.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu otonomi di Selatan Filipina serta rundingan otonomi di antara MNLF dengan pemerintah Filipina merupakan ehwal politik dalam negeri Filipina sendiri. Walau bagaimanapun Malaysia sebagai anggota OIC serta rakan Filipina dalam ASEAN sentiasa mengikuti perkembangan rundingan ini. Malaysia berharap MNLF dan pemerintah Filipina akan meneruskan rundingan mereka ke arah mencapai suatu penyelesaian bagi penubuhan Kerajaan otonomi bagi Selatan Filipina.

Setelah menghadapi kebuntuan di dalam perundingan dalam otonomi di antara MNLF dan pemerintah Filipina, kedua-dua belah pihak telah merujuk masalah ini kepada OIC untuk mencari formula bagi mendapat atau dapat diterima oleh kedua-dua belah pihak.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri Luar Negeri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini apakah dasar pendirian Kerajaan Malaysia terhadap tuntutan MNLF untuk otonomi Filipina Selatan, adakah Kerajaan Malaysia menentang tuntutan itu, ataupun menyokong, ataupun neutral sahaja oleh kerana MNLF adalah sebuah perjuangan politik yang menjalankan perjuangan mereka secara bersenjata? Dasar Kerajaan Malaysia dalam hal ini adalah penting, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jawapan yang tepat.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya kata tadi, masalah MNLF dengan pemerintah Filipina adalah masalah hal ehwal dalam negeri Filipina sendiri. Malaysia mengamalkan sikap berkecuali dalam mana-mana masalah negeri tertentu maka dasar Malaysia tentang masalah itu adalah berkecuali.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini terdapat dua orang rakyat Malaysia terkorban di Pulau Mindanao di Filipina. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kejadian ataupun pembunuhan dua rakyat Malaysia ada berkaitan dengan rundingan antara Kerajaan Filipina dan pihak Moro National Liberation Front? Jika ia ada berkaitan, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia terhadap memberi satu keadilan kepada dua rakyat Malaysia kita ini yang telah terkorban?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Soalan terkeluar daripada soalan asal. Tidak perlu dijawab.

HOSPITAL DAERAH KUALA KRAI

10. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kesihatan menyatakan iaitu memandangkan kesesakan di Hospital Daerah Kuala Krai, Kelantan begitu ketara, yang mana kadangkala pemeriksaan pesakit melewati waktu pejabat dan yang dimasukkan ke wad terpaksa tidur di atas kanvas (Floor) kerana tidak cukup katil, saya ingin tahu bilakah Kerajaan akan mendirikan sebuah Hospital Daerah yang baru bagi keselesaan pesakit dan berapakah anggaran kos pembinaan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian

Kesihatan sedang merancang beberapa projek untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan dan mempertingkatkan lagi tahap penyampaian perkhidmatan yang sedia ada di Hospital Daerah Kuala Krai. Dengan itu, kami tidak merancang sebuah hospital baru di Kuala Krai.

Bagi mengatasi masalah kekurangan katil, Kementerian Kesihatan akan membina sebuah wad 4 tingkat yang mengandungi 112 katil bagi hospital Kuala Krai dalam Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan telah pun diperolehi dan pembinaan dijadualkan bermula pada pertengahan tahun 1988. Projek ini dijangka akan menelan belanja sebanyak \$2.5 juta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak ada soalan tambahan.

INDUSTRI KECIL—TAHAP PENCAPAIAN

11. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan tahap pencapaian Kementerian dalam usaha untuk mewujudkan kawasan-kawasan industri kecil/industri ringan di negara ini amnya dan di negeri-negeri yang ekonomi mereka berasaskan pertanian seperti Kedah, Perlis dan Kelantan khususnya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi Kementerian ini untuk menyatakan tahap pencapaian usaha untuk mewujudkan kawasan-kawasan industri kecil untuk industri ringan di negara ini kerana negara kita masih belum mempunyai dasar mengenai pembangunan perusahaan kecil dan dengan itu pembangunan adalah tidak dapat dirancang dan dilaksanakan dengan sewajarnya. Pembangunan kawasan-kawasan industri kecil pada amnya adalah terletak di atas budi

bicara setiap Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab tentang pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di negeri masing-masing.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang telah dibuat oleh Kementerian ini setakat ini ialah mendirikan beberapa buah kawasan kilang perusahaan kecil dan kilang bimbingan yang dibuat dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti di Kedah, Kelantan dan Pahang. Di Negeri Kedah pusat industri perkayuan telah diwujudkan di Jitra mengandungi sebanyak 10 unit yang dibuat dengan kerjasama KEDA.

Di Kelantan skim kilang bimbingan telah diwujudkan di Pengkalan Chepa sebanyak 24 unit yang dibuat dengan kerjasama Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Di Pahang skim kilang bimbingan telah diwujudkan di Jengka sebanyak 18 unit yang juga dibuat dengan kerjasama Bank Pembangunan Malaysia Berhad, dan yang kedua, skim kilang bimbingan telah diwujudkan di Kuantan sebanyak 41 unit yang dibuat dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Kuantan.

Sementara itu bagi negeri-negeri lain usaha-usaha untuk mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai dan mendapatkannya dengan harga yang berpatutan dari Kerajaan Negeri adalah sedang diusahakan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa industri kecil ini memainkan satu peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara kita, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak Kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk menaikkan taraf Bahagian Pembangunan Industri Kecil dalam Kementerian yang berkenaan ini

kepada satu perbadanan industri kecil seperti mana telah dibuat untuk industri berat?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada rancangan yang demikian.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa Kerajaan tidak mempunyai suatu dasar bersabit dengan industri kecil. Apakah Kerajaan bercadang untuk menggubal suatu pelan induk yang menyeluruh dengan mengenal pasti kawasan-kawasan, negeri-negeri yang mempunyai potensi dari segi bahan mentah, kebolehan rakyat tempatan masing-masing kerana kita berpendapat dalam keadaan suasana perkembangan ekonomi dunia sekarang pertumbuhan industri kecil ini boleh membantu secara berkesan bagi meningkatkan pendapatan penduduk di luar bandar? Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan tidak mempunyai satu dasar berkenaan dengan perindustrian kecil di negara kita ini tetapi ini tidak bermakna bahawa Kerajaan tidak melakukan apa-apa juga pun untuk melaksanakan tugas ini. Sekadarkan sekarang tugas ini telah diletakkan di bawah kelolaan Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Majlis-majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran. Sebagaimana saranan daripada Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

PELABURAN ASING—GALAKAN

12. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menarik dan menggalak pelabur-pelabur asing seperti Jepun

dan Korea untuk melabur dalam perusahaan industri-industri ringan dan berat di Sabah memandangkan tidak ada terdapat perusahaan serupa ini dijalankan oleh negara-negara ini di Sabah pada masa ini. Sabah mempunyai lokasi yang baik dan kemudahan-kemudahan untuk perusahaan seperti ini juga mencukupi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan telah pun mempunyai rancangan secara menyeluruh untuk menarik dan menggalakkan pelabur-pelabur asing dari luar negeri, termasuk dari negara-negara Jepun dan Korea untuk melabur di Malaysia. Antara rancangan-rancangan ini adalah mengadakan rombongan-rombongan pelabur ke negara-negara yang berkenaan. Bagi negara Jepun khususnya, dalam tahun ini Kerajaan telah pun menghantar dua rombongan pelaburan dan hasil daripada rombongan-rombongan ini serta kerja-kerja susulan, empat rombongan bakal pelabur-pelabur dari negara Jepun telah melawat negara kita. Sementara itu pula satu rombongan bakal pelabur dari negara Korea telah juga melawat negara ini. Setakat ini lima buah projek telah pun diluluskan di negeri Sabah dan mempunyai ekuiti dari negara Jepun berjumlah sebanyak \$6.3 juta.

Di samping itu kita juga sentiasa mengadakan kerjasama yang rapat dengan pejabat-pejabat di seberang laut untuk menarik pelaburan dari negara-negara yang mempunyai potensi.

Selanjutnya Kerajaan juga telah membuat beberapa pindaan yang perlu terhadap sistem insentif dengan pengenalan Akta Galakan Pelaburan 1986 dan melonggarkan garis panduan

mengenai pelesenan dan penyertaan ekuiti asing sebagai sebahagian daripada rancangan tersebut.

Tuan Abdul Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab-sebab terdapatnya kurang minat oleh negara-negara Jepun, Korea ataupun mana-mana negara lain untuk membuat pelaburan ataupun usahasama di negeri Sabah kerana setakat ini kita dapati konsentrasi pelaburan ataupun usaha sama ini hanya di sekitar negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Soalan yang kedua, apakah faktor-faktor yang diambil kira dalam membuat penilaian sebelum membuat pelaburan ataupun usahasama oleh para pelabur luar negeri yang tidak terdapat di negeri Sabah dan apakah usaha Kerajaan untuk mewujudkan faktor-faktor yang tidak terdapat di Sabah ini untuk menarik pelaburan dari luar negeri.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bukan sahaja menunjukkan perhatian kepada Sabah sahaja, kita menyeluruh kesemua negeri termasuk Sabah. Oleh kerana itu, kita menghantar rombongan-rombongan ke beberapa negara dan meminta negara-negara termasuk Jepun, Korea dan lain-lain negara melabur di negara kita termasuk Sabah. Dan setakat ini 5 buah syarikat telah melabur di negeri Sabah. Antaranya:

- (i) Ladalam Timber Complex;
- (ii) Sumitomo Corporation Berhad;
- (iii) Capital Veneer;
- (iv) Sumi-Sabah Steel;
- (v) Malaysia Sheet Glass.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang giat menjalankan usaha-usaha menggalakkan pelabur-pelabur untuk melabur di Sabah.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini berkenaan dengan industri-industri ringan dan berat. Adakah Kerajaan sedar bahawa beberapa industri-industri khususnya daripada negeri Jepun ataupun negeri Korea, industri-industri ringan yang telah melabur di Malaysia Barat ini dan merebut semua peluang daripada industri-industri tempatan. Boleh dikatakan kalau industri-industri ringan akan ditubuhkan di Sabah dan industri-industri tempatan tidak dapat apa-apa peluang lagi dalam pasarannya. Katakan kalau industri-industri seperti dari Jepun dan Korea dilaburkan di Sabah, saya ingat rambut pun tidak boleh hidup. Rumpun pun tidak boleh hidup. *(Ketawa)*

Itulah keadaan pada hari ini. Adakah Kerajaan sedar bahawa apa langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa industri-industri kecil ini tidak dijejaskan dan tidak direbut peluang daripada industri-industri yang kita minta daripada Korea dan Jepun.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada contoh, sebutkanlah contoh itu. *(Ketawa)*

Tuan Lau Dak Kee: Ada. Industri-industri ringan seperti paku. Industri-industri tempatan boleh keluarkan paku, tetapi kenapa mesti diimport. Dawai, industri tempatan boleh buat. Kenapa hendak meminta pelabur-pelabur daripada negeri asing seperti Jepun buat, begitu juga kertas-kertas tisu (tissue paper), kenapa? Itulah contoh.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak untuk contoh itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada contoh lain? Tidak ada. *(Ketawa)*

Tuan Lau Dak Kee: Tidak ada jawapan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau tidak tahu, letak jawatanlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup. *(Ketawa)*

Tuan Lau Dak Kee: Apa ini! *(Ketawa)*

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 5 dan 13 hingga 69 adalah diberi di bawah ini]

MAJALAH ALIRAN

4. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa permohonan untuk terbitan oleh Aliran dalam Bahasa Malaysia ditolak baru-baru ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Oleh kerana perkara ini telah dikemukakan untuk perbicaraan di mahkamah, saya tidak bercadang untuk memberi apa-apa penjelasan mengenainya bagi mengelakkan penjelasan itu menjadi sub judice kepada perbicaraan ke atasnya di mahkamah nanti.

HOSPITAL ESTET, PUCHONG

5. **Dr V. David** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa hospital di Batu 12, Puchong, telah pun ditutup. Adakah Kerajaan ingin menubuhkan sebuah hospital bagi penduduk-penduduk di Batu 12, Puchong. Jika sekiranya rancangan ini tidak menjadi, adakah Kementerian beliau mengubah Hospital Tentera Kinara menjadi Hospital Umum.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Kementerian Kesihatan sedar bahawa hospital estet

di Batu 12, Puchong telah pun ditutup. Oleh kerana Kementerian Buruh diberi kuasa di bawah Rump Labour Code tentang penyediaan kemudahan-kemudahan asas di estet, Kementerian Kesihatan telah mengesyorkan kepada Kementerian Buruh bahawa perkhidmatan hospital ini patut diteruskan.

Buat masa ini Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk menubuhkan sebuah hospital di kawasan tersebut. Kementerian Kesihatan juga tidak ada cadangan untuk mengambilalih Hospital Tentera di Kinara untuk menjadikannya sebuah hospital umum.

SURUHANJAYA SELATAN-SELATAN

13. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Luar Negeri menyatakan semenjak tertubuhnya Tabung Suruhanjaya Selatan-selatan sudah berapa banyak wang yang disumbangkan oleh negara-negara anggota dan nyatakan nama negara-negara yang telah membuat sumbangan kepada tabung itu.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum keputusan untuk menubuhkan Suruhanjaya Selatan telah dicapai di Kuala Lumpur sempena dengan Persidangan Selatan-selatan II yang telah diadakan di sini pada bulan Mei 1986. Ekoran dari itu Malaysia, dengan penglibatan secara langsung oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri sebagai salah satu tenaga penggerak utama, telah memainkan peranan penting dalam mendapatkan sokongan dari negara-negara sedang membangun kepada Penubuhan Suruhanjaya Selatan yang bertujuan membantu usaha-usaha meningkatkan keadaan ekonomi negara-negara Selatan melalui pengembelian tenaga

fikiran dari sekumpulan ahli bijak pandai yang terpilih dari negara-negara Selatan.

Melalui inisiatif Malaysia, penubuhan Suruhanjaya Selatan telah mendapat sokongan resmi dari negara-negara berkecuali di Persidangan Kemuncak yang Kelapan Ketua-ketua Negara Berkecuali yang telah berlangsung di Harare, Zimbabwe pada bulan September 1986. Ekoran dari sokongan tersebut setakat ini Tabung Suruhanjaya Selatan telah memperolehi sumbangan sebanyak US\$4,210,000.00 dan banyak lagi negara selatan dipercayai akan membuat sumbangan mereka sebagai sokongan kepada penubuhan Suruhanjaya Selatan-selatan.

Setakat ini, Malaysia, Argentina, India, Venezuela, dan Third World Foundation masing-masing menyumbang US\$400,000.

Korea Selatan, Brunei Darussalam, Peru, Uruguay dan Cuba menyumbang US\$200,000 masing-masing.

Sudan, Nigeria dan Mesir menyumbang US\$100,000 masing-masing.

Sumbangan-sumbangan juga telah diterima daripada Sri Lanka, Bangladesh, Maldives, Malta, Pakistan, Filipina, Tunisia, Ghana dan Republik Rakyat China.

LEBUHRAYA UTARA SELATAN—KESELAMATAN

14. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Lebuhraya Utara-Selatan bermakna jalanraya sehala atau duahala (single or dual carriageway) dan sama ada ciri-ciri keselamatan seperti "shoulders", notis-notis amaran, telefon kecemasan dan "lay-bye" disediakan dan sama ada pengguna-pengguna lebuhraya dididik dengan

buku panduan “berpandukan dengan selamat untuk mereka sendiri dan pemandu-pemandu kereta lain”.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Lebuhraya Utara-Selatan yang sedang dirancang dan dibina sekarang adalah merupakan lebuhraya duahala (dual carriageway) dengan peruntukan untuk membina dua lorong lagi di masa akan datang untuk menjadikan lebuhraya tersebut kepada enam lorong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa kemudahan dan ciri-ciri keselamatan yang disediakan di sepanjang lebuhraya adalah:

- (1) Pondok Polis;
- (2) Telefon;
- (3) Restoran;
- (4) Stesyen Petrol;
- (5) Worksyop;
- (6) Surau;
- (7) Tempat letak kereta; dan
- (8) Tandas serta kemudahan tempat mandi.

Kemudahan-kemudahan di atas diletakkan di tempat-tempat yang strategik di sepanjang lebuhraya. Papan-papan tanda yang memberi amaran had laju, tempat merbahaya dan beberapa panduan lain akan diletak untuk mengingatkan para pengguna supaya berhati-hati di sepanjang lebuhraya bagi mendidik pengguna cara yang baik menggunakan lebuhraya. Di samping itu, Kerajaan sentiasa mengadakan kempen keselamatan jalanraya termasuk cara-cara yang selamat memandu di jalanraya dan lebuhraya.

AMALGAMATED STEEL MILLS— KEMALANGAN DI KILANG

15. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kementerian telah menerima laporan siasatan yang dijalankan oleh Amalgamated Steel Mills mengenai satu kemalangan di mana seorang terbunuh dan dua tercedera atau

tidak. Jika tidak ada, adakah pihak Kementerian akan bertindak mengarahkan supaya satu salinan dikemukakan kepada Kerajaan. Jika Kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian, mengapa; jika sudah diambil tindakan, apakah yang telah dibuat. Jika ada menerima laporan, apakah sebab-sebab di sebalik kemalangan tersebut. Apakah bentuk pampasan yang sudah diberi kepada keluarga simati dan yang tercedera oleh pihak majikan. Bagaimana pula dengan tindakan yang diambil oleh PERKESO dalam perkara ini.

Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai): Kementerian Buruh telah menerima laporan siasatan yang dijalankan oleh Syarikat Amalgamated Steel Mills Bhd. berkenaan dengan satu kemalangan di kilang tersebut yang berlaku pada 21hb April, 1987 jam 5.15 pagi. Akibat kemalangan itu, 2 orang pekerja telah mati dan seorang lagi tercedera.

Jabatan Kilang dan Jentera telah juga menjalankan siasatan yang berasingan ke atas kemalangan tersebut dan hasil siasatan menunjukkan kemalangan itu berlaku atas sebab kerosakan sistem pengaliran gas yang mengakibatkan satu letupan kecil. Letupan tersebut telah menyebabkan cecair besi memercik ke atas tiga orang pekerja yang sedang berada di atas pelantar.

Bagi mengelak kemalangan seumpama ini daripada berulang, Jabatan Kilang dan Jentera telah mengarahkan pihak majikan berkenaan supaya mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (a) menggantikan alat pengukur gas yang sedia ada kepada satu sistem yang tidak mempunyai minyak; dan
- (b) mengubahsuai pelantar tempat pekerja membuang kotoran “slag” ke tahap yang lebih selamat.

Kedua-dua arahan tersebut telah dipatuhi oleh pihak majikan dan pihak Jabatan Kilang dan Jentera mendapati bahawa langkah-langkah yang telah diambil itu adalah memuaskan.

Pihak PERKESO pula telah memproseskan pembayaran faedah untuk kedua-dua kes kematian. Faedah pengurusan mayat sebanyak \$1,000.00 tiap-tiap satu telah dibayar kepada tanggungan pekerja-pekerja yang meninggal dunia itu. Faedah untuk tanggungan bagi kedua-dua pekerja yang meninggal dunia itu sedang diproses dan akan dibayar kepada tanggungan berkenaan tidak berapa lama lagi. Berkenaan dengan pekerja yang tercedera dalam kemalangan tersebut, faedah hilangupaya sementara sebanyak \$950.00 untuk tempoh 22hb April 1987 sehingga 6hb Jun 1987 telah dibayar. Pekerja ini masih lagi di dalam rawatan dan akan terus menikmati faedah bencana kerja sehingga beliau sembuh semula.

(a)	Tahun	Pelatih Sabah	%	Pelatih Luar Sabah (Semenanjung, Sarawak)	%
	1985	704	92.4	58	7.6
	1986	721	89.8	82	10.2
	1987	710	96	30	4

(b) Adalah menjadi amalan Kementerian Pendidikan mendapatkan calon tempatan untuk berkursus di Maktab-maktab di Sabah. Tawaran hanya diberi kepada calon-calon dari luar Sabah apabila didapati calon tempatan yang layak tidak mencukupi bagi mengikuti kursus tertentu.

(c) Selain dari menampung kekurangan calon tempatan, pelatih dari luar Sabah juga dianggap sebagai memenuhi Rancangan Pertukaran Pelatih bagi menggalakkan integrasi nasional. Dalam Rancangan ini, pelatih Sabah juga dihantar berkursus di Maktab-maktab di Semenanjung dan Sarawak.

GURU PELATIH DI MAKTAB PERGURUAN SABAH

16. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah peratus dan bilangan murid-murid dari Sabah di Maktab-maktab Perguruan di Negeri itu dan apakah langkah Kementerian beliau untuk meningkatkan peratus tersebut dengan tujuan untuk mengurangkan kekurangan guru-guru terlatih di Sabah serta menjimatkan wang Kerajaan kerana mengurangkan penghantaran guru-guru terlatih dari Semenanjung ke Negeri itu setiap tahun.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan guru pelatih di Maktab-maktab Perguruan di Sabah adalah seperti berikut:

(d) Untuk membolehkan lebih ramai lagi calon dari Sabah layak memohon bagi mengikuti Kursus Perguruan, Kementerian Pendidikan telah melonggarkan syarat akademik bagi mereka berbanding dengan calon di Semenanjung.

JALAN SIMPANG BATU LINTANG—SIMPANG LUBUK ANTU

17. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah kerja engetar (bitumen) sebahagian jalan raya utama yang pertama di Sarawak dari Simpang Batu Lintang, bahagian Sri Aman sampai ke sempadan bahagian

Sri Aman dan bahagian Sarikei akan bermula. Yang Berhormat Menteri telah memberitahu dalam jawapannya kepada soalan saya dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketujuh pada 28-11-86 bahawa langkah-langkah terakhir sedang diambil dan menjemput tender-tender bagi kerja mengetar beberapa bahagian jalan raya utama itu.

Dato' S. Samy Vellu: Berikutan daripada jawapan saya di Parlimen itu, tindakan memanggil tender bahagian jalan dari Simpang Batu Lintang ke Simpang Lubuk Antu telah pun dibuat. Walau bagaimanapun sehingga ini Kerajaan masih lagi mempertimbangkan kontraktor-kontraktor yang layak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahagian-bahagian jalan yang lain dari Simpang Lubuk Antu dan seterusnya ke Sibu akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut peruntukan yang ada.

GURU BERSARA DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH

18. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa dan berapa ramaikah guru-guru di sekolah-sekolah kebangsaan yang telah sampai umur persaraan dan digaji semula dengan gaji maksima dan apakah Kerajaan akan menggunakan langkah-langkah yang sama terhadap guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan menengah dan rendah.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1986 seramai 85 orang guru telah dilantik semula selepas bersara untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Menengah, termasuk Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Walau bagaimanapun Kementerian ini tiada cadangan untuk

melantik semula guru-guru yang telah bersara untuk mengajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Rendah.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE BRUNEI DARUSSALAM

19. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan dalam lawatan beliau ke Brunei Darussalam bulan April lepas:

- (a) apakah tujuan lawatan itu pada keseluruhannya;
- (b) apakah perkara-perkara yang dibincangkan semasa lawatan itu; dan
- (c) apakah hasil penting dari lawatan dan perbincangan-perbincangan itu.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun dijawab pada 29hb Jun, 1987 (soalan No. 13) kepada soalan Ahli Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

PERKHIDMATAN BOMBA DI KAMPAR

20. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mempertingkatkan Perkhidmatan Bomba di Kampar yang kini kekurangan Anggota Bomba dan kelengkapan peralatan. Jika ya, bilakah rancangan ini dilancarkan dan jika tidak, mengapa.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Sukacita saya maklumkan bahawa Balai Bomba Kampar pada masa ini mempunyai bilangan anggota yang penuh mengikut norma perjawatan iaitu 21 orang yang terdiri dari seorang pegawai penjaga, 2 orang Ketua Ahli, 3 pemandu kereta bomba dan 15 orang ahli biasa. Jumlah anggota-anggota

yang ada itu mencukupi bagi mengadakan satu keluaran kereta bomba sepanjang masa.

Dari segi kelengkapan, Balai Bomba Kampar mempunyai sebuah kereta Bomba model tahun 1981 yang cukup lengkap dengan alat perkakasnya dan sebuah pengangkutan. Memandangkan balai ini merupakan balai satu keluaran, maka pertambahan kereta Bomba atau anggota adalah tidak perlu.

Sungguhpun Balai Bomba Kampar mempunyai satu pasukan sahaja, tetapi seandainya berlaku apa-apa kebakaran di Pekan Kampar, maka bantuan-bantuan akan segera diberi oleh Balai Bomba Tapah yang terletak 20 km. jauhnya dan Balai Bomba Gopeng yang jaraknya 24 km. Bantuan boleh juga didatangkan dari Balai Bomba Batu Gajah atau Balai Bomba Ipoh.

JALAN KAMPUNG DI SARAWAK—MEMPERBAIKI

21. Dr Nicholas Munong Ibau minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) adakah Kerajaan tiap-tiap tahun memberi peruntukan untuk membaiki jalan-jalan kampung di Negeri Sarawak memandangkan jalan-jalan itu mesti dibaiki dan juga jalan kampung itu adalah keperluan asas kepada penduduk di luar bandar;
- (ii) apakah rancangan yang telah diambil dan juga sedang diambil untuk meninggikan tahap jalan-jalan kampung di Negeri Sarawak.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (i) Sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan memang memberi

peruntukan untuk memperbaiki jalan-jalan kampung di Negeri Sarawak khususnya jalan-jalan yang telah dinaikkan taraf di bawah program Naik Taraf Jalan Kampung bagi menyediakan sistem perhubungan jalan yang lebih sempurna untuk memudahkan penduduk-penduduk luar bandar khususnya penduduk kampung membawa hasil-hasil tanaman mereka ke pasaran.

- (ii) Sepertimana juga negeri-negeri lain di Semenanjung, Kementerian bersama dengan Jabatan Kerja Raya Negeri dan Pejabat Kemajuan Negeri telah merancang untuk menyediakan rangkaian jalan yang lebih sempurna kepada Negeri Sarawak di bawah Program Jalan Luar Bandar dan Program Naik Taraf Jalan Kampung. Walau bagaimanapun, pelaksanaan bergantunglah kepada kemampuan kewangan yang ada.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN—KAJIAN SEMULA

22. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang mengkaji semula Dasar Kebudayaan Nasional, khasnya ketiga-tiga prinsip pembentukan Kebudayaan Nasional memandangkan ramai rakyat kurang setuju dengan prinsip-prinsip itu; dan
- (b) apakah langkah-langkah positif diambil untuk memastikan unsur-unsur kebudayaan bukan Melayu (khususnya Cina dan India) diterima sebagai sebahagian daripada Kebudayaan Nasional.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula Dasar Kebudayaan Kebangsaan kerana asas pembentukan sudah cukup rasional dan saya kurang bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa ramai rakyat kurang bersetuju dengan ketiga-tiga prinsip Dasar Kebudayaan Negara tersebut. Persoalan pokok dalam perkara ini ialah mengenai kefahaman dan kesedaran tentang dasar tersebut. Dalam hubungan ini Kerajaan akan meneruskan usaha bagi meningkatkan kefahaman rakyat tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan melalui pelbagai program seperti kecelikan budaya, seminar, forum, dialog dan sebagainya.
- (b) Sebenarnya usaha untuk memasukkan unsur-unsur kebudayaan bukan Melayu (khususnya Cina dan India) yang sesuai dan wajar sebagai sebahagian daripada kebudayaan sedang berjalan dan ini adalah selaras dengan prinsip yang kedua Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Sehingga kini sama ada kita sedari atau tidak banyak unsur kedua-dua kaum itu dan budaya asing telah diterima dan menjadi sebahagian dari Kebudayaan Nasional kita seperti dalam aspek nilai dan norma, makanan, perhiasan, kesenian dan sebagainya.

KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN—BANTUAN

23. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah jenis bantuan yang akan diberi kepada Maktab TAR demi

membbolehkan ia memperkembangkan rancangan serta menubuhkan satu kampus cawangan semasanya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) adalah sama dengan institusi pengajian tinggi tempatan yang lain, sama ada ianya berupa peruntukan untuk belanja mengurus ataupun pembangunan. Perbezaannya bergantung kepada jumlah bilangan kakitangan dan pelajar, dan juga bidang pengajian yang ditawarkan.

LESEN PUSAT SNOOKER

24. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah benar Pusat-pusat Snooker telah menjadi tempat untuk judi bukan sahaja orang-orang dewasa tetapi juga murid-murid sekolah dan apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan Tempatan untuk mengawal Pusat-pusat tersebut dari menjadi tempat-tempat berjudi.

Tuan Ng Cheng Kiat: Pihak-pihak Berkuasa Tempatan semasa mengeluarkan lesen-lesen untuk membenarkan Pusat-pusat Snooker ditubuhkan adalah dikehendaki mengambil kira kesan-kesan negatif yang mungkin timbul. Sekiranya Pusat-pusat Snooker ini membawa kesan-kesan negatif, maka pihak Berkuasa Tempatan akan menarik balik lesen yang dikeluarkan itu.

Penguatkuasaan ketat untuk mengawal penyelewengan syarat-syarat dalam lesen sedang diadakan di semua Penguasa Tempatan yang telah mengeluarkan lesen Pusat-pusat Snooker. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan-tindakan tegas ke atas mana-mana pemegang lesen Pusat Snooker, sekiranya pemegang lesen melakukan penyelewengan.

NELAYAN—LESEN MENANGKAP IKAN

25. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah usaha-usaha Kerajaan telah dijalankan dan akan dijalankan untuk memastikan nelayan-nelayan di negeri kita memperoleh:

- (a) lebih lesen untuk menangkap ikan di rantau laut kita;
- (b) perlindungan dan keselamatan terhadap perompak laut dan anasir-anasir bersenjata dari negeri lain; dan
- (c) kemudahan pinjaman dengan faedah rendah dari Bank dan Badan Kewangan.

Tuan Mohamed Kassim bin Ahmad:

- (a) Kerajaan telah berusaha memperkembangkan Industri Perikanan Laut Dalam di Perairan Zon Eksklusif Ekonomi (ZEE) di mana pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur tempatan diberi keutamaan untuk mendapatkan lesen menangkap ikan di laut tersebut. Perusahaan Secara Persendirian, Bersyarikat atau Usahasama digalakkan. Untuk tujuan di atas sebanyak 646 unit lesen tambahan telah diperuntukkan bagi seluruh Malaysia dan sehingga setakat ini sambutan yang diterima adalah sangat menggalakkan.
- (b) Keselamatan nelayan-nelayan kita adalah terjamin. Ini adalah kerana Agensi-agensi Penguatkuasaan Maritim yang terdiri daripada Unit-unit Penguatkuasaan TLDM, TUDM, Polis Marin dan Jabatan Perikanan Malaysia sentiasa menjalankan rondaan-rondaan dan operasi-operasi di perairan Zon Ekonomik Eksklusif (ZEE) dan juga

kawasan perairan Malaysia. Di samping tersebut, pengawasan udara oleh pihak TUDM diperairan ZEE dan juga oleh Unit Udara Polis di kawasan perairan Malaysia membantu dalam mengesan bot-bot nelayan tempatan dan asing yang mencabuli undang-undang.

- (c) Kerajaan memang telah ada menyediakan skim-skim kemudahan pinjaman dengan kadar faedah rendah yang dikendalikan oleh pihak LKIM dan juga Bank Pertanian. Di bawah RME, lebih kurang \$18 juta telah diperuntukkan bagi skim ini yang dipanggil skim kemudahan kewangan (SKK) dan selanjutnya di bawah RML, Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP) diwujudkan, di mana faedah sebanyak 4% dikenakan. Di samping tersebut bank-bank komersial lain ada memperuntukkan skim pinjaman bagi tujuan menceburi Industri Perikanan Laut Dalam dengan dikenakan faedah-faedah bank semasa.

PERUSAHAAN MEMPROSES MAKANAN

26. Dato' Dr Affiffuddin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah rancangan-rancangan yang dibuat oleh Kementerian mengeksploitasi hasil-hasil penyelidikan dari Kementerian Pertanian untuk mengembangkan lagi sektor kecil pengeluaran bahan-bahan makanan yang diproses dan ditinkan, selain dari mengeluarkan lesen-lesen perusahaan; adakah Menteri sedar bahawa kebanyakan barang-barang seperti daging ayam dan lembu yang diproses yang diimport oleh negara-negara Islam di Timur Tengah adalah dari Brazil dan lain-lain negara membangun di Amerika Latin, apakah

langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk bersaing dengan negara-negara ini melalui penggunaan "comparative advantage" yang wujud di antara Malaysia dan negara Islam di Timur Tengah.

Tuan M. G. Pandithan: Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum bahawa sektor pemerosesan makanan termasuklah perusahaan memproses daging lembu dan ayam dan industri pemerosesan makanan amnya, merupakan satu daripada sektor yang telah dikenalpasti oleh Pelan Induk Perindustrian (PIP) untuk dimajukan. Dalam hubungan ini sebuah Pasukan Petugas yang dianggotai juga oleh wakil-wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, MIDA, Kementerian Pertanian, Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) dan sektor swasta telah ditubuhkan. Bidang penting yang diberi perhatian oleh Pasukan Petugas ialah dari segi mengenalpasti industri-industri pemerosesan makanan yang boleh dimajukan untuk menggantikan import (import substitution) yang seterusnya dapat menjimatkan pertukaran wang asing negara. Ini merupakan objektif segera. Bagi objektif jangka masa panjang Pasukan Petugas juga dipertanggungjawabkan untuk mengenalpasti industri pemerosesan makanan yang berpotensi bagi pasaran eksport. Melalui Pasukan Petugas ini segala faktor yang boleh mengembangkan lagi industri pemerosesan makanan, termasuk juga hasil penyelidikan agensi-agensi Kerajaan, diberi perhatian. Tumpuan diberi kepada faktor-faktor yang boleh meningkatkan kecekapan pengeluaran dan pengurangan kos.

Saya sedar yang kebanyakan barang-barang seperti daging lembu dan ayam yang diimport oleh negara Islam di Timur Tengah datangnya dari negara-negara membangun di Amerika Latin seperti Brazil. Maklumat menunjukkan bahawa

negara-negara tersebut dapat mengeluarkan barangan itu dengan lebih murah. Sebab itulah seperti yang saya nyatakan tadi usaha-usaha sedang diambil oleh agensi-agensi Kerajaan yang tertentu dan sektor swasta untuk mengenalpasti cara-cara bagi mengurangkan kos pengeluaran barangan makanan kita supaya ianya dapat bersaing di pasaran antarabangsa termasuk di negara-negara Timur Tengah juga.

KEMALANGAN FERI DI PULAU PINANG

27. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa berlaku dua kemalangan feri Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang iaitu Feri Pulau Lumut pada 5hb. Jun dan Feri Pulau Ansa pada 25hb Mei tahun ini; dan
- (b) sama ada terdapat sebarang rancangan untuk memastikan bahawa insiden-insiden sedemikian tidak akan berulang di masa hadapan bagi menjamin keselamatan penggunaan feri, terutama sekali memandangkan bahawa sebilangan feri-feri yang ada berumur lebih 30 tahun dan jika ya, apakah rancangan-rancangan tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail)

- (a) Seperti amalan biasa Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi memastikan sebab-sebab berlakunya kedua-dua kemalangan feri tersebut iaitu Feri Pulau Ansa pada 25hb Mei 1987 dan Feri Pulau Lumut pada 5hb Jun 1987. Jawatankuasa Siasatan

mendapati pelanggaran feri Pulau Angsa berpunca dari kerosakan seketika ke atas "indicator" kawalan kelajuan feri ("momentary failure of the speed control indicator") semasa feri sedang merapat ke tambatan Pengkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth. Kemalangan kedua pula, iaitu pelanggaran Feri Pulau Lumut dengan tambatan Pengkalan Raja Uda berpunca daripada kerosakan alat kawalan kelajuan feri tersebut yang menyebabkan alat kawalan kelajuan tersebut tidak dapat berfungsi.

(b) SPPP akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan bahawa insiden-insiden sedemikian tidak akan berulang di mana hadapan. Berdasarkan siasatan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Siasatan, di antara tindakan-tindakan yang akan diambil oleh SPPP adalah seperti berikut:

- (i) mengkaji kelemahan-kelemahan sistem kawalan kelajuan dan pengemudian termasuk sistem indikatornya bagi semua feri yang menggunakan sistem ini dan mengambil langkah-langkah sesuai untuk mengatasi kelemahan sistem tersebut;
- (ii) mengadakan pemeriksaan ke atas alat-alat kawalan kelajuan dan pengemudian dengan lebih kerap lagi. Pada masa ini, alat kawalan kelajuan dan pengemudian feri hanya diperiksa lebih kurang 6 bulan sekali ataupun apabila diterima aduan daripada Kapten feri mengenai apa-apa kerosakan.

- (iii) menarik perhatian Kapten-kapten feri kepada kelemahan-kelemahan yang terdapat supaya mereka berwaspada apabila mengendalikan feri-feri yang menggunakan sistem ini;
- (iv) mempertingkatkan lagi peraturan pengendalian feri-feri semasa merapat dan keluar dari tambatan; dan
- (v) tindakan akan diambil untuk menukar mana alat-alat yang kurang sempurna apabila feri masuk limbungan untuk penyelenggaraan tahunan.

Selain daripada langkah-langkah spesifik yang dinyatakan sebentar tadi, SPPP akan terus menyelenggara feri-feri tersebut mengikut peraturan-peraturan keselamatan yang dibuat oleh Pemeriksa Kapal-kapal Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat hanya sebuah sahaja feri kepunyaan SPPP yang lebih dari 30 tahun. Walau bagaimanapun feri tersebut telah tidak digunakan lagi.

KOPERASI PENERIMAAN DEPOSIT

28. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk menolong koperasi-koperasi yang menghadapi kesusahan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Soalan Ahli Yang Berhormat pada asasnya adalah sama dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kota Melaka dan Pasir Mas pada 29hb Jun, 1987. Oleh kerana saya telah pun menjawab soalan-soalan tersebut, saya tidak bercadang untuk mengulanginya sekali lagi.

PERBELANJAAN PROGRAM PEMBANGUNAN

29. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah wang setakat ini telah dibelanjakan untuk program pembangunan yang dibawa keluar bandar bagi pembangunan sosio-ekonomi masyarakat desa seperti yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika membentangkan belanjawan 1987 baru-baru ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin Jumlah yang telah dibelanjakan setakat 31hb Mei, 1987 ialah \$1,086.4 juta.

TABUNG HAJI—MENAIKKAN BAYARAN

30. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar terhadap ura-ura Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan menaikkan bayaran untuk menunaikan Fardu Haji tahun depan sebanyak \$400.00 lagi dengan alasan MAS akan menaikkan tambangnya, ini tidakkah akan bertambah lebih ramai lagi bakal-bakal Haji akan melalui swasta, memandangkan tahun ini pun sudah ramai pergi melalui swasta. Jika sedar, apakah tindakan akan diambil dalam hal ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor): Adalah tidak benar ura-ura yang mengatakan Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan menaikkan bayaran sebanyak \$400.00 atas alasan MAS akan menaikkan kadar tambangnya untuk penerbangan Haji.

Memang ada berita-berita yang disiarkan dalam akhbar menyatakan kemungkinan MAS akan menaikkan tambang pada tahun akan datang. Berita-berita tersebut adalah berasaskan pengumuman yang dibuat

oleh MAS atas jangkaan kenaikan kos operasi. Walau bagaimanapun pihak MAS dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan berunding sekiranya timbul sebarang kemungkinan kenaikan tambang.

BIL TELEFON SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA

31. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kenapa pengguna-pengguna masih menerima bil telefon yang menunjukkan panggilan tempatan dan panggilan luar negeri walaupun dawai telefon mereka telah dibatalkan kerana kegagalan membayar bil telefon. Bolehkah ini menunjukkan sesuatu perlakuan yang melanggar peraturan bagi pihak kakitangan Jabatan tersebut atau sesuatu kecacatan sistem komputer.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Iroke): Keadaan seumpama ini memang berlaku tetapi ianya bukanlah melanggar peraturan atau merupakan kecacatan sistem komputer, cuma sistem pengeluaran bil telefon Syarikat Telekom Malaysia (STM) yang unik yang menyebabkan keadaan ini berlaku.

Untuk menjelaskan perkara ini, saya ingin memberi satu contoh. Umpamanya telefon Encik "A" dipotong pada 2-7-87 Encik "A" akan menerima bil telefon bulan Jun pada minggu akhir bulan Julai di mana semua panggilan dibuat daripada 16-5-87 hingga 15-6-87 dicatatkan. Pada minggu terakhir bulan Ogos pula, Encik "A" akan menerima satu lagi bil telefon bagi panggilan-panggilan yang dibuat daripada 16-6-87 hingga, sepatutnya pada 15-7-87, tetapi oleh kerana telefon Encik "A" dipotong pada 2-7-87 maka bil yang terakhir akan mencatatkan panggilan-panggilan daripada 15-6-87 hingga 2-7-87 sahaja.

Walau bagaimanapun, apabila sesuatu perkhidmatan telefon dipotong terus, STM akan mengeluarkan satu bil akhir (final account) yang memberikan, secara terperinci, kedudukan bil-bil bagi telefon berkenaan sehingga dipotong. Bil ini dikeluarkan dalam masa tiga (3) bulan setelah pemotongan dibuat. Pengguna-pengguna adalah dinasihat supaya menunggu bil akhir sebelum menjelaskan bil-bil bayaran.

AKTA RAHSIA RASMI— MEMBATALKAN KERAHSIAAN

32. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membatalkan kerahsiaan yang dikenalkan ISA terhadap dokumen-dokumen berhubung dengan skandal BMF, skandal koperasi, skandal KWSP dan Makuwasa dan lain-lain selain daripada membatalkan kerahsiaan terhadap dokumen-dokumen berkait dengan Daya Bumi, Jambatan Pulau Pinang dan Proton Saga.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang membatalkan kerahsiaan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) terhadap dokumen-dokumen berhubung dengan isu-isu BMF, Koperasi, KWSP dan Makuwasa.

Berhubung dengan skandal koperasi, sukacita dimaklumkan bahawa satu Kertas Putih mengenainya telah pun dibentangkan di sidang Dewan Rakyat pada bulan November 1986 yang lepas sebagai Kertas Perintah 50 Tahun 1986.

SISTEM PENGUNDIAN MELALUI POS

33. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah Suruhanjaya Pilihanraya bercadang memperbaiki kelemahan sistem pengundian melalui pos untuk

memastikan bahawa pengundian melalui pos itu adalah seratus peratus sulit supaya para pengundi bebas mengundi tanpa sebarang rasa takut dan tanpa kehadiran ketua jabatan yang berkenaan. Kalau tidak, berikan sebab-sebabnya.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Soal memperbaiki sistem pengundian melalui pos oleh Suruhanjaya Pilihanraya tidak timbul kerana tidak ada kelemahan di dalam sistem itu. Undi sama ada ianya pos atau biasa adalah sulit dan ianya tetap akan kekal sebagai sulit mengikut sistem yang ada sekarang ini. Pengundi-pengundi Pos, seperti pengundi-pengundi lain adalah bebas mengundi mengikut pilihanrayanya. Soal "kehadiran Ketua Jabatan" tidak timbul kerana undi Pos tidak ada kaitannya dengan mana-mana pihak atau Ketua Jabatan. Undi pos itu diterima dan dihantar melalui pos oleh pengundi pos berkenaan.

KOLEJ ISLAM—WANG WAKAF

34. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah kumpulan wang wakaf Kolej Islam yang terkumpul setakat ini. Siapakah pentadbirnya dan sejauh manakah langkah-langkah diambil untuk memanfaatkan wang yang terkumpul itu supaya berkembang; sila nyatakan juga jumlah faedah dari simpanannya dan bagaimanakah faedah itu digunakan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej Islam adalah nama bagi 2 institusi pendidikan yang berlainan, iaitu Kolej Islam Kelang dan Kolej Islam Petaling Jaya. Kolej Islam Kelang adalah sebuah Sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan. Kolej Islam Petaling Jaya telah pun dibubarkan setelah penubuhan Fakulti Islam di Universiti

Kebangsaan. Tidak ada badan yang dinamakan Kumpulan wang Wakaf Kolej Islam. Apa yang ada ialah Lembaga Persekutuan Pemegang Amanah Pengajian Tinggi Islam Malaysia yang menguruskan harta benda dan wang bagi Kolej Islam Petaling Jaya. Lembaga Bersekutu ini tidak terletak dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

DASAR PANDANG KE TIMUR

35. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana dasar Pandang ke Timur telah membawa kesan ke atas perhubungan perdagangan kita dengan negara-negara barat dan sama ada penerusan dasar ini akan memberi faedah kepada sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia di mana kita terlalu bergantung kepada penjualan bahan-bahan keluaran utama kita dengan harga yang baik.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Pandang Ke Timur ialah satu dasar yang bertujuan untuk mewujudkan golongan masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai-nilai etika kerja yang positif yang akan menyumbang ke arah meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan negara dengan cara menerap etika kerja orang-orang Korea dan Jepun. Adalah diingatkan bahawa Dasar Pandang Ke Timur bukanlah bermakna kita memberi keutamaan kepada Jepun dalam semua aspek hubungan perdagangan dan melupakan negara-negara lain. Dalam hubungan perdagangan antarabangsa, Malaysia sentiasa memberi layanan yang sama kepada semua negara yang berminat untuk membuat hubungan dagangan dengan Malaysia. Oleh hal yang demikian, Kerajaan berpendapat Dasar Pandang Ke Timur tidak akan memberi apa-apa kesan yang negatif terhadap hubungan perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara Barat.

Setakat ini rakan-rakan utama perdagangan negara kita adalah Jepun, Singapura, Amerika Syarikat dan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC). Data perdagangan barangan tahun 1986 menunjukkan eksport kepada dan import daripada negara Jepun hanya menunjukkan hanya antara 20-25% daripada keseluruhan perdagangan luar Malaysia, sementara 75-80% adalah perdagangan dengan negara-negara Singapura, Amerika Syarikat dan negara-negara EEC. Trend ini adalah pada keseluruhannya sama bagi beberapa tahun yang lalu.

Oleh itu sekali lagi ditegaskan adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengadakan perdagangan bebas dengan semua negara dan Dasar pandang Ke Timur tidaklah menjadi halangan kepada Dasar Perdagangan Bebas ini.

PENGELUARAN BERAS DI SABAH

36. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerianya sedar bahawa negeri Sabah mengeluarkan 63% beras yang mencukupi dalam tahun 1969. Peratus ini telah menurun sebanyak 50% dalam tahun 1981 dan kini 27%. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian tersebut untuk meningkatkan hasil pengeluaran beras di seluruh negara terutamanya Sabah.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Kerajaan sedar bahawa kadar pengeluaran beras bukan sahaja di Sabah bahkan juga negara keseluruhannya telah menurun jika dibandingkan dengan permintaan yang sentiasa bertambah. Kejatuhan pengeluaran ini adalah berpunca daripada terhadnya kawasan yang boleh diusahakan dua kali setahun produktiviti yang rendah berbanding

dengan kos yang tinggi terutama di kawasan-kawasan di luar jelapang padi, serangan penyakit dan musuh, harga import yang murah, tanah terbiar serta bertambahnya bilangan petani yang bertukar kepada kerja lain yang berpendapatan lebih tinggi.

Kerajaan telah menetapkan untuk mengeluarkan beras bagi mencapai tahap sara diri antara 55 hingga 65% sahaja dan bakinya akan diimport. Untuk itu pengeluaran padi akan ditumpukan hanya kepada 8 buah jelapang padi yang telah pun dilengkapi dengan segala kemudahan perlu dan boleh diusahakan dua kali setahun iaitu kawasan-kawasan MADA, KADA, Krian/Sg. Manik, Seberang Perak, Barat Laut Selangor, Seberang Prai, Kemasin/Semerak dan Besut. Kawasan-kawasan di luar jelapang akan digalakkan supaya diusahakan dengan tanaman lain yang lebih ekonomik. Semua khidmat-khidmat sokongan seperti penyelidikan, pengembangan, pemasaran dan sebagainya akan dipesatkan untuk mencapai objektif ini.

BEKALAN AIR DI SABAH— KEKURANGAN

37. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar kekurangan air yang teruk di Sandakan, Beaufort dan Labuan semasa musim kemarau dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan air dalam jangka masa pendek mahupun jangka panjang bagi tempat-tempat tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan memang sedar masalah bekalan air yang berlaku di Sandakan, Beaufort dan Labuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan air adalah di bawah kuasa Kerajaan negeri masing-masing. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan ada

menyediakan pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk membiayai projek-projek bekalan air di negeri masing-masing.

Mengenai masalah bekalan air di Sandakan, saya telah difahamkan bahawa Kerajaan negeri telah pun menyediakan peruntukan untuk menaikkan taraf sistem bekalan air di Sandakan supaya dapat menampung permintaan bekalan air sehingga tahun 2005. Kerja-kerja tersebut sedang dilaksanakan dan dijangka siap dalam tahun 1989. Di Beaufort pula Kerajaan Persekutuan telah pun menyediakan peruntukan secara geran sebanyak \$36.4 juta di bawah sekim bekalan air luar bandar yang akan dilaksanakan oleh Antah Biwater. Saya yakin masalah bekalan air di Beaufort akan dapat diatasi apabila sekim itu siap pada tahun 1990.

Mengenai bekalan air di Labuan, Kerajaan sememangnya memberi perhatian yang serius dan sebagai langkah jangka pendek, satu rancangan serta-merta sedang dijalankan dengan harga sebanyak \$7.0 juta. Rancangan ini melibatkan kerja-kerja mengepam air mentah dari Sg. Kina Benuwa ke Empangan Bukit Kuda aliran air tinggi di sungai tersebut dan dijangka dapat menambah bekalan air yang sedia ada. Kerja-kerja telah dimulakan pada bulan Disember, 1986 dan dijangka siap pada penghujung tahun 1987.

Satu rancangan kecemasan juga sedang dijalankan. Ianya melibatkan pengangkutan air bersih sebanyak 4.0 juta liter sehari dari Bintulu ke Wilayah Persekutuan Labuan dengan harga \$2.5 juta bagi tempoh 2 bulan iaitu bulan Jun dan Julai, 1987.

Manakala rancangan jangka panjang pula yang melibatkan pengambilan air daripada tanah besar Sabah yang disalurkan melalui paip di dasar laut (Submarine pipe) sedang

dipertimbangkan untuk diswastakan, dan proses perundingan sedang dijalankan dengan sebuah syarikat tempatan.

BELIA—SKIM LATIHAN SAMBIL BEKERJA

38. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk memberi kemahiran melalui Rancangan Latihan Sambil Bekerja kepada belia-belia terutama kepada mereka yang tidak berpeluang untuk mendapat kemahiran secara formal sekarang ini.

- (a) kiranya rancangan ini ada nyatakan berapa ramai belia-belia yang telah mendapat latihan ini bagi tahun 1985 dan 1986 dan di dalam bidang-bidang yang mana.
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan polisi ini memandangkan polisi ini lebih praktikal dan lebih berkesan untuk melahirkan belia-belia yang mempunyai pengalaman dan kemahiran sebagai satu usaha menggalakkan belia-belia untuk berdikari.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Kementerian Belia dan Sukan sememangnya mempunyai rancangan kemahiran di bawah Skim Latihan Sambil Bekerja untuk belia-belia yang tidak berpeluang mengikuti Latihan Kemahiran Vokasyenal di Pusat-pusat Latihan Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Jumlah belia-belia yang telah mendapat latihan di bawah skim ini pada tahun 1985 dan 1986 adalah sebagaimana berikut:

1985 — 1,204 orang

1986 — 1,095 orang

Di antara jurusan yang diceburi oleh belia-belia itu termasuklah mekanik kenderaan motor, mekanik motorsikal, kimpalan gas dan arka, jahitan dan lain-lain lagi.

Mengenai cadangan untuk meluaskan polisi rancangan ini, Kementerian memang telah menyediakan beberapa strategi baru termasuk untuk memperluaskan skop dan jenis-jenis latihan serta menambah bilangan pelatih. Rancangan Latihan Sambil Bekerja ini adalah satu rancangan yang dapat memberikan latihan Kemahiran yang tidak formal kepada belia-belia yang tidak dapat memasuki Pusat-pusat Latihan Belia di samping memberi keyakinan dan pendedahan kepada mereka untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan dan berdikari. Melalui latihan ini mereka telah diberi kursus-kursus dorongan, kursus bercorak keusahawanan dan kemahiran teknikal untuk membolehkan mereka membuka perniagaan dan perusahaan sendiri setelah tamat latihan.

PULAU LANGKAWI SEBAGAI PELABUHAN BEBAS

39. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sejak Kerajaan menjadikan Pulau Langkawi sebagai pelabuhan bebas cukai, apakah usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dibuat oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta lain-lain Kementerian yang benar-benar untuk memajukan pulau tersebut dari semua bidang di samping kegiatan oleh Kerajaan Negeri sendiri.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Langkah-langkah yang telah diambil oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia sejak Kerajaan menjadikan daerah Langkawi sebagai kawasan bebas cukai, beberapa aktiviti berkaitan

dengan pelancongan yang sedia dijalankan telah dipergiatkan lagi. Ini adalah kerana, dengan penurunan harga barang-barang, potensi daerah tersebut sebagai destinasi pelancongan telah bertambah.

Aktiviti-aktiviti ini dijalankan dengan dua tujuan yang berkaitan iaitu:

- (i) Menggalakkan lebih ramai pelancong tempatan dan antarabangsa supaya melawat kawasan ini;
- (ii) Untuk menambah dan mempelbagaikan kemudahan-kemudahan pelancongan aktiviti galakan juga diadakan untuk menarik lebih banyak pelaburan modal dan pembukaan perusahaan seperti pusat membeli-belah hotel dan sebagainya.

Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah usahasama di antara Perbadanan Kemajuan Pelancongan dan Sistem Penerbangan Malaysia menganjurkan lawatan suaikenal untuk ejen-ejen pelancongan dan pengembaraan yang terkemuka daripada Singapura. Singapura adalah merupakan pasaran luar negeri yang terbesar untuk Pulau Langkawi dan Malaysia. Perbadanan juga telah menganjurkan lawatan wartawan dan pasukan perfileman. Ini merupakan aktiviti penting yang seringkali dijalankan untuk mendapat liputan media cetak, media letronik, dan filem-filem dokumentari.

Sebuah Jawatankuasa promosi Pulau Langkawi telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Kedah di mana Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia menganggotai Jawatankuasa ini. Beberapa aktiviti galakan akan diusahakan bersama Kerajaan Pusat dan sektor swasta. Antaranya ialah mengadakan bulan kunjungan ke

Pulau Langkawi di mana beberapa acara akan diadakan sebagai aktiviti tambahan kepada pelancong.

Beberapa agensi lain seperti Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan bersama-sama RTM dan PKPM akan menerbitkan sebuah filem treler untuk ditayangkan di TV Malaysia untuk mencapai hasrat yang sama.

DISIPLIN PELAJAR

40. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi mengetatkan kawalan disiplin di sekolah-sekolah khususnya di sekolah-sekolah menengah dan institusi pendidikan tinggi di negara ini.

Dr Leo Michael Toyad: Dalam usaha mengetatkan lagi disiplin pelajar, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk memupuk disiplin melalui pembangunan sikap, kemahiran dan perhubungan manusia, yang diharapkan dapat membangkitkan semangat serta membentuk suatu budaya pelajar dan bekerja yang lebih produktif lagi. Ini telah dilakukan melalui langkah-langkah berikut:

- (1) Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Disiplin Sekolah, Kementerian Pendidikan yang dianggotai oleh semua wakil-wakil PIBG, Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan orang-orang perseorangan.
- (2) Mengeluarkan Surat Pekeliling Iktisas Bil. 7/1986:
 - Langkah-langkah Keberkesanan Disiplin sekolah.
- (3) Membetulkan amalan-amalan disiplin di sekolah melalui penerbitan buku-nuku panduan:
 - (i) Panduan Am Disiplin Sekolah.

- (ii) Panduan bagi Ibubapa mengenai disiplin murid sekolah.
- (iii) Mencegah Salahguna Dadah Melalui Kaunseling.
- (iv) Tatacara Tindakan Ke Atas Kes-kes Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Pelajar Sekolah.
- (4) Mengemaskinikan pengurusan pentadbiran disiplin di sekolah dengan menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Hal Ehwal Murid peringkat sekolah, daerah dan negeri.
- (5) Melancarkan program pembangunan iklim sekolah ke arah Peningkatan Disiplin yang dijalankan secara percubaan bagi 190 buah sekolah.

Di Institusi pendidikan tinggi pula, beberapa program telah dijalankan untuk memberi kesedaran, keinsafan dan memperteguhkan keimanan dan peribadi pelajar-pelajar untuk mengelakkan mereka daripada terjebak oleh pengaruh-pengaruh dadah dan kejatuhan moral. Di antara program-program yang berjalan secara berterusan ialah:

- (1) Meningkatkan gerakerja ko-kurikulum.
- (2) Meningkatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling serta meluaskan kempen anti dadah.
- (3) Melaksanakan program-program khas seperti Kem Jaya Diri dan Kursus Tatanegara.
- (4) Meningkatkan program pendidikan Agama Islam dan Moral dengan menawarkan kursus-kursus seperti Tamadun Islam dan Ketatanegaraan.

Walau bagaimanapun masalah disiplin bukanlah timbul dari keadaan sekolah dan institusi-institusi

pengajian sahaja, tetapi juga berpunca dari diri pelajar-pelajar sendiri, pengwalan ibubapa, faktor keluarga dan faktor persekitaran. Oleh kerana itu ibubapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat juga perlu memberikan sumbangan positif dan membina bagi mengatasi masalah ini.

KAMPUNG BARU— PEMULIHAN/PEMBANGUNAN

41. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilakah pemulihan dan pembangunan semula 452 kampung baru di seluruh negara akan dimulakan.
- (b) apakah jumlah peruntukan yang disediakan dan berapa banyakkah peruntukan setiap negeri;
- (c) adakah Kabinet telah menetapkan sebagai satu dasar untuk melanjutkan hakmilik semua tanah TOL yang diduduki oleh penduduk-penduduk kampung baru;
- (d) adakah penduduk kampung baru akan diberi geran mutlak ke atas tanah yang mereka duduki sekarang.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) Untuk pengetahuan Yang Berhormat soal pemulihan dan pembangunan semula 452 Kampung Baru di seluruh negara merupakan satu proses pembangunan yang berterusan dan berjangka panjang. Setiap kemungkinan dan kemajuan sosio-ekonomi penduduk-penduduk Kampung Baru akan terus dikenalpasti dan masalah yang wujud akan diatasi dari semasa ke semasa.

- (b) Berhubung dengan jumlah peruntukan, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$25 juta untuk pembangunan Kampung-kampung Baru di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan khusus untuk setiap negeri tidak ditentukan. Sebaliknya pemberian peruntukan untuk projek pembangunan di setiap negeri adalah berdasarkan kepada keperluan semasa dan kepentingan dan faedahnya sesuatu projek itu kepada masyarakat tempatan.
- (c) Mengenai Hakmilik Tanah pula Kerajaan Negeri akan melanjutkan tempoh pajakan kepada penduduk Kampung-kampung Baru yang layak. Bagi semua jenis hakmilik di Kampung-kampung Baru Kerajaan Persekutuan telah meminta Kerajaan Negeri melanjutkan tempoh pajakan selama 60 tahun. Walau bagaimanapun perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.
- (d) Soal pemberian geran mutlak ke atas tanah yang diduduki adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

PASARAN SAHAM— MENAIKKAN HARGA

42. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab atau rationale di sebalik penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan (JPP) dalam bulan Julai 1985 untuk menaikkan harga saham-saham dalam pasaran saham dengan menggunakan wang daripada KWSP, Perkeso, Sports Toto, Bank Simpanan Nasional; amaun yang disumbangkan oleh setiap badan tersebut kepada JPP dan kerugian yang dialami oleh setiap

badan tersebut; serta menyenaraikan saham-saham bukan amanah yang dibeli oleh JPP sekiranya ada.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah mengambil langkah untuk menubuh Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan (JPP) ketika pasaran saham mengalami kemerosotan yang berpanjangan dengan tujuan menyelaraskan pelaburan beberapa agensi Kerajaan untuk mengurangkan "cross-trading" semasa mereka di pasaran saham. Langkah ini diambil bagi melaksanakan satu keputusan dalam bulan Julai 1985 yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas Mengenai Rancangan Malaysia Kelima supaya beberapa agensi Kerajaan menyokong pasaran saham.

Sumbangan oleh agensi-agensi yang mengambil bahagian dalam operasi JPP adalah seperti berikut:

<i>Agensi</i>	<i>\$ Juta</i>
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	30.0
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	12.0
Bank Simpanan Nasional (BSN)	9.0
Sports Toto Malaysia Bhd. (Sports Toto)	1.5
JUMLAH:	52.5

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPP tidak mengalami kerugian dalam operasinya. Sebenarnya, keuntungan dari jualan saham telah diperolehi sebanyak \$783,521, iaitu sebanyak \$435,285 oleh KWSP, \$174,098 oleh PERKESO, \$130,613 oleh BSN dan \$43,525 oleh Sports Toto. Keuntungan yang lebih besar akan diperolehi sekiranya krisis Pan El tidak berlaku. Semua saham pelaburan, baki sumbangan yang tidak labur dan pulangan atas pelaburan telah dikembalikan kepada agensi-agensi berkenaan apabila operasi JPP diberhentikan pada bulan Disember, 1985.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tiap-tiap agensi yang menyertai operasi ini mempunyai perundangan masing-masing yang menetapkan kaedah-kaedah bagi pelaburan sesuatu agensi. Pelaburan yang dilakukan oleh JPP adalah selaras dengan perundangan tersebut dan menumpukan aktiviti pembelian sahamnya kepada saham-saham amanah (trustee stocks).

Saham-saham amanah, yang dibeli oleh JPP adalah seperti berikut:

- (i) Federal Cables, Wires & Metal Manufacturing Bhd.
- (ii) Hong Kong Tin Corp. (M) Bhd.
- (iii) Innovest Bhd.
- (iv) Kuala Lumpur Industries Bhd.
- (v) Metroplex Bhd.

KAD PENGENALAN BIRU KEPADA RAKYAT ASING

43. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar tentang kewujudan beberapa nombor-nombor Kad Pengenalan Biru yang dikatakan telah dikeluarkan kepada Rakyat Asing yang begitu hangat diperkatakan di kalangan rakyat Malaysia di Sabah seperti nombor-nombor berikut ini:

H0288001 - H0384000 =	96,000 keping
H0480001 - H0576000 =	96,000 keping
H0666001 - H0666200 =	130,000 keping
H0666201 - H0666400 =	69 keping
H0609601 - H0609822 =	19 keping
H0609801 - H0610000 =	160 keping
H0658001 - H0658200 =	75 Keping
H0658201 - H0658400 =	46 keping
H0658400 - H0658600 =	200 keping
H0658601 - H0658800 =	181 keping
H0658801 - H0659000 =	197 keping

Jika sedar ataupun tidak sedar, apakah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menyasat tentang kebenarannya; dan jika didapati benar apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap kad-kad pengenalan tersebut serta terhadap orang-orang bertanggungjawab melakukannya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Mengikut peruntukan yang terkandung di dalam Peraturan Pendaftaran Negara 1960, Kad Pengenalan Biru hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia saja. Daripada rekod yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara Kad Pengenalan Biru yang dikeluarkan di Negeri Sabah adalah terdiri dari Kad-kad Pengenalan bernombor siri H0000001 hingga H5999999. Kad Pengenalan yang dimaksudkan oleh Ahli dari Kota Belud adalah termasuk dalam siri tersebut itu.

Kementerian Dalam Negeri akan menyasat jika terdapat warganegara asing yang memiliki kad pengenalan biru sama ada yang dipalsukan atau yang diperolehi melalui maklumat palsu.

POLARISASI KEAGAMAAN

44. Tuan Gerard Math Lee Min minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar tentang seriusnya polarisasi keagamaan di negara ini;
- (ii) sama ada beliau sedar bahawa setengah media di dalam negara, umpamanya "Tabloid Bahasa Malaysia Mingguan" sedang menyebarkan keburukan tentang agama Kristian di negara ini dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menyekat perbuatan pihak pelampau agama ini; dan

- (iii) sama ada Perdana Menteri bersetuju bahawa satu daripada jalan untuk menyekat polarisasi perkauman dan keagamaan ialah memperkenalkan kursus-kursus jangka pendek di sekolah-sekolah dan TV tentang agama-agama yang terdapat di negara ini.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (i) Saya tidak fikir wujudnya polarisasi keagamaan di negara ini. Hanya negara ini mempunyai pelbagai agama, yang dianuti pula oleh golongan masyarakat dari pelbagai kaum.
- (ii) "Tabloid Bahasa Malaysia Mingguan" tidak menyebarkan keburukan tentang agama Kristian atau agama-agama lain di negara ini. Apa yang mungkin telah dibuat oleh tabloid berkenaan ialah mengingatkan umat Islam supaya tidak terpengaruh dengan ajaran-ajaran lain selain daripada ajaran agama mereka. Di samping itu ia bertujuan hanya untuk memperkuat pegangan umat Islam terhadap ajaran agama Islam. Jika didapati ada mana-mana tabloid yang memburuk-burukkan mana-mana agama, maka Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya.
- (iii) Memandangkan masa penyiaran yang terhad, TV Pendidikan hanya menumpukan pada penerbitan yang berkait dengan kurikulum sekolah khususnya dalam keadaan perubahan-perubahan kurikulum baru bagi sekolah rendah dan menengah sekarang. Walau bagaimanapun

dalam program-program TV Pendidikan yang disiarkan unsur-unsur perpaduan kaum dan teloransi keagamaan telah diterapkan sebagai pendekatan "indirect" terhadap perpaduan kebangsaan. Adalah dimaklumkan bahawa maklumat tentang agama-agama yang terdapat dalam negara ini memang ada disentuh dalam kurikulum sekolah yang ada sekarang, khasnya dalam mata pelajaran sejarah.

PENYAKIT BERJANGKIT

45. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mencegah penyakit-penyakit seperti taun, cirit-birit (gastroenteritis), kepialu, infectious hepatitis, leptospirosis dan penyakit jangkitan lain yang masih berlaku di sekitar kampung dan desa dan begitu juga dalam bandar sekarang ini.

Cik Teng Gaik Kwan:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah berikut di luar bandar dan juga di bandar-bandar dalam usaha untuk mencegah penyakit-penyakit berjangkit yang disebabkan pencemaran air oleh najis manusia seperti berikut:
- (1) Menjalankan pengawasan kes-kes penyakit berjangkit dan mengambil tindakan-tindakan kawalan yang segera pada mula berlakunya wabak, seperti memberi rawatan dan pengasingan kes-kes dan pembawa kuman di hospital-hospital, membasmi kuman

di rumah-rumah yang terlibat dan menaruh klorin di perigi-perigi.

- (2) Memberi bantuan teknikal dan subsidi dalam pembinaan perigi-perigi dan tandas-tandas yang selamat, terutamanya di kawasan luar bandar.
 - (3) Mendapatkan kerjasama dari jabatan-jabatan lain seperti Kerajaan Negeri dan Jabatan Bekalan Air untuk menyediakan air yang bersih dan selamat di kawasan-kawasan yang dilanda oleh penyakit-penyakit bawaan air seperti taun dan demam kepialu.
 - (4) Penjaja-penjaja dan pengendali-pengendali makanan adalah sentiasa diawasi untuk memastikan mereka ini tidak mengidap penyakit-penyakit berjangkit. Jika perlu mereka diberi suntikan dan rawatan untuk mencegah penyakit berjangkit. Mereka juga adalah diberi bimbingan kesihatan khasnya terhadap memasak, menyedia dan menyimpan makanan-makanan mengikut keperluan kesihatan dan kesihatan diri sendiri.
 - (5) Menjalankan aktiviti-aktiviti pelajaran kesihatan yang intensif kepada orang awam dan kanak-kanak sekolah akan langkah-langkah untuk mencegah penyakit-penyakit berjangkit melalui ceramah kesihatan, pameran dan media massa seperti radio, television dan akhbar-akhbar.
- (b) Berhubung dengan penyakit berjangkit yang lain, Jabatan Perubatan & Kesihatan juga

telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang sesuai, seperti program pelalian untuk penyakit-penyakit yang boleh dicegah melalui pelalian dan kawalan vektor untuk penyakit-penyakit bawaan vektor.

PERUNTUKAN MAKTAB/ SEKOLAH AGAMA ISLAM

46. **Dr Lim Ann Koon** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah peruntukan kewangan Kerajaan bagi maktab dan Sekolah Agama Islam bagi tahun 1987.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan untuk tahun 1987 bagi maktab dan Sekolah Agama Islam termasuk dalam peruntukan bagi semua sekolah mengikut kadar yang telah ditetapkan bagi sekolah rendah dan sekolah menengah. Peruntukan ini tidak dipecah-pecahkan mengikut sekolah biasa dan maktab/sekolah agama oleh kerana kedua-dua jenis sekolah tersebut dibiayai oleh Kerajaan. Oleh yang demikian adalah sukar untuk menyatakan jumlah yang diperuntukkan bagi maktab dan sekolah Agama Islam secara berasingan.

PERUMAHAN SWASTA

47. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah projek-projek perumahan swasta di negara ini yang terbengkalai sehingga bulan Mei, 1987 dan jumlah unit-unit rumah dan rumah pangsa yang terlibat.
- (b) apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan untuk diambil bagi membantu projek-projek disiapakan; dan

- (c) apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan untuk diambil bagi menyekat projek-projek perumahan swasta dari terbengkalai oleh pemaju-pemaju.

Tuan Ng Cheng Kiat:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb Mei, 1987 Kementerian dan Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti 166 projek perumahan swasta yang telah terbengkalai di seluruh Semenanjung. Dari jumlah ini, sebanyak 43 buah projek telah dipulihkan. Nilai keseluruhan projek secara kasar adalah sebanyak \$1.518 billion dan bilangan rumah yang terlibat ialah sebanyak 25,060 unit.
- (b) Untuk mengurangkan bilangan projek-projek yang terbengkalai, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang berusaha untuk bekerjasama dengan pihak Penguasa-penguasa Tempatan bagi mengawasi projek-projek yang sedang berjalan agar segala kelemahan dapat di atasi segera. Selain dari itu, bagi projek-projek yang telah terbengkalai, Kementerian ini sedang membuat kajian kemungkinan ke atas semua projek-projek berkenaan. Sehingga kini, sebanyak 10 projek sedang berada dalam peringkat kajian kemungkinan dan 113 buah lagi berada dalam peringkat perundingan untuk dipulihkan.
- (c) Kementerian ini telah mengkaji beberapa langkah yang boleh diambil oleh Kementerian ini untuk mengelakkan projek-projek perumahan swasta terbengkalai dan di antaranya

ialah Sekim Akaun Projek yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini masih mengkaji Sekim tersebut secara lebih mendalam sebelum Skim itu diperkenalkan di negara kita.

**UNIVERSITI LUAR NEGERI—
PENUBUHAN CAWANGAN**

48. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Pendidikan menerangkan apakah Kementerian Pendidikan bercadang membuka kampus cawangan universiti-universiti tertentu luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia untuk memberi peluang pelajaran kepada pelajar-pelajar Malaysia di samping menjimatkan pengaliran wang negara ke negeri-negeri luar. Berapakah jumlah tanggungan tahunan Kerajaan Malaysia di dalam usaha memberi peluang pelajaran dan pendidikan kepada rakyat Malaysia melalui institusi pengajian tinggi luar negeri.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak membenarkan mana-mana universiti di luar negeri menubuhkan kampus cawangannya di negara ini. Peluang-peluang pengajian tinggi boleh dipertingkatkan melalui pembesaran kampus induk, penubuhan kampus-kampus cawangan dan perluasan program-program pengajian. Bagi tahun 1986 Kementerian Pendidikan telah membelanjakan lebih kurang \$16 juta untuk membiayai program pelajarannya di luar negeri.

BEKALAN AIR DI KUDAT

49. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Kerjaraya menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah bekalan air bagi

daerah Kudat, kerana bekalan air yang sedia ada didapati tidak mencukupi terutama pada musim kemarau.

Dato' S. Samy Vellu: Bagi mengatasi masalah kekurangan air di Kudat, Kerajaan telah pun menyediakan peruntukan di bawah skim bekalan air luar bandar yang akan dilaksanakan oleh Antah Biwater. Peruntukan yang disediakan adalah sebanyak \$58.3 juta dan bila siap akan dapat menampung permintaan bekalan air di daerah Kudat.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA CAWANGAN SABAH

50. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah bangunan tetap kampus cawangan UKM di Sabah (UKMS) akan siap oleh kerana pengumuman mengenai pembinaannya telah pun dibuat oleh bekas Menteri Pendidikan semasa kempen Pilihanraya Negeri Sabah 1985 dahulu; dan sama ada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk menjadikan UKMS sebagai sebuah universiti penuh di masa-masa akan datang.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan kampus tetap UKMS terpaksa ditangguhkan di sebabkan kedudukan kewangan negara. Kerajaan juga belum mempunyai cadangan untuk menjadikan UKMS sebagai sebuah universiti penuh buat masa ini.

JAMBATAN/JETI DI JALAN RAYA PERSEKUTUAN

51. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Menteri sedar beberapa jambatan-jambatan dan jeti-jeti di kawasan luar bandar tidak dapat

diperbaharui sejak kemerdekaan dan masih ada di dalam keadaan yang boleh mengancam keselamatan rakyat kita seperti yang diperlakukan di Pulau Tioman. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk membawa lebih khidmat kepada rakyat luar bandar dari aspek ini.

Dato' S. Samy Vellu: Terdapat hampir 4000 buah jambatan di jalan raya-jalan raya Persekutuan dan jalan-jalan negeri di seluruh Semenanjung Malaysia yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerjaraya Negeri. Oleh itu tiap-tiap Jabatan Kerjaraya negeri adalah bertanggungjawab untuk memeriksa jambatan-jambatan di bawah tanggungjawab masing-masing semasa menjalankan program penyenggaraan jalan raya. Apabila sesuatu kelemahan telah disyaki, pemeriksaan secara teliti akan dibuat. Sekiranya sesuatu kerosakan besar didapati dan mengancam keselamatan pengguna jalan raya, maka tindakan membaiki secara kecemasan akan dilakukan ke atas jambatan-jambatan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan sememangnya mempunyai program yang tertentu untuk mengganti atau memperbaiki jambatan-jambatan yang uzur atau yang didapati rosak. Menyedari hakikat bahawa jambatan-jambatan adalah salah satu infrastruktur asas bagi pembangunan sosio-ekonomi negara, khususnya bagi kawasan luar bandar, maka jabatan Kerjaraya negeri akan sentiasa berwaspada untuk menjaga keteguhan struktur jambatan-jambatan di bawah penyenggaraannya.

AKTA PELAJARAN 1961— KAJIAN

52. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pendidikan menjelaskan sejauh manakah benarnya seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961 dikatakan boleh

menggugat kedudukan sosio-budaya dan bahasa kaum-kaum bukan Melayu. Apakah benar Kementerian Pendidikan bercadang meminda Akta tersebut bagi disesuaikan dengan citarasa dan aspirasi semua kaum di negara ini. Kalau benar apakah alasan-alasannya yang dapat mempertahankan bahawa pindaan tersebut tidak akan mengganggu-gugat Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Dr Leo Michael Toyad: Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961 tidak menggugat kedudukan sosio-budaya dan bahasa kaum-kaum bukan Melayu. Kementerian Pendidikan sedang mengkaji, bukan meminda, bagi memperkukuhkan lagi Akta tersebut sesuai dengan kepentingan dan aspirasi negara ini.

PELAN INDUK INDUSTRI

53. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat ini, dalam sektor-sektor perindustrian yang manakah pelaksanaan Pelan Induk Industri sudah bermula bagi setiap daripada sektor-sektor ini:

- (a) sejauh manakah syor-syor dalam Pelan Induk ini sudah dilaksanakan;
- (b) apakah jumlah wang yang sudah dilaburkan;
- (c) apakah di antara kelemahan-kelemahan yang dijumpai dalam kandungan pelan ini; dan
- (d) setelah mengenalpastikan kelemahan-kelemahan tersebut, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbetulkan.

Bagi sektor-sektor yang lain, bilakah Pelan Induk Industri akan dilaksanakan.

Tuan M. G. pandithan: Setelah Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Pelan Induk

Perindustrian (PIP) pada akhir tahun 1985, berbagai Jabatan dan Kementerian serta pihak swasta mengkaji dan meneliti sejumlah 112 perakuan yang terdapat di dalamnya. Melalui pelaksanaan perakuan-perakuan itu, Kerajaan menjangkanya akan dapat meningkatkan tahap pembangunan di sektor pembuatan, keseluruhannya.

Mengenai persoalan-persoalan khusus yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin memberi penjelasan seperti berikut:

- (a) Setakat ini hasil utama dari PIP adalah berupa penggubalan sistem galakan cukai pelaburan baru iaitu Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 (seperti dipinda) yang telah pun dikuatkuasakan mulai daripada 1-1-86. Selain dari itu, beberapa kajian pelaksanaan untuk meningkatkan peluang eksport sedang dijalankan. Di antaranya adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeksport utama tayar di dunia; menyusun semula industri penapisan minyak sawit tempatan; meningkatkan eksport keluaran-keluaran koko, buah-buahan dan sayur-sayuran; penubuhan "furniture complex" dan "furniture export consortium" serta mencari peluang-peluang pasaran eksport untuk keluaran simen dan lantai jubin (tiles) dan sebagainya. Usaha-usaha juga sedang dilakukan untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan pergantungan kepada eksport "semi-conductor" dan menentukan rangkaian (linkages) bagi penglibatan pengusaha-pengusaha tempatan di dalam sektor elektrik dan elektronik; mengkaji semula dasar import

kenderaan dan rancangan meningkatkan kandungan tempat bagi kenderaan; membuat penyesuaian (rationalisation) bagi kenderaan; membuat penyesuaian (rationalisation) bagi industri "foundry", moulds and dies" dan "fabrication" demi untuk menyokong kemajuan perindustrian keseluruhannya. Usaha-usaha untuk menggalak pengeksporan tekstil dan pakaian termasuk keluaran batik juga sedang diambil.

- (b) Pelan Induk Perindustrian memberi penekanan tentang peranan pihak swasta untuk memajukan sektor pembuatan di negara ini. Dalam hubungan ini pihak swasta turut serta di dalam aktiviti-aktiviti seperti membincangkan isu-isu yang menyentuh sesuatu industri, berusaha untuk meningkatkan pasaran eksport dan penyertaan di dalam rombongan galakan pelaburan serta perdagangan di luar negeri. Kerajaan hanyalah berperanan menyediakan kemudahan dan menentukan satu rangkaian perancangan selaras dengan objektif memajukan sektor perindustrian yang lebih pesat lagi sesuai dengan peranannya sebagai "engine of growth" pembangunan ekonomi negara. Oleh itu jumlah pelaburan dari Kerajaan bagi maksud pelaksanaan projek PIP adalah tidak timbul.
- (c) Semasa Pelan Induk Perindustrian (PIP) disediakan pada tahun 1983, ramalan mengenai prestasi dan pencapaian pembangunan ekonomi negara serta dunia adalah jauh berbeza daripada

yang berlaku sebenar pada tahun 1986 serta 1987. Oleh itu beberapa matlamat yang berbentuk kuantitatif seperti tahap pengeluaran, permintaan dan eksport bagi sesuatu kumpulan industri serta peratus pertumbuhan ekonomi adalah jauh berbeza daripada yang diramalkan. Kelemahan-kelemahan lain yang telah dikenalpasti di dalam sektor-sektor industri berkenaan antaranya seperti mengurangkan pergantungan kepada eksport "semi-conductor", kurangnya keberkesanan sistem galakan, kekurangan usaha-usaha R & D serta kemahiran tenaga kerja untuk sektor perkilangan dan peranan pihak swasta yang kurang berkesan di dalam pembangunan perindustrian keseluruhannya.

- (d) Kerajaan kini sedang meneliti segala kelemahan-kelemahan itu dan giat mengusaha langkah-langkah tertentu untuk mengatasinya. Antaranya seperti mengkaji rangkaian (linkages) kepada pengusaha-pengusaha tempatan di dalam sektor elektrik dan elektronik, mengubah sistem galakan cukai pelaburan yang lebih menarik iaitu Akta Galakan Pelaburan 1986 (seperti dipinda), menyediakan kemudian R & D dengan mengkaji semula peranan institusi yang wujud dengan lebih berkesan, mencadangkan program-program latihan dan kemahiran untuk menyediakan tenaga kerja yang diperlukan oleh sektor perkilangan dalam masa-masa akan datang, iaitu selain daripada galakan-galakan khusus yang disediakan untuk R & D dan latihan. Satu kajian semula mengenai PIP akan

dibuat oleh Kerajaan bagi mengemaskinikan PIP serta perakuan-perakuannya bagi menentukan pencapaian matlamatnya yang berkesan.

TABUNG YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

54. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) amaun wang yang terkumpul oleh Yayasan Kebajikan Negara sejak penubuhannya; dan
- (b) nama-nama pertubuhan atau institusi yang telah dan bercadang akan diberikan bantuan oleh yayasan ini.

**Menteri Kebajikan Masyarakat
(Tuan Mustaffa bin Mohammad):**

- (a) Amaun wang yang telah dikumpul dalam tabung Yayasan Kebajikan Negara sejak penubuhannya ialah \$7,292,595.38.
- (b) Di antara pertubuhan-pertubuhan sukarela dan institusi-institusi yang telah diberi bantuan oleh Yayasan ialah:
 - The National Autistic Society of Malaysia;
 - Rumah Seri Kenangan, Pasir Putih, Kelantan;
 - Majlis Pusat Kebajikan Kelantan;
 - Majlis Pusat Kebajikan Malaya Cawangan Negeri Johor;
 - Persatuan Kanak-kanak Spastik Johor;
 - Johor Area Rehabilitation Organisation (JARO);
 - Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim, Terengganu;

- Tabung Mangsa Kebakaran Duyung Kecil Terengganu;
- Persatuan Kanak-kanak Cacat Akal Selangor dan Wilayah Persekutuan;
- Majlis Pemulihan Malaysia;
- Sarawak Hun Nam Siang Tng;
- Hospital Universiti;
- Hospital Besar, Kuala Lumpur;
- Majlis Pusat Kebajikan Malaya Semenanjung Malaysia;
- Hospital Mata Tun Hussein Onn.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiap-tiap bantuan yang diberi oleh Yayasan Kebajikan Negara adalah berdasarkan kepada permohonan yang diterima daripada pihak yang berkenaan dan bukan atas pilihan Yayasan sendiri. Oleh yang demikian, maklumat berhubung dengan nama pertubuhan-pertubuhan atau institusi-institusi yang akan diberi bantuan oleh Yayasan Kebajikan Negara di masa hadapan tidak dapat dinyatakan oleh kerana ia akan bergantung kepada permohonan yang mungkin diterima oleh pihak Yayasan tersebut.

PROJEK PERUMAHAN SWASTA YANG TERBENGGKALAI

55. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan projek perumahan yang terbengkalai sehingga 30-5-87 dan berapa banyak yang telah dipulih semula oleh Kementerian berkenaan. Apakah anggaran nilai setiap projek yang terbengkalai dan anggaran bilangan rumah yang terlibat; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian berkenaan untuk meminima bilangan projek terbengkalai dan bilakah Kerajaan akan meminda peraturan-peraturan mengenai kawalan dan pelesenan pemaju-pemaju yang bertanggungjawab sahaja dibenarkan menyertai industri perumahan. Bilakah sistem akaun projek akan dilaksanakan sebagai satu cara berkesan untuk mengelakkan projek-projek perumahan terbengkalai.

Tuan Ng Cheng Kiat:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb Mei, 1987 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti 166 projek perumahan swasta yang telah terbengkalai di seluruh Semenanjung. Dari jumlah ini sebanyak 43 buah projek telah dipulihkan. Nilai keseluruhan projek secara kasar adalah sebanyak \$1.518 billion dan bilangan rumah yang terlibat ialah sebanyak 25,060 unit.
- (b) Untuk mengurangkan bilangan projek-projek yang terbengkalai, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang berusaha untuk bekerjasama dengan pihak Penguasa-penguasa Tempatan bagi mengawasi projek-projek yang sedang berjalan agar segala kelemahan dapat diatasi segera. Selain dari itu, bagi projek-projek yang telah terbengkalai, Kementerian ini sedang membuat kajian kemungkinan ke atas semua projek-projek berkenaan. Sehingga kini, sebanyak 10 projek sedang berada dalam peringkat kajian

kemungkinan dan 113 buah lagi berada dalam peringkat perundingan untuk dipulihkan.

Kementerian ini sedang mengambil tindakan meminda Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982 untuk dikemaskinikan dan disesuaikan dengan perkembangan industri perumahan. Di dalam Akta yang sedia ada, telah terdapat peruntukan di mana disyaratkan pemohon mesti mempunyai modal tertentu dan juga tidak disabitkan ke atas sesuatu kesalahan yang melibatkan perbuatan curang dan seseorang bankrap yang belum dilepaskan. Dengan peruntukan itu ianya diharapkan pemohon-pemohon lesen pemaju perumahan adalah seorang yang bertanggungjawab dari segi kedudukan kewangan dan kejujuran peribadi.

Berhubung dengan Sistem Akaun Projek, dimaklumkan bahawa Kementerian ini masih mengkajinya secara mendalam sebelum Sistem itu dilaksanakan di negara kita.

**KES YANG BELUM
DIBICARAKAN**

56. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyelesaikan masalah kes-kes yang belum dibicarakan (backlog) di Mahkamah-mahkamah Tinggi di negara ini dan sama ada terdapat cadangan untuk menambah bilangan Hakim-hakim bagi menyelesaikan kes-kes tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Dengan adanya pindaan yang dibuat kepada Akta Mahkamah Rendah 1948 baru-baru ini, bidangkuasa Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret dipertingkatkan. Di samping

itu Mahkamah Majistret Kelas II akan dilaksanakan mulai 1hb Ogos 1987 ini. Dengan terlaksananya perkara-perkara tersebut Kes-kes Sibil melibatkan tuntutan \$100,000 ke bawah yang pada masa ini di Mahkamah Tinggi akan dipindah ke Mahkamah Sesyen atas permohonan peguam-peguam dan mulai 1-8-87 semua kes-kes sibil \$100,000 ke bawah akan difailkan di Mahkamah Sesyen. Kes-kes melibatkan tuntutan \$25,000 ke bawah akan berpindah dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Majistret Kelas I dan semua kes-kes sibil melibatkan tuntutan \$3,000 ke bawah akan dipindahkan ke Mahkamah Majistret Kelas II.

Dengan berpindahnya sebahagian daripada bilangan kes-kes sibil dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Sesyen, kes-kes Mahkamah Tinggi akan berkurangan dan bilangan Hakim Mahkamah Tinggi yang sedia ada sekarang ini adalah mencukupi. Oleh itu buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan Hakim Mahkamah Tinggi.

BADAN PENCEGAH RASUAH— MEMBESARKAN

57. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membesarkan lagi Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan memperluaskan lagi bidang kuasa yang ada supaya usaha memerangi rasuah akan lebih berkesan. Sila berikan jumlah pegawai-pegawai Kerajaan, orang awam dan ahli-ahli politik yang didapati bersalah dan diambil tindakan oleh Mahkamah sepanjang tahun 1986 dan 1987.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Masalah rasuah sentiasa menjadi perhatian berat oleh pihak Kerajaan. Badan Pencegah Rasuah diwujudkan dengan diberi tanggungjawab untuk membentaras

rasuah di semua lapisan masyarakat. Manakala itu, tahap kegiatan rasuah di negara ini adalah di dalam keadaan terkawal dan belum mencapai ke tahap yang membimbangkan. Keupayaan dan kekesan usaha-usaha pencegahan rasuah oleh BPR adalah menggalakkan dan setakat ini Kerajaan berpuashati di atas prestasi yang dicapai oleh BPR. Namun begitu dari semasa ke semasa pihak Kerajaan sentiasa akan menyemak dan meneliti perkembangan masa, keadaan dan suasana berhubung dengan kegiatan rasuah dan sekiranya perlu akan memperkemaskan kedudukan BPR serta peruntukan undang-undang sejajar dengan kehendak perubahan keadaan dan masa.

Jumlah pegawai-pegawai Kerajaan, orang awam dan ahli-ahli politik yang didapati bersalah dan diambil tindakan oleh mahkamah sepanjang tahun 1986 hingga pertengahan bulan Jun 1987 adalah seperti berikut:

- 2.1 Pegawai Kerajaan seramai 84 orang;
- 2.2 Orang Awam seramai 67 orang;
- 2.3 Ahli Politik hanya seorang sahaja.

KILANG DI KAWASAN LUAR BANDAR

58. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah hasilnya dasar menabur kilang-kilang ke kawasan luar bandar dan bukan sekadar tertumpu di satu-satu tempat sahaja demi kepentingan penduduk-penduduk luar bandar.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Pendirian kawasan perkilangan adalah terletak di atas budi-bicara setiap Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab untuk menentukan kawasan-kawasan industri di negeri-negeri tersebut. Dengan itu dasar untuk menaburkan

kilang-kilang sama ada di kawasan bandar atau luar bandar adalah terletak di dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri.

POLARISASI RAS

59. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah polarisasi ras.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Berbagai-bagai langkah telah diambil oleh pihak Kerajaan melalui agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan sukarela bagi mencegah polarisasi ras di negara ini. Sejak tahun 1970 sebuah Jabatan Perpaduan Negara telah ditubuhkan untuk menjalankan tugas-tugas dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan program yang boleh mengelakkan polarisasi ras.

Kesemua program dan aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan ini melalui dua strategi iaitu strategi penggalakkan dan pencegahan. Strategi penggalakkan menekankan aktiviti-aktiviti di mana semua keturunan boleh bercampur-gaul dan berinteraksi dalam kegiatan-kegiatan kesukanan, kemasyarakatan, kebajikan dan kejuruan dengan tujuan untuk memupuk sikap tolong-menolong, bergotong-royong, berbaik sangka dan menanam perasaan toleransi di kalangan masyarakat.

Majlis strategi pencegahan Jabatan ini juga menjalankan pengesanan dari semasa ke semasa akan suasana hubungan antara kaum serta juga membantu dalam menyelesaikan perselisihan-perselisihan mengenai isu-isu yang timbul di kalangan masyarakat dengan cara mengadakan dialog dan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan.

GURU YANG DITUKAR KERANA POLITIK

60. Tuan Haji Abdullah bin Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah guru-guru yang ditukarkan kerana kegiatan politik selama Datuk Seri Dr Mahathir menjadi Menteri Pendidikan, selama Datuk Musa Hitam menjadi Menteri Pendidikan, selama Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi menjadi Menteri Pendidikan dan selama Menteri Pendidikan sekarang memegang jawatan itu;
- (b) terangkan sebab-sebab mengapa Menteri-menteri Pendidikan itu tidak boleh dikecam kerana tindakan seperti itu;
- (c) adakah tindakan itu diilhamkan oleh langkah penjajah British yang banyak menukarkan guru-guru dan pegawai-pegawai yang menyertai UMNO sebelum merdeka dulu; dan
- (d) berapa orang pula guru-guru yang berpolitik ditukarkan selepas Pilihanraya Umum 1986.

Dr Leo Michael Toyad: Setakat yang diketahui tidak ada guru yang ditukarkan kerana kegiatan politik selama Yang Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir, Yang Berhormat Datuk Musa Hitam, Yang Berhormat Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Yang Berhormat Saudara Anwar Ibrahim memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan Malaysia.

INDUSTRI PEMBUATAN KERETA

61. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Kerajaan memilih untuk membuat dan

mengeluarkan kereta dan bukan motosikal dan basikal yang akan memberi lebih faedah kepada kebanyakan rakyat Malaysia; bilangan kereta yang perlu dibuat dan dikeluarkan setiap tahun di bawah projek kereta supaya dapat "breakeven" dan jumlah perbelanjaan HICOM untuk projek kereta Malaysia.

Tuan Kasitah bin Gaddam:

- (i) Penglibatan Kerajaan dalam industri pembuatan kereta adalah hasil daripada kajian dan penelitian rapi yang dibuat sebelumnya. Oleh yang demikian, projek kereta telah dipilih untuk dilaksanakan sebagai langkah untuk meningkatkan lagi tahap industri kereta di negara kita berdasarkan objektif-objektif berikut:
- (a) menyusun semula industri kereta di Malaysia;
 - (b) mempelopori pembangunan industri komponen kereta serta mempergiatkan penggunaan komponen tempatan;
 - (c) memupuk dan menggalakkan perkembangan teknologi, pengetahuan kerja-kerja kejuruteraan dan kemahiran;
 - (d) membantu penyertaan Bumiputera dan industri kereta.
- Dengan objektif ini, projek kereta nasional diharap akan banyak memberikan faedah kepada negara dari segi ekonomi, pengetahuan dan peluang pekerjaan.
- (ii) Berdasarkan anjuran asal, tahap "breakeven" pengeluaran bagi projek kereta

nasional adalah pada tahun ketiga pengeluarannya. Walau bagaimanapun, tahap "breakeven" ini berubah dari semasa ke semasa bergantung kepada kos pengeluaran dan harga jualan dan keadaan ekonomi amnya.

- (iii) Jumlah perbelanjaan HICOM dalam projek kereta nasional sehingga 31 Mac 1986 adalah sebanyak \$105 juta.

**HIDUPAN LIAR DI SABAH/
SARAWAK**

62. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementeriannya akan meluaskan "Akta Pemeliharaan Binatang Liar 1972" (1972 Wildlife Protection Act) ke Sabah untuk melindungi binatang-binatang ini dari pupus. Jika tidak mengapa. Dan apakah benar bahawa Badak Sumatra dikatakan salah satu daripada 12 binatang yang akan pupus di muka bumi ini dan sama ada beliau akan menghantar pakar bagi membantu "Sabah Rhino dan Wildlife Conservation Committee" (SRWCC).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Di bawah Perlembagaan Persekutuan, pengurusan hal Ehwat perlindungan hidupan liar di negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah di dalam Senarai Bersama dan sebarang perlanjutan Akta Perlindungan Hidupan Liar 1971 ke negeri-negeri tersebut akan memerlukan persetujuan dari pihak Kerajaan yang berkaitan.

Pada awal tahun 1984, pihak Kementerian telah menghubungi Kerajaan-kerajaan Negeri Sarawak dan Negeri Sabah untuk mendapatkan pandangan dan persetujuan di atas cadangan tersebut. Walau

bagaimanapun hingga kini, kedua-dua Kerajaan Negeri masih belum memberi persetujuan mereka.

Jawapan bahagian kedua soalan ialah "Ya".

PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

63. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapakah kes kezaliman yang telah berlaku ke atas kanak-kanak (child abuse) yang telah dilaporkan bagi tempoh-tempoh 1983, 1984, 1985 dan 1986 di negara ini. Jika didapati kes ini meningkat di tahun kebelakangan ini, apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Mustaffa bin Mohamad: Kes penganiayaan kanak-kanak yang dilaporkan bagi tempoh 1983-1986 seperti berikut:

1983	1984	1985	1986
145	104	72	171

Pada kebiasaannya tindakan menyelamat kanak-kanak yang teraniaya dapat diambil hanya setelah Kementerian ini menerima laporan dari saudara, jiran atau orang ramai. Oleh itu bilangan kes yang dilaporkan di Kementerian Kebajikan Masyarakat tidaklah mencerminkan bilangan kejadian penganiayaan yang sebenarnya berlaku oleh kerana bukan semua kes dilaporkan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Menyedari masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak di negara ini, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah menubuhkan Jawatankuasa Intervensi Terhadap Penganiayaan Kanak-kanak untuk merancang strategi yang sesuai bagi menghadapi masalah penganiayaan terhadap

kanak-kanak. Sebagai langkah permulaan, satu pasukan yang dikenali sebagai SCAN (Suspected Abuse and Neglect Team) telah ditubuhkan di Wilayah Persekutuan pada bulan Mei 1985 dengan ahlinya terdiri dari Pakar Perubatan, Pakar Psikologi dan wakil dari agensi yang berkaitan.

Setakat ini Pasukan ini telah menggariskan panduan bagi pengendalian kes penganiayaan kanak-kanak dengan lebih teliti dan berkesan. Tumpuan yang diberikan oleh Pasukan itu telah berjaya meningkatkan perasaan tanggungjawab masyarakat dalam hal itu. Bagi tahun 1986, bilangan kes yang dilaporkan di Wilayah Persekutuan telah turut meningkat.

Pada tahun 1986, Pasukan itu telah menganjurkan satu seminar berkaitan dengan penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak untuk meningkatkan kesedaran umum.

Sejak itu media-massa juga turut memainkan peranan dalam menyebarkan maklumat kepada orang ramai.

Kementerian Kebajikan Masyarakat dengan usahasama dari pelbagai agensi yang berkaitan telah meneliti beberapa Akta dan Ordinan Kanak-kanak dan Orang Muda dan kini sedang menyediakan draf untuk sebuah Akta baru yang komprehensif bagi perlindungan kanak-kanak dan orang muda dari pelbagai gejala kekejaman dan penganiayaan.

PENGAGIHAN KEKAYAAN NEGARA

64. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama menikmati hak dan faedah serta pengagihan kekayaan yang sama rata di negara ini, dan sama ada dasar sedemikian rupa

akan dimasukkan dalam dasar ekonomi Negara selepas tahun 1990, jika tidak, mengapa.

Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:

Saya ingin menegaskan bahawa dasar-dasar yang digubal oleh Kerajaan selama ini pun memang berhasrat untuk memastikan rakyat negara ini menikmati faedah pembangunan dengan cara yang saksama. DEB, telah digubal untuk memperbaiki keadaan ketidak-seimbangan ekonomi dan kekayaan yang wujud di kalangan kaum. Adalah menjadi hasrat DEB supaya semua kaum di negara ini dapat hidup bersama dalam kehidupan ekonomi sehari-hari dalam suasana yang harmoni. Ke arah ini, strategi dan program utama yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) mewujudkan suasana pelaburan dan pertumbuhan ekonomi yang menarik supaya proses pembangunan negara dapat berjalan lancar;
- (ii) menyediakan peluang-peluang meningkatkan pendapatan bagi semua golongan berpendapatan rendah tanpa mengira kaum di berbagai sektor seperti usaha-usaha membangunkan kegiatan-kegiatan luar kebun di kawasan luar bandar dan perniagaan kecil di bandar;
- (iii) menyedia dan memperluaskan lagi liputan kemudahan-kemudahan asas seperti pelajaran, kesihatan, perumahan kos rendah, jalan-jalan luar bandar dan kampung serta bekalan air dan elektrik kepada semua kaum;
- (iv) menggalakkan perkembangan guna tenaga negara di samping berusaha mengurangkan keadaan yang tidak seimbang dalam struktur pekerjaan dan guna tenaga mengikut kaum secara berperingkat-peringkat

supaya dapat diwujudkan corak pengagihan yang sesuai dengan komposisi penduduk; dan

- (v) meningkatkan bahagian hakmilik rakyat Malaysia dalam pemilikan modal produktif negara, termasuk pemilikan saham dalam sektor syarikat. Dalam strategi ini, adalah menjadi hasrat DEB supaya sekurang-kurangnya 30 peratus saham dalam sektor syarikat dimiliki oleh Bumiputera sebagai golongan yang jauh ketinggalan di awal tahun-tahun tujuh puluhan.

Berdasarkan hakikat ini, Kerajaan berpendapat soal memasukkan hasrat pengagihan secara sama rata dalam dasar negara selepas 1990 tidak berbangkit. Apa yang perlu ialah Kerajaan akan memperkukuhkan lagi matlamat tersebut di masa-masa akan datang.

YURAN UNIVERSITI DI AUSTRALIA—BANTAHAN

65. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah suatu bantahan disampaikan kepada Kerajaan Australia melahirkan perasaan tidak puashati dengan langkah menaikkan yuran universiti untuk pelajar-pelajar asing sebanyak 10% untuk tahun depan yakni kenaikan ketiga yang berturut-turut sejak tahun 1985 dan kalau tidak mengapa;
- (b) apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap Kerajaan Australia supaya menekan kenaikan yuran universiti itu ditarik balik untuk menjagai kepentingan 12,000 penuntut-penuntut kita di Australia;

- (c) mengapakah Tabung Wang Kecemasan yang didirikan untuk membolehkan pelajar-pelajar kita menghabiskan pendidikan mereka tidak dinaikkan dari \$25,000 kepada \$5 juta untuk menampung permintaan bantuan wang pelajar-pelajar kita; dan
- (d) apakah kriteria skim bantuan wang itu untuk melayakkan diri dan berapa ramai serta berapa banyakkah jumlah wang telah dipinjam.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kerajaan Malaysia belum menghantar bantahan kepada Kerajaan Australia berkaitan dengan keputusan Kerajaan Australia menaikkan lagi bayaran "Overseas Students Charge" bagi tahun 1988. Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam kenyataan akhbar, Kementerian tidak bersetuju dengan kenaikan bayaran tersebut dan satu bantahan rasmi akan dihantar.
- (b) Kerajaan Malaysia berharap Kerajaan Australia dapat menarik balik keputusan yang telah dibuat. Jika Kerajaan Australia tidak dapat menarik balik keputusan mereka, Kerajaan Malaysia mungkin akan mengambil langkah-langkah lain. Bagaimana kita perlu memahami bahawa keputusan menaikkan bayaran "Overseas Students Charge" ini adalah hak mutlak Kerajaan Australia. Kerajaan perlu memikirkan implikasi-implikasi yang akan timbul jika langkah tindakbalas diambil supaya ianya tidak merugikan negara dan pelajar-pelajar sendiri.

- (c) Peruntukan untuk Tabung Pinjaman bagi pelajar-pelajar Malaysia di Australia sebanyak \$250,000 itu akan ditambah jika difikirkan perlu dan keadaan memerlukannya. Bagaimanapun sebarang pertimbangan peruntukan adalah bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

- (d) Kriteria pemberian pinjaman ini adalah:

- (1) Warganegara Malaysia.
- (2) Mengikuti kursus di peringkat ijazah atau ijazah lanjutan sepenuh masa di institusi yang diiktiraf.
- (3) Tidak menerima apa-apa bantuan dalam bentuk biasiswa atau pinjaman daripada mana-mana pihak.
- (4) Pendapatan ibu-bapa/penjaga tidak melebihi M\$1,500.00 sebulan.
- (5) Mempunyai rekod akademik yang baik.

Jabatan Penuntut Malaysia, Australia telah mengeluarkan 44 borang permohonan. Setakat ini hanya 6 permohonan telah dikembalikan semula dan keenam-enam permohonan itu telah pun diluluskan pinjaman. Jumlah wang yang dipinjamkan setakat ini ialah sebanyak lebih kurang \$10,620.

JURULATIH SUKAN/OLAHRAGA

66. Tuan Mohamad Sam bin Sailan minta Menteri Belia dan Sukan menerangkan:

- (a) sama ada beliau berhasrat untuk mengimport jurulatih-jurulatih dalam bidang-bidang sukan dan olahraga untuk meningkatkan prestasi sukan negara;

(b) kiranya hasrat ini benar adakah ini merupakan satu cara yang paling baik memandangkan adanya jurulatih-jurulatih tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang setimpal dengan mereka ini, tetapi mereka ini tidak diberi peluang dan pendedahan untuk mempraktikkan kebolehan mereka.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Setakat ini soal mengimport atau mengambil bekerja jurulatih asing ke negara ini masih menjadi tugas dan tanggungjawab Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing. Walau bagaimanapun, hanya jika ada permohonan bantuan atau subsidi daripada Persatuan Sukan Kebangsaan untuk membayar gaji atau elaun jurulatih-jurulatih asing sahaja, maka Kementerian melalui Majlis Sukan Negara Malaysia akan terlibat. Dalam hal ini, Majlis Sukan Negara memproses serta memberi persetujuan akan cadangan yang berkenaan. Bagi Kementerian Belia dan Sukan perkhidmatan jurulatih dari luar negeri hanya didapatkan sekiranya didapati jurulatih-jurulatih berkenaan mampu memenuhi keperluan-keperluan yang ditentukan. Dalam beberapa hal, Kementerian ini lebih menumpukan usaha untuk meningkatkan mutu kejurulatihan tempatan dengan mengadakan kursus-kursus yang dikelolakan oleh jurulatih-jurulatih asing ini.

PENGETUA SEKOLAH MENENGAH LA SALLE— KELAYAKAN

67. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pendidikan supaya memberi penjelasan yang penuh mengapa "La Salle Brother" tidak dibenar atau dipilih menjadi Pengetua Sekolah

Menengah La Salle, Kota Kinabalu, Sabah dan sama ada Kementeriannya telah mendapat apa-apa cadangan ke atas perkara ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, "La Salle Brother", Justin Mupilik tidak mempunyai kelayakan yang cukup untuk dilantik sebagai Pengetua Sekolah Menengah La Salle, Kota Kinabalu. Beliau hanya berkelayakan Kategori D2, sedangkan sekolah tersebut ialah sekolah Gred A dan jawatan Guru Besarnya bertaraf Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori D1 Tingkat Tertinggi "G"

KEMENTERIAN PELANCONGAN— ROMBAKAN SEMULA

68. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan mengapa sebuah Kementerian baru mengenai pelancongan diwujudkan semasa rombakan semula Kabinet baru-baru ini dan apakah rancangan-rancangan untuk menggalakkan perusahaan tersebut di negara ini dan usaha-usahanya untuk menggalakkan pelancongan sebagai sumber pendapatan atau "dollar earner".

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Industri pelancongan merupakan salah satunya industri yang terkemuka di dunia dan sumber tukaran matawang asing yang penting. Kerajaan Malaysia juga mengenalpasti potensi industri ini yang telah menunjukkan kemajuan dan pertumbuhan yang menggalakkan. Berdasarkan kepada ketibaan pelancong di Malaysia pendapatan negara dari pelancongan telah meningkat dari \$713.1 juta dalam tahun 1980 kepada \$1,542.8 juta dalam tahun 1985. Untuk tahun lepas pelancong-pelancong di Malaysia dianggarkan berbelanja lebih \$1,600 juta. Di samping itu kesan-kesan gandaan (multiplier effect)

kepada industri-industri lain telah memberi faedah yang tinggi kepada negara.

Memandangkan sumbangan besar industri pelancongan kepada ekonomi Malaysia, Kerajaan telah mewujudkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan matlamat supaya pendapatan negara ditingkatkan melalui pertambahan ketibaan pelancong-pelancong ke Malaysia dan juga dengan memanjangkan jangkamasa tinggal pelancong-pelancong di Malaysia. Dengan peningkatan ketibaan pelancong-pelancong dan juga lanjutan jangkamasa tinggal, pendapatan pelancongan (tourism receipts) bagi negara ini akan bertambah.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan juga menumpukan perhatian kepada penggalakan pelancongan dalam negeri (domestic tourism) bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada rakyat Malaysia bahawa negara ini juga mempunyai daya penarik yang unik setanding dengan negara-negara lain dan diharapkan lebih banyak dari rakyat-rakyat Malaysia melancong di dalam negeri.

Untuk mencapai matlamat-matlamat ini, Kementerian telah membuat beberapa rancangan untuk memastikan pemasaran Malaysia dipergiat dan untuk memperbaiki lagi "tourism product" yang terdapat di Malaysia agar dapat menaik lagi pelancong-pelancong sama ada dari luar negeri mahupun dari rakyat Malaysia sendiri. Di dalam konteks ini Kebudayaan Malaysia akan digunakan sebagai satu tarikan pelancong ke negara ini.

Kementerian juga akan bergiat untuk memupuk lagi kerjasama dan koordinasi dengan Kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan supaya "tourism product" dapat diperbaiki dan terus dipelihara dengan sewajarnya.

SKIM TANAMAN SEMULA

69. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan kenapa skim tanaman semula untuk orang-orang perseorangan tidak digalakkan lagi tetapi lebih kepada skim Tanaman Semula Berkelompok (TSB) ataupun Mini Estet. Apakah Menteri sedar kadang-kadang bermasalah untuk mendapatkan persetujuan, berkelompok oleh sebab-sebab politik ataupun peribadi sedangkan beberapa pekebun kecil di kawasan tertentu perlu untuk menanam semula getah-getah tua mereka yang sudah tidak ekonomi.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Dalam melaksanakan program Tanam Semula, RISDA mempunyai empat pendekatan yang digunakan iaitu Tanam Semula Individu, Tanam Semula Serentak (TSS), Tanam Semula Berkelompok (TSB) dan Mini Estet. Didapati penanaman semula secara berkumpulan seperti Tanam Semula Berkelompok, Tanam Serentak dan Tanam Semula secara Mini Estet dapat memberi faedah yang lebih kepada pekebun kecil dari segi ekonomik, penjimatan masa dan kos, penggunaan teknologi yang moden, pembangunan tanah dan penggunaan amalan pertanian yang seragam dan juga dapat mengatasi masalah kebun yang terbiar oleh kerana pemilikannya tinggal jauh atau tidak mengusahakan (absentee owners). Pembangunan secara berkelompok juga dapat memupuk semangat kerjasama, bergotong-royong dan kerja yang lebih terancang di kalangan masyarakat pekebun kecil.

Pembangunan Tanam Semula kebun-kebun yang berdekatan dan berkelompok atau Mini Estet ini diusahakan hanya di mana yang sesuai sahaja, dan bukanlah menjadi polisi

RISDA/Kerajaan untuk menekankan pembangunan cara ini sahaja. Di mana terdapat pekebun kecil yang terpencil dan berjauhan, bantuan tanam semula secara individu masih diberi keutamaan oleh RISDA. Namun begitu, walau apapun cara yang diamalkan, seseorang pekebun kecil mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu sebelum mendapat bantuan untuk menanam semula kebun getah tuanya yang sudah tidak berekonomik.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (1hb Julai, 1987).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat dari Lembah Pantai untuk menyambung.

3.36 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan semalam berhubung dengan Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, 1985 yang mana semalam saya telah pun menerangkan dan memberi pandangan berhubung dengan hutan-hutan yang ada di dalam negara kita ini yang telah banyak diterokai dan juga telah ditebang pohon-pohon, kayu-kayu dan seterusnya, dan begitu juga dalam

masalah untuk menjaga pohon-pohon dan kayu-kayu ini berhubung dengan masalah di Kuala Lumpur.

Sebagaimana yang saya terangkan semalam iaitu di Kuala Lumpur ini misalnya pohon-pohon dan bukit-bukit yang ada sekarang ini patut ditinggalkan begitu. Sungguhpun pihak Kerajaan berhasrat untuk meluaskan jalan, menggali dan membuang tanah dan bukit-bukit yang ada yang mana saya cadangkan di masa yang akan datang supaya bukit-bukit ini hanya tidak digali atau dibuang tanah-tanah hanya dibuat terowong-terowong, jalan bawah tanah. Ini saya rasa bukan di negara kita sahaja, di negara-negara yang lain yang kekurangan tanah, mereka ini juga membuat cara begitu. Umpamanya di Vienna. Saya melihat keadaan di tanah-tanah dan di bukit-bukitnya tidak begitu tinggi tetapi mereka itu membuat jalan di bawah tanah, atasnya boleh dibuat rumah-rumah kediaman dan sebagainya bagi mengelakkan tanah-tanah tidak ada kekurangan khasnya di Kuala Lumpur ini sendiri.

Soalan yang kedua, begitu juga dengan masalah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Semalam saya terangkan masalah Bukit Nenas yang ada masih bukit lagi dan juga pohon-pohon yang ada supaya jangan ditebang dan ditinggalkan begitu untuk dapat kita melihat kehijauan bandar Kuala Lumpur ini dengan adanya bukit, dengan ada pohon-pohon kayu. Dan di samping itu juga dapat kita membuat penyelidikan dan pohon-pohon yang ada itu kalau boleh diberi nama-nama itu, supaya anak-anak kita yang masih sekolah, yang masih belajar ilmu-ilmu perkayuan, mereka ini akan dapat datang melihat nama-nama kayu yang telah mereka pelajari di sekolah.

Di samping itu juga sebagaimana yang saya perkatakan semalam untuk membawa pelawat-pelawat yang datang ke dalam negara kita ini untuk melawat, yang dekatnya ialah Bukit Nenas dan di samping itu disediakan juga cenderamata-cenderamata ataupun souvenir, minta izin, kepada pelawat-pelawat yang asalnya daripada kayu umpamanya, buatkan pen holder, tempat habuk rokok, key chain dan sebagainya yang dibuat daripada kayu. Kayu ini datangnya dari hutan-hutan yang lain hanya kita pameran ataupun dijual di kawasan-kawasan ini. Ini saya rasa berhubung juga dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang baru diwujudkan dan bekerjasama. Begitu juga di Kuala Lumpur ini iaitu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang ada di Kepong, sama ada sudah dibuat ataupun belum, kalau boleh dibuat satu tempat untuk kita juga orang luar untuk melawat pokok-pokok ataupun pohon kayu yang ada supaya dapat dilihat sebagaimana yang saya lihat seperti saya terangkan semalam di Amerika Syarikat umpamanya, mereka membela, menjaga pohon-pohon ini untuk diperkenalkan pohon kayu itu, ini dan sebagainya dan begitu juga pohon-pohon yang tidak ada dalam negara itu, mereka bawa ke sana ditanam, dijaga dengan baik dapat mereka menunjukkan, pokok ini ada di Malaysia, pokok ini ada di Jepun umpamanya.

Begitu juga kita di Malaysia ini supaya dapat pohon-pohon ini juga dibawa. Soal yang lain kita melihatkan, semalam ada saya sebutkan juga tentang kita mengadakan, membuka jalan-jalan/highway yang baru sekarang ini yang mana hutan-hutan telah pun banyak diteroka begitu luas sehinggakan pohon-pohon kayu habis telah ditebang dan tidak ada kajian yang telah dibuat dan saya rasa kemungkinan tidak ada apa-apa

perundingan yang dibuat dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan. Umpamanya apabila hendak diadakan lebuhraya ini, ini sama ada telah ataupun tidak Jabatan berkenaan—Jabatan Alam Sekitar yang mana akan memberi pandangan bagaimana jikalau dibuat, adakah masalah pencemaran alam dan sebagainya. Begitu juga Jabatan Pembangunan Negara dan Luar Bandar—kemungkinan jalan-jalan ini akan pergi ke luar bandar dan seterusnya, bagaimana keadaan yang akan melibatkan hutan-hutan ini nanti dan Jabatan-jabatan lain juga sepatutnya berunding apabila hendak diadakan jalan-jalan ini.

Sekarang kita lihat jalan Kuala Lumpur—Kuantan Highway yang ada sekarang, berapa luas kiri kanan tanah-tanah yang kosong begitu sahaja. Pada hal ini adalah satu hasil dalam negara kita—sama ada telah ditanam ataupun belum, saya mencadangkan supaya kawasan-kawasan yang lapang itu supaya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia ataupun Bahagian Perhutanan menanam semula pohon-pohon kayu yang berharga mulai daripada sekarang kerana hutan-hutan yang ada dalam negara kita ini semakin hari semakin pupus kerana pembangunan-pembangunan yang begitu pesat. Oleh itu ini adalah harapan saya supaya kita dalam negara ini mendapatkan masa hadapan untuk generasi kita yang akan datang supaya perhutanan ini dapat dikekalkan sebagai salah satu hasil dalam negara kita.

Begitu juga jalan yang dibuat lebuhraya Timur-Barat menyambung antara Kedah ke Kota Bharu, ini juga yang mana begitu banyak luas hutan tebal telah pun ditebang dan pohon-pohon kayunya telah pun habis. Saya rasa tidak ada pembelaan ataupun penanaman semula dijalankan oleh pihak perhutanan, hanya terbiar begitu sahaja dengan pohon-pohon

yang lain. Oleh itu, saya mencadangkan supaya tempat-tempat yang seumpama ini ditanam dengan kayu yang berharga mulai daripada sekarang dan yang lain juga kita sepatutnya apabila masalah-masalah ini juga pemotongan ataupun penebangan jikalau tidak perlu, tidak terkena jalan-jalan/laluan itu umpamanya pokok/buah-buahan yang boleh dimakan supaya tidak ditebang.

Umpamanya pokok petai, jering, kerdas dan macam-macam lagi buah hutan yang mana ini rasa saya, umpamanya buah kundang hutan—kalau kita beli di pasar sekarang ini yang datang daripada negara jiran kita Thailand harganya sampai \$6.00 satu kilo. Pada hal pohon itu ada juga di dalam negara kita tetapi tidak dibela dan dipelihara. Begitu juga pohon-pohon enau yang mana pohon-pohon ini mengeluarkan gula kabong enau dan juga kalau tidak dijaga saya rasa ini akan menghilangkan hasil-hasil dan juga benda-benda yang seumpama ini yang mana boleh mendapatkan hasil untuk negara kita dan di samping itu juga oleh penduduk-penduduk luar bandar yang mana mereka ini dapat menjual hasil-hasil ini apabila mereka pergi ke hutan-hutan berdekatan. Inilah yang sepatutnya kita fikirkan. Jangan hanya pihak-pihak yang berkenaan apabila hendak mengadakan jalan-jalan seterusnya, tebang dengan tidak ada perkiraan yang hendak dibuat dengan mana-mana Jabatan.

Saya sebutkan tadi sepatutnya lebih awal berbincang dengan Kementerian-kementerian berkenaan, seperti Kementerian Alam Sekitar, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Pertanian dan sebagainya, ini adalah melibatkan semuanya.

Soalan yang lain, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal pencurian balak yang mana kita dengar begitu selalu

sangat pembalok-pembalok ini yang telah menjadi kaya-raya, sungguhpun ada kawasan-kawasan yang telah diperuntukkan kepada mereka tetapi tidak ada kawalan yang ketat, kemungkinan Polis Hutan ataupun Pegawai-pegawai yang berkenaan tidak menjaganya dengan rapi. Mereka ini menebang, bukan kawasan mereka tetapi masuk ke kawasan-kawasan beribu-ribu ekar yang telah ditebang dengan tidak ada pemeliharaan semula untuk tanaman semula dijalankan. Ini juga kita mengharapkan pihak Perhutanan ini menjaga masalah-masalah ini supaya tidak berlaku dengan pencurian-pencurian balak ini dan mengelakkan daripada cukai-cukai yang banyak dan begitu juga kita lihat dan kita mendapat tahu apabila balak-balak dikeluarkan daripada hutan-hutan dengan tidak ada tanda pengesahan daripada pihak Pegawai Perhutanan dan dijual dengan cara curi dan cara haram, ini mengelakkan wang ataupun cukai-cukai yang sepatutnya didapatkan oleh pihak Kerajaan kita.

Dalam soal lain pula soal perhutanan ini kita tahu tiap-tiap hutan dalam negara kita ini adalah dipegang oleh negeri masing-masing, umpamanya negeri Kedah, Perak dan Negeri Sembilan, begitu juga. Di sana kita mendapat tahu juga hutan-hutan yang ada yang mana kita dengar ada pengurniaan dan pemberian dan sebagainya kepada orang-orang berkenaan. Ini juga saya rasa dapat diambil kira oleh pihak-pihak berkenaan supaya tidak disalahgunakan dan penyelewengan berlaku. Kadangkala mereka ini telah mendapat satu-satu kawasan beribu-ribu ekar, setelah itu minta lagi dengan cara yang lain, tubuh kompeni yang lain dan hanya dibolot atau dimonopoli oleh mereka sahaja.

Dalam soal ini kita mengharapkan dapat masalah seumpama ini dijaga, dikawal dengan baik supaya masalah penyelewangan tidak berlaku.

Semalam telah pun saya berucap lebih kurang dalam 10-15 minit, oleh itu saya rasa itu sahaja yang kita harapkan supaya penjagaan-penjagaan yang saya sebutkan tadi dapat dijaga dengan rapi supaya kita tidak rugi ataupun tidak pupus hutan dalam negara kita ini sendiri di masa akan datang.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya bersama-sama menyokong di atas Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia ini untuk meminda Akta ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

3.51 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan) 1987 ini.

Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Perusahaan Utama khususnya dan juga Kerajaan amnya kerana telah berjaya menjadikan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia sebagai sebuah badan berkanun dalam tahun 1985 dan ini sudah semestinya menjadi dorongan bagi seluruh pegawai di Institusi tersebut untuk bergerak lebih cergas dan bekerja dengan lebih gigih lagi untuk menjadi agensi itu satu badan yang berkesan ke arah menyelidiki dan membangunkan sektor perhutanan di seluruh negara. Pada hari ini saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas kepada pihak Kementerian Perusahaan Utama dan juga Kerajaan

yang telah berjaya pada hari ini membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan) 1987. Ini ialah satu langkah ke hadapan yang lebih jauh ke arah memesatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan sektor perhutanan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, hutan ialah khazanah negara. Hutan ialah pemberian Allah subhanahu wa taala kepada kita dan dari hutan kita berlindung, andaikata kita ketiadaan rumah, dari hutan kita memperoleh bekalan air yang bertakung di bawah tanah ditumbuhinya. Pada hari ini kita tentunya sudah menyedari hakikat bahawa hutan ialah hasil mahsul permukaan bumi yang boleh memberi kekayaan kepada sesebuah negara, sesebuah negeri dan juga penduduk-penduduk negara dan penduduk-penduduk negeri kalau sektor ini diutilisasikan dengan cara yang lebih bermakna dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum oleh kerana pemberian Tuhan ini ialah pemberian Tuhan yang dikatakan dalam bahasa Inggeris, dengan izin, "depletive resources", adalah menjadi tugas kita sebagai rakyat dan Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menentukan supaya "depletive resources" ini, dengan izin, dijaga, dimaintain, dengan izin, dengan cara yang paling baik dan berkesan. Bak kata pepatah Melayu: Bak menatang minyak yang penuh supaya setitik pun tidak jatuh daripada takungan. Hutan juga, kita harus menyedari bukanlah untuk kita sahaja di era ini, bukan untuk nenek datuk kita sahaja di era yang lepas, tetapi, kalau dapat, harus dijadikan hasil mahsul permukaan bumi yang dapat terus digunakan untuk kita sendiri pada hari ini dan juga untuk anak cucu kita di masa yang akan datang. Dan sebab itulah penjagaan hutan, pengurusan hutan hendaklah kita jalankan, laksanakan dengan

betul supaya bukan hanya kita pada masa ini dapat menikmati kekayaan hasil mahsul permukaan bumi yang begitu indah tetapi anak cucu kita nanti akan dapat menikmati keindahan hutan, keindahan hasil mahsul permukaan bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua,—hampir hendak sebut saudara-saudari sekalian lagi ya!—sejarah hutan tidak bolehlah kita hendak sebut tetapi sejarah wang daripada hutan kita boleh sebut. Nenek datuk kita dahulu tidak pernah memikirkan bahawa hutan ini menghasilkan wang tetapi di negeri Sarawak, saya memang tahu dan jelas sejarah macam mana hutan ini telah menjadi hasil yang dapat mengeluarkan membolehkan rakyat memperolehi wang. Namun demikian, sebelum itu saya perlu menyentuh mengenai hutan keseluruhannya di negara kita ini dan juga di negeri Sarawak—Sabah tidak termasuklah, kerana saya ini berasal daripada Simunjan yang kebetulan di negeri Sarawak. Kalau kita lihat di Semenanjung Malaysia jumlah kawasan hutan yang boleh dibalok ialah lebih kurang 2.47 juta hektar—ini mungkin sudah bertukar sekarang. Kawasan hutan dara ialah 1.26 juta hektar, hutan sudah dibalok ialah 2.02 juta hektar dan hutan tidak berhasil ialah 1.9 juta hektar—semuanya 2.47 juta hektar. Ini kalau dibanding dengan keluasan kawasan-kawasan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia atau seluruh Semenanjung Malaysia adalah peratus yang begitu kecil.

Di negeri Sarawak masih banyak, ini on paper, dengan izin, tetapi on the ground we don't know, dengan izin. Kadang-kadang orang-orang di atas ini terkeliru dengan "on paper information" sahaja, dengan izin, kerana kalau kita terbang dalam helikopter pergi ke kawasan-kawasan pendalaman di negeri Sarawak kita

dapati bahawa walaupun on paper, dengan izin, jumlahnya begini rupa tetapi on the ground, dengan izin, jumlahnya lain kerana boleh dikatakan sebahagian besar telah pupus, lebih-lebih lagi akibat daripada beberapa perkara termasuklah soal politik hutan, shifting cultivation, dengan izin, pertanian pindah-randah, aktiviti yang dijalankan di negeri Sarawak dan Sabah dan juga di sini oleh Orang-orang Asli.

Jumlah hutan paya di negeri Sarawak ialah 5,600 batu persegi iaitu 11.7% daripada jumlah kawasan negeri Sarawak. Hutan bukit, dikatakan on paper, dengan izin, jumlah angka ini pun disediakan oleh pegawai-pegawai yang terpaksa memberitahu orang atasan bahawa figurenya mesti menarik, mungkin supaya cepat naik pangkat, saya tak tahulah.

Jumlah hutan bukit ialah 30,800 batu persegi iaitu 60% daripada keseluruhan kawasan negeri Sarawak dan jumlah kawasan-kawasan perkampungan, bandar, kawasan pertanian dan lain-lain yang ada belukar (bushes) sekarang ini ialah 11,000 batu persegi atau 23%, jumlah keseluruhan 47,500 batu persegi iaitu 100% daripada kawasan Sarawak.

Ini membuktikan bahawa masih banyak hutan yang ada. Walau bagaimanapun, di Semenanjung Malaysia kurang dan di Sarawak masih banyak sebab itulah orang begitu tertarik, kadang-kadang terpaksa "berperang" sedikit, bukan perang dengan senjata, perang mulut, perang politik mungkin disebabkan berebut hutan ini.

Kerajaan di bawah pimpinan Y.A.B. Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud sekarang menyatakan bahawa Kerajaan dahulu khususnya di bawah pimpinan Tun Datuk Patinggi Abdul Rahman bin Ya'kub banyak sangat mengeluarkan lesen membalak

hutan. Tetapi kalau kita selidiki, anehnya sekarang Datuk Taib sendiri pun memberi lesen hutan yang banyak kepada kunci-kuncunya. Sebenarnya, saya tidak ada kena mengena dengan hutan, tetapi orang yang tak ada kena mengena dengan hutanlah yang paling layak bercakap mengenai hutan, rasa saya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperlukan oleh kita untuk menentukan supaya hutan itu diurus dan dijaga dengan berkesan ialah untuk menentukan supaya pengurusan dan penggunaan sumber hutan dijalankan secara berkesan bagi memperolehi faedah-faedah maksima yang berasaskan kepada keupayaan hutan itu. Kita mesti uruskan dan dari segi penggunaan kita mesti tentukan supaya penggunaan itu akan tetap menjadi yang paling maksima supaya ia bukan hanya menguntungkan kita dari segi menjaga hasil mahsul permukaan bumi untuk jangka masa yang lebih panjang tetapi juga menguntungkan kita.

Ertinya kita boleh tebang hutan untuk dijual, tetapi kalau ditebang untuk dijual, janganlah hanya menguntungkan segolongan orang yang tertentu sahaja, tetapi hendaklah ditebang dan dijual untuk menguntungkan seluruh negara, seluruh negeri dan seluruh rakyat, kalau dapat. Yang kedua, kita hendaklah menentukan supaya pengurusan penggunaan sumber hutan haruslah berdasarkan rancangan penggunaan tanah dan pengurusan hutan yang lengkap ini.

Yang ketiga, yang penting ialah kita juga mesti menentukan dengan spesifik pengeluaran hasil hutan berdasarkan kepada penilaian sumber hutan yang sistematik dan mendalam serta keupayaan pertumbuhan hutan, ertinya bila kita tebang mesti tanam lagi, tanam semula, ataupun yang tak tebang itu kita jaga dengan betul-betul

atau silvicultural treatment, dengan izin, mestilah kita jalankan. Hutan yang ada itu kita perbaiki, pokok yang kecil itu kita jaga juga, kita beri baja supaya cepat tumbuh, kemudian orang-orang yang membalak itu mesti ditentukan supaya menjalankan aktiviti membalak yang sesuai, mesti ditentukan supaya kayu kayan yang tidak patut ditebang itu janganlah ditebang, pokok yang kecil-kecil itu dalam proses penebangan janganlah menjadi mangsa kepada aktiviti-aktiviti pembalakan yang kita jalankan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, sila duduk! Majlis mesyuarat dtempohkan selama 10 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.05 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.20 petang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Simunjan, sila teruskan.

4.20 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya perkatikan ialah mengenai cara-cara dan langkah-langkah yang harus kita ambil untuk menentukan supaya khazanah hutan ini akan dapat kita jaga dengan berkesan supaya ianya boleh menguntungkan kita sendiri di era ini dan juga anak cucu kita nanti di masa-masa yang akan datang.

Yang pertama saya kata ialah pengurusan dan penggunaan sumber

hutan bagi memperoleh faedah-faedah maksima yang berasaskan kepada keupayaan hutan ataupun sumber hutan itu sendiri.

Seterusnya saya perkatakan bahawa pengurusan penggunaan sumber hutan berdasarkan rancangan penggunaan tanah dan pengurusan hutan yang lengkap haruslah kita adakan, kalau ada harus kita teruskan dan laksanakan dengan berkesan.

Ketiga, penentuan dengan spesifik pengeluaran hasil hutan berdasarkan kepada penilaian sumber hutan yang sistematik, teratur dan mendalam serta keupayaan ketumbuhan hutan hendaklah boleh menjamin pelaksanaan dasar tersebut.

Keempat, pengawalan aliran kayu-kayan berdasarkan kepada keseimbangan bekalan dan permintaan dan prospek penggunaan yang maksima.

Kelima, pengusaha-hasilan sumber hutan dengan jimat-cermat melalui amalan sistem tebangan pilihan, iaitu "selective felling", dengan izin, serta penentuan anak benih yang cukup untuk menjamin sumber hutan yang berkekalan.

Keenam, pengamalan peraturan pengurusan hutan yang optima berasaskan kepada maklumat-maklumat yang diperolehi dari penyelidikan operasi dan pengurusan hutan yang kita katakan ataupun boleh kita panggil sebagai "integrated system", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya apa yang telah saya sebutkan itu kita laksanakan dengan betul, berkesan dan pihak yang melaksanakan itu menjalankan tugas dengan betul berkesan, tentunya perkara-perkara ini sudah dan sepatutnya termaktub dalam objektif-objektif Dasar Perhutanan Negara, maka sudah tentulah saya yakin bahawa hutan kita akan terus terurus dan akan dapat menguntungkan bukan

hanya kita pada masa kini, tetapi juga generasi-generasi yang mengambil alih tempat kita di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar betapa kita perlu memaksimumkan pengutilisasian sumber hutan di negara kita ini. Dalam bahasa Inggeris kita katakan bahawa "recovery rate", dengan izin, haruslah kita memaksimumkan—pun boleh juga, tanya Timbalan Menteri Pendidikan sekarang yang mana perkataan itu sudah disenaraikan dalam.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, sila.

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat yang berucap sekarang bercadang memberi satu kursus dalam Bahasa Malaysia kepada kita Ahli-ahli lain, sebab saya baru dengar banyak perkataan-perkataan yang baru yang tidak dapat di dalam kamus.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, ini kerana sebelum saya meninggalkan Kementerian Pelajaran, memang banyak perkataan-perkataan baru yang telah saya perkenalkan, tetapi tidak sempat saya masukkan dalam senarai Dewan Bahasa dan Pustaka. Kalau hendak mengikuti kursus, insya Allah, saya boleh beri ataupun saya boleh beri kuasa kepada Timbalan Menteri Pendidikan sekarang untuk memberi kursus kepada Yang Berhormat dengan harapan menggunakan perkataan-perkataan baru itu dapat kita pelajari.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada sektor perhutanan, suka saya jelaskan bahawa untuk menentukan

supaya objektif kita dapat dijalankan, kita hendaklah mengadakan apa yang kita panggilkan “pengkuantifikasian” dan penilaian sumber hutan. Ini perkataan baru yang juga perlu dicatit, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, perancangan penggunaan tanah dan pengurusan hutan.

Yang ketiga, pembangunan sistem pengurusan hutan yang teratur dan praktikal.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mengatakan bahawa pengutilisasian, atau dengan izin, “the utilisation of timber resources in our country” mestilah dimaksimakan, walaupun ini juga bergantung kepada pasaran. Pasaran mesti baik untuk bahan-bahan sampingan itu. Ada orang yang suka bercakap mengenai kita mesti memaksimisasikan sumber hutan ini, bukan hanya 50% utilisation, tetapi mesti sampai kepada 110% which is impossible, dengan izin, tak boleh. Kalau 110% teruklah hingga tanah pun kita gunakan, tetapi kita mesti menjalankan ini secara yang menyeluruh, tidak boleh kita katakan mesti memaksimakan pengutilisasian sedangkan pasaran tidak kita jaga. Permintaan bukan hanya di pasaran-pasaran tempatan tidak ada, tetapi di pasaran dunia pun tidak ada. Jadi, bagaimana boleh kita melaksanakan dasar untuk memaksimakan penggunaan bahan-bahan kayu-kayan ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, memang banyak perlu kita lakukan dan laksanakan dari segi aspek ini. Di negeri-negeri asing, misal kata, yang dikatakan kita sebagai negara-negara membangun, mereka menggunakan mengutilisasikan hampir 80% hingga 90% daripada sumber hutan ini sedangkan kita paling banyak, paling tinggi 60%. Ertinya, banyak wastage, dengan izin, banyak sampingan yang kita buang dan ini lebih teruk lagi di negeri-negeri yang

belum membangun dengan sebenarnya industri perhutanan di negeri-negeri tersebut seperti di Sarawak, mungkin seperti juga di Sabah kerana mereka ini banyak sangat hutan, mereka fikir hutan itu masih banyak, jadi tak ada hal. 10% utilisasi pun boleh, jadi megah. Tuan Yang di-Pertua, itu kita perlu pastikan.

Satu lagi aspek yang harus menjadi perhatian kepada kita yang tidak seharusnya berulang ialah kita harus memikirkan bahawa hutan itu bukan kepunyaan kita, kepunyaan anak cucu kita, generasi-generasi yang akan datang, bukan kepunyaan Bujang Ulis, dengan izin, ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri dari Betong—bukan, ataupun dari Bintulu—bukan, ataupun Ketua Menteri—pun bukan.

Oleh kerana itu dengan kesedaran ini dalam menggunakan kuasa yang ada pada kita, untuk menggunakan hasil mahsul pembukaan bumi yang begini berharga, kita hendaklah mengambil kira akan hakikat ini. Kalau kita ingin senang disebabkan hutan pada masa ini, apakah anak cucu kita nanti tidak berperasaan sedemikian ataupun generasi yang lebih jauh daripada itu. Ini kita perlu fikirkan. Datuk nenek kita dahulu tidak perlu kita fikirkan kerana sudah lepas. Sama ada mereka sudah pakai hasil mahsul hutan atau tidak, up to them, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah hutan sebagai sumber yang boleh memberi kesenangan kepada rakyat bermula dari zaman penjajah dahulu. Sebelum penjajah, semasa negeri Sarawak di perintah oleh Sultan Brunei, yang memegang teraju kekayaan, teraju perdagangan ialah orang-orang bumiputera, terutama orang-orang Melayu. Apabila penjajah datang ke Negeri Sarawak, mereka menggalakkan kemasukan orang-orang asing di Negeri Sarawak dan orang asing ini, masa dahulu, sekarang

orang-orang Malaysia keturunan Cina, yang bernasib baik ini ialah golongan yang dipanggil "Fuchow". Ini sejarah. Kerana apa saya katakan bernasib baik, mereka ini ditempatkan di kawasan yang paling kaya dengan hasil mahsul hutan iaitu di Rajang Delta. Bangsa Tionghua lain yang datang itu ditempatkan di tempat lain seperti Simunjan, ada juga hutan, tetapi tidak banyak, Baram—kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, di kawasan Betong—kawasan Yang Berhormat Douglas Uggah, tetapi yang paling kaya ialah kawasan.

Tuan Luhut Wan: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Petua.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Silakan.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya yang di Baram itu yang mempunyai hutan yang begitu luas, dia salah sebut tadi mengatakan kurang hutan. Saya punya tempat ada banyak hutan (*Ketawa*). Simunjan kurang. Saya punya tempat yang banyak hutan. Ini untuk makluman Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, baik jugalah, mungkin Yang Berhormat dapat peluang juga nanti, siapa tahu?

Tuan Luhut Wan: Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jangankan hendak lihat kayu balak, daun balak pun saya tidak ada (*Ketawa*). Saya tiada hutan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kalau sekarang tiada daun balak, cuba-cuba usahalah, mungkin satu ketika ada juga daun balak. Berdoa pada Tuhan, Yang Berhormat. Saya katakan begitu kerana kawasan Baram ini jauh sedikit. Masa itu jauh. Yang dekat ialah Rajang Delta, memang kaya. Yang mula-mula kaya dengan

hasil mahsul hutan ini ialah golongan yang dipanggil "Fuchow". Sebab itulah dari segi power, dengan izin, ada hubungan dengan siapa yang banyak hutan. Tetapi sekarang pun kita takut-takut jugalah itu akan berulang semula, siapa yang ada power itu yang banyak hutan. Yang banyak hutan ada power, yang ada power banyak hutan, ada hubung-kait. Kita tidak mahu ini berlaku secara melulu, kerana saya katakan tadi pemimpin negeri Sarawak sekarang, Dato' Taib kata Tun Rahman dahulu tidak betul kerana beri hutan banyak sangat. Tun Rahman kata, dan saya pun kata jugalah, Dato' Taib pun ada juga beri kepada kunci-kuncunya.

Tuan Sim Kwang Yang: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, ini saya mahu membuat satu komen sahaja iaitu masalah ini bukan masalah terhadap perseorangan, siapa menjadi Ketua Menteri, siapa salah. Bukan. Ini terhadap struktur politik negeri Sarawak. Asalkan hutan-hutan menjadi alat politik yang terutama untuk mengukuhkan mereka yang menang pilihanraya, ini akan terus menerus. Siapa yang naik dan turun masih menjadi masalah ini. Ini penjelasan saya sahaja.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan itu membantu saya sedikit sebanyak dan saya ucapkan terima kasih. Oleh kerana itu sama-sama kita berfikir, cara mana yang paling baik untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita baru-baru ini mendengar dengan tersebar luas satu golongan Penan yang datang ke sini berjumpa dengan pemimpin-pemimpin negara mengatakan bahawa akibat daripada perkembangan industri hutan di negeri Sarawak, kehidupan mereka itu terjejas. Saya sebenarnya semasa memegang jawatan dalam Kerajaan dahulu pernah memberi komen, tetapi selepas diberi

komen ada orang yang tidak bersetuju, tetapi sekarang timbul lagi masalah, masalah dari pencemaran di kawasan pembalakan yang menjejaskan kehidupan Orang-orang Asli, bukan sahaja orang Penan, tetapi orang kampung termasuklah kampung saya sendiri. Walaupun hubungan secara specific dan jelas tiada di antara hutan dengan air tetapi adanya hutan, kuasa penakungan itu akan wujud. Dengan sebab itulah akibat daripada aktiviti ini maka jelas sistem bekalan air juga terjejas dan selalu bekalan air terjejas akibat daripada penyalahgunaan pengurusan hutan dan salah perlaksanaan dari segi membalak kayu-kayan di negeri tersebut.

Memanglah dari segi air itu dicemar, sungai dicemar, udara dicemar dan sebagainya dan orang kampung diberi \$100, \$200 dia terima. Tetapi dia tidak tahu orang yang membalak itu mendapat sejuta dua juta. Dahulu tiada hal kerana dahulu orang kampung tidak tahu, tetapi sekarang ramai yang tahu bahawa walaupun diberi orang kampung itu \$100, \$200 tetapi yang membalak, yang menjadi syarikat membalak mendapat \$1 juta, \$2 juta kadang-kadang \$10 juta, \$20 juta, kadang-kadang \$100 juta, \$200 juta. Kesedaran ini tidak boleh kita halang. Jangan kadang-kadang kita kata ada penghasut. Sejauh mana orang ini hidup dihasut sahaja dan sejauh mana orang komplek, membawa pengaduan disebabkan oleh hasutan daripada orang lain. Sejauh mana? Kalau begitu kita semua kena hasutlah. Ini sebenarnya kesedaran semula jadi daripada orang kampung yang menyedari bahawa walaupun mereka tinggal di kawasan yang diselubungi oleh hutan rimba yang tebal tetapi daun pun, kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaya, tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, yang satu lagi kita jelas menyedari ialah akibat daripada aktiviti ini pencemaran

memusnahkan bahan makanan seperti ikan di sungai dan binatang-binatang seperti rusa, babi, ayam hutan dan sebagainya, memang berlaku. Dahulu kalau turun ke hutan dapat seekor rusa satu hari. Sekarang turun ke hutan mungkin satu minggu tidak dapat seekor rusa, akibat dari aktiviti ini, kerana binatang-binatang ini lari. Burung-burung yang sedap dimakan tidak mahu lagi hinggap di pokok-pokok di mana aktiviti-aktiviti pembalakan ini dilakukan.

Kemudian yang satu lagi tanah hakisan berlaku dengan berleluasa dengan bermaharajalela. Top soil, dengan izin, atau tanah-tanah yang subur di permukaan bumi terhakis hinggalah rakyat jelata di kawasan luar bandar tidak boleh menanam tanaman untuk harian. Lebih-lebih lagi ini disusuli dengan hakikat bahawa kalau sekiranya lesen pembalakan kepada orang yang diberi hak untuk membalak sudah diberi, orang lain tidak boleh masuk. Tetapi ini di kalangan pembalak-pembalak ini sendiri ada juga yang mencuri kayu balak di kawasan lain. Kadang-kadang di kawasan hutan simpanan mereka pergi mencuri. Saya dahulu pernah marah disebabkan ini. Orang kampung ambil untuk buat rumah, buat perahu didenda, ditangkap. Tetapi yang pemilik lesen yang besar-besaran ini mencuri di kawasan hutan simpanan tidak ditangkap. Ini berlaku dan sebab itu orang kampung marah.

Pernah di kawasan saya, berpuluh-puluh orang kampung dibawa ke balai Polis kerana membuat sesuatu bertentangan dengan undang-undang hutan memanglah dari segi undang-undang mereka salah, tetapi mereka ini menebang hanya untuk membuat rumah. Memanglah dalam komen daripada seorang pembalak, Puan Zainab, dengan izin, dalam suratkhobar, semasa golongan Penan itu datang ke Kuala Lumpur, beliau mengatakan ramai orang kampung

tidak tahu apa yang mereka kehendaki. Takkan tidak tahu sedangkan ini sudah berlaku begitu lama, itu satu.

Keduanya, Puan Zainab ini, iaitu kebetulan juga adik perempuan Ketua Menteri Sarawak yang memiliki saham besar di kawasan hutan di Baram. Saya fikir tidak pernah pergi ke kawasan hutan itu. Kenapa boleh komen? Ini yang saya hairan. Tanya Timbalan Menteri Kerjaraya, mungkin dia pernah tengok Puan Zainab pergi ke hutan di kawasan Baram itu. Ah, dia kata betul, memang tidak pernah pergi. Jadi, sebenarnya komen ini hanya diterima dibuat awang-awangan, tidak tepat. Jadi, perlu Puan Zainab dan yang lain-lain perlu bergerak lebih cergas menyedari, mengetahui sebenarnya kelohan daripada orang-orang kampung, segala rintihan jiwa, rintihan kalbu yang mereka rasai supaya kita dapat memahami sebenarnya dan dapat mengambil langkah yang sewajarnya terhadap kelohan-kelohan mereka itu. Ada juga kawan saya kata dia tidak berani komen. Yang Berhormat, kata dia, "saya takut orang kata kita ini mempolitikkan, politicize, dengan izin, perkara itu". Tetapi tidak ada hal apa boleh buat, kita terpaksa menjelaskan dengan sebenar bahawa orang yang tidak pernah masuk ke hutan, tidak pernah mempelari hal ehwal penduduk-penduduk di kawasan luar bandar tidak perlu dan berani beri komen. Kenapa ini membahayakan diri.

Tuan Yang di-Pertua, hutan di negeri Sarawak sebenarnya ialah sumber yang paling berharga. Kalau dibandingkan dengan petroleum, memanglah petroleum jadi nombor satu dari segi revenue-earning. Tetapi kita mesti ingat dalam perkara minyak petrol, Sarawak dapat 5% daripada royalti, tetapi dari hasil hutan Sarawak dapat 100%. Jadi, ertinya sumbangan hutan ini ialah sumbangan yang utama, sumbangan yang bererti. Kita tidak

bolehlah, kalau saya kata teruk sangat, berkelahi sebab hutan, politik pun sebab hutan dan sebagainya, berkelahi sebab hutan, naik pangkat pun sebab hutan, sokong itu pun sebab hutan dan sebagainya, kalau teruk sangat, memang ada yang mengatakan bahawa tidak perlu lesen diberi lagi. Don't give licences anymore, dengan izin, kepada sesiapa yang memohon. Cari cara lain untuk mendapat wang untuk menjalankan aktiviti Kerajaan, untuk pilihanrayakah, dan sebagainya. Kerana apa? Kalau teruk sangat hinggakan terpaksa dendam berdendam itu berlarutan dan sebagainya, maka akhirnya banyak masalah timbul, maka kita perlu berfikir sama ada ini.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya belum habis ayat itu. . . . ini perlu kita bekukan atau tidak. Tetapi kita juga mesti fikir bahawa sumbangan dari segi pendapatan itu begitu besar. Oleh kerana itu kita perlu memikirkan cara menentralisasikan dengan betul. Jangan ada pilih kasih. Jangan ada pemberian itu kepada orang yang tidak ada kena mengena. Misalnya dalam kawasan Penan, orang Penan tidak ada apa-apa tahu menahu. Yang dapat lesen adalah orang lain. Ini mungkin berlaku. Orang yang tidak pernah tengok kayu pun dapat lesen. Mana tak orang kampung marah, misal kata.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan. Yang Berhormat dari Simunjan yang dahulu bekas Timbalan Menteri Pendidikan, sekarang kita tidak tahu sama ada dia setengah Barisan Nasional atau setengah barangkali pihak Pembangkang, tetapi tadi dia sebut dan timbulkan masalah di mana-mana sahaja dalam pilihanraya Sarawak, isunya hanya ditumpukan kepada kayu-balak dan hutan-hutan

sahaja. Tetapi ini satu kesalahan Kerajaan-kerajaan yang dibentuk di Sarawak iaitu Kerajaan-kerajaan berbentuk Barisan Nasional. Mengapa di dalam pilihanraya negeri Sarawak baru-baru ini dia tidak ada sokong, tidak lompat kepada pihak DAP dan tolong kita halangkan kegiatan dan bantah semua isu-isu hutan dalam pilihanraya? Mengapa dia setengah-setengah sahaja macam hari ini?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah saya katakan. Saya duduk di setengah-setengah. Saya duduk sebelah sana Barisan Nasional.

Dr Eng Seng Chai: DAPkah?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: DAP sebelah sana.

Dr Eng Seng Chai: Duduk di tengah sahaja—fence-sitterlah?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Itu terpulung kepada DAP.

Dr Eng Seng Chai: Fence sitter mana guna? Mahu cakap, cakap terus.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, jangan dahululah Yang Berhormat. Nanti saya tidak mahu tolong, susah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, yang perlunya pengurusan dan pemberian yang adil. Memikirkan bukan hanya kita sendiri, tetapi memikirkan soal masa depan generasi kita yang akan datang.

Tuan Luhut Wan: (*Bangun*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sila.

Tuan Luhut Wan: Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat mengatakan supaya pihak Kerajaan Negeri jangan lagi memberi lesen kepada pemohon-pemohon lesen untuk membalak. Tetapi di dalam kawasan pilihanraya saya di Baram, saya dapati ada orang yang tertentu mempunyai lebih 3 juta hektar hutan dalam kawasan

pilihanraya saya. Sekiranya ini sudah besar, sudah begitu luas kalau kita kira 2 ½ ekar - 1 hektar, multiply sahaja dengan 3 juta, kalau orang itu mati pun hidup, mati pun hidup tak habis. Jadi adalah maksud dia itu dia biarkan lesen yang begini berlarutan sampai turun temurun pembalok yang ada sekarang di kawasan pilihanraya saya, ataupun dia tidak bersetuju dengan begitu besarnya lebih 3 juta hektar.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini yang saya komen tadi. Kalau teruk sangat macam ini kita bekulah tukar—tubuh Kerajaan baru mungkin (*Ketawa*). (*Tepuk*) Yang Berhormat sokong, dengan izin.

Tuan Sim Kwang Yang: Tubuh Kerajaan baru pun tidak guna. Individu lain yang mendapati lesen bagi concession kayu yang luas sebanyak 3 juta hektar sahaja. Dan saya boleh cadangkan iaitu secara lain tidak dapat sesiapa individu mendapati lesen kayu ini, satu individu tidak dapat, marilah kita menubuhkan di bawah mungkin Perlembagaan Negeri Sarawak ataupun di bawah negeri Kerajaan Sarawak supaya menubuhkan sebuah Crown Corporation yang dimiliki oleh semua rakyat Sarawak supaya semua keuntungan yang didapati dari sumber hutan ini dapat diberikan kepada semua rakyat secara langsung, okay, secara bentuk special fund bagi pendidikan orang asli ataupun conservation hutan-hutan rimba dan sebagainya, ini satu penyelesaian yang bagus.

Kalau Yang Berhormat dari Simunjan boleh bersetuju, saya haraplah Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri Serawak dari PERMAS dan PBDS dapat transmit cadangan ini kepada Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang akan diadakan tidak lama lagi. (*Tepuk*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang betul itu tetapi kalau hanya golongan Pembangkang yang mencadangkan di peringkat negeri mungkin tidak berjaya, sebab itulah untuk menentukan supaya lebih berkesan lagi tukar Kerajaan, itu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahulah bercakap hendak memakan masa yang begitu panjang, apa Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Baram, Timbalan Menteri Kerjaraya katakan tadi sebenarnya saya mengatakan kalau teruk sangat, kalau perlu.

Tuan Peter Chin Fah Kui: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Silakan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, saya mendengar cadangan Yang Berhormat dengan lain-lain Yang Berhormat yang bercakap dalam perbahasan ini, saya ingin bertanya sedikit jika apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bercakap tadi ialah untuk menukarkan Kerajaan Negeri Sarawak, saya fikir dalam pilihanraya yang baru lepas iaitu pilihanraya negeri, isu ini saya fikir jarang ditimbulkan dalam masa berkempen itu. Oleh sebab itu, saya fikir isu membalak ini bukan satu isu yang besar atau ditimbulkan yang besar dalam pilihanraya yang lepas, tetapi sekarang sahaja baru timbul, sebab isu ini baru ditimbulkan sebab satu golongan dari keturunan Penan baru dihantar ke Kuala Lumpur ini.

Saya fikir isu ini dimainkan, bukanlah satu isu, politik di Sarawak.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, apa Yang Berhormat kata itu salah, itu memang 100% salah. Sebab dalam pilihanraya yang lepas, saya tahu di suratkhabar The Mirror, The Tribune, dengan izin, memang ditimbulkan perkara ini. Berapa lesen balak telah diberi dan sebagainya memang timbul dan juga isu Penan ini ada hubung-kait dengan itu. Bukan semata-mata kerana mereka datang ke sini sahaja isu ini timbul tetapi telah lama, masa pilihanraya pun memang timbul.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, silakan.

Tuan Sim Kwang Yang: Yang Berhormat dari Lambir mengatakan bahawa isu hutan bukan isu, ianya hanya dimainkan oleh orang Pembangkang atau Bebas. Menurut saya, saya boleh berkata di sini isu perhutanan adalah "the issue" di Negeri Sarawak semenjak kemerdekaan hingga sekarang ini. Dan saya boleh cabar Ahli Yang Berhormat dari Lambir, kalau dia berani memberi satu isytiharan aset-aset semua pemimpin-pemimpin SUPP supaya kita boleh kaji siapakah mempunyai lesen membalak kayu dan dia datang sini cakap itu hutan bukan isu di Negeri Sarawak.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang saya fikir SUPP kuat menyokong pemimpin Negeri Sarawak sekarang, sebab itulah salah dia, kata pun dia, fikir betul. Memang tidak betul itu. Perlu kaji apa yang telah berlaku masa pilihanraya yang lepas apa yang sebenar berlaku. Apa yang digunakan sebagai isu.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Hu Sepang: Point of order 36 (1). Saya tidak boleh tahan lagilah (*Ketawa*). Dewan Rakyat Parlimen nampaknya hujah-hujah yang saya dengar tadi telah menukar tempat ini menjadi Dewan Undangan Negeri Sarawak (*Ketawa*). Jadi saya minta Tuan Speaker buat satu ruling, adakah ini Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri Sarawak. Itu sahaja.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan saya hendak menutup ucapan saya ini. Saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat telah panjang bercakap. Jadi hadkan kepada isu yang tertentu sahaja.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak, tidak, memang tidak panjang. Insya Allah, memang saya tahu tetapi kawan-kawan berdiri, mencelah. Saya tidak boleh menghalang, kecuali Tuan Yang di-Pertua boleh menghalang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sekali lagi syabas kepada Kementerian Perusahaan Utama yang telah berjaya sekali lagi membentangkan Rang Undang-undang ke arah menjadikan Statutory Body atau Badan Berkanun yang berkesan ke arah melaksanakan dasar untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan sektor perhutanan di negara kita ini dengan berkesan. Saya percaya dengan memberi peluang kepada pegawai-pegawai ini untuk mendapat kemudahan-kemudahan dari segi pinjaman perumahan yang ditetapkan dalam Akta ini, pindaan ini, insya Allah akan memberi dorongan kepada pegawai-pegawai ini dan juga pengkhidmat-pengkhidmat ini supaya menjadi pegawai-pegawai yang dapat berkhidmat kepada negara dengan

lebih berkesan dan adil kepada negara Malaysia ini. Oleh itu, saya mengucapkan terima kasih dan menyokong Akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.59 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang ini. Semasa membentangkan Rang Undang-undang ini Yang Berhormat Menteri telah jelaskan bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan membolehkan Lembaga Perhutanan memberi pinjaman perumahan kepada kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia. Tujuan ini patutlah disokong oleh Dewan ini.

Kakitangan Kerajaan termasuk kakitangan Badan Berkanun bergantung sepenuhnya kepada gaji mereka. Dan seperti diketahui oleh orang ramai, gaji tidak naik dalam lima, enam tahun ini. Pinjaman perumahan dengan kadar faedah yang rendah merupakan satu jenis bantuan secara tidak langsung bagi mereka.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Saya haraplah dengan adanya insentif dalam bentuk pinjaman perumahan, kakitangan Instituti Penyelidikan Perhutanan akan bekerja dengan lebih bersemangat.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyelidiki pokok-pokok yang berada di hutan, saya percaya penyelidikan-penyelidikan perhutanan juga akan memberi perhatian kepada manusia yang masih tinggal dalam hutan seperti orang Penan di Sarawak.

Tadi kita telah dengar daripada Ahli Yang Berhormat dari Simunjan bahawa baru-baru ini satu rombongan orang Penan telah melawat ibu kota kita dan berjumpa dengan beberapa pemimpin-pemimpin negara kita. Mereka telah meminta bahawa kegiatan membalak kayu di kawasan tradisional Penan dihentikan sama sekali. Selepas mereka balik seorang Menteri Sarawak menyatakan bahawa mereka tidak layak mewakili orang Penan dalam hal ini.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, sesiapa pun sama ada dari pihak mana pun tidak patut menanggung di air yang keruh. Kita haruslah menimbangkan perkara ini dengan teliti dan memberi pandangan yang objektif.

Pada hemat saya hak-hak orang Penan patutlah dipelihara. Di Dewan ini kita sentiasa berkata bahawa hak orang-orang Bumiputera tidak boleh dikompromikan tetapi janganlah kita lupa bahawa orang Penan dan orang Dayak lain pun Bumiputera juga. Oleh yang demikian, kita tidak boleh membiarkan mereka diketepikan sehingga satu hari nanti mereka tertinggal di kawasan-kawasan rizabnya seperti telah berlaku kepada orang asli di Semenanjung ini.

Di samping memelihara hak-hak Orang Penan, Tuan Yang di-Pertua, kegiatan membalak kayu patut diteruskan. Kayu balak merupakan sumber alam yang negara kita perlu menggunakan untuk dieksport dalam bentuk balak atau perabot. Kalau kayu tidak dibalak, negara akan merugikan satu punca matawang asing yang mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri mengikut jalan tengah untuk mengatasi masalah ini:

Pertama—meminta pembalok berunding dengan pemimpin masyarakat Penan dan cari jalan untuk

meneruskan kegiatan membalok dengan gangguan minima terhadap kehidupan seharian Orang Penan.

Kedua—mewajibkan pihak pembalok berkongsi keuntungan kayu balaknya dengan Orang Penan supaya mereka dapat membaiki kediaman mereka dan membina klinik, sekolah dan kemudahan-kemudahan lain yang mereka sangat memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong pindaan kepada Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Betong.

5.03 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas (Betong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama rakan Ahli Yang Berhormat yang lain untuk membahaskan Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini, kerana ini adalah satu bukti usaha Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mencari jalan meningkatkan taraf kemudahan untuk kakitangan Kerajaan. Pindaan ini juga membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa menitikberatkan tentang kebajikan kakitangan supaya mereka dapat memainkan peranan mereka dengan lebih dedikasi demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga juga harus memberi kemudahan-kemudahan kepada pegawai-pegawainya yang ingin hendak membeli rumah atau kereta kerana rumah dan kereta dalam zaman sekarang adalah satu keperluan asas untuk menjamin kebahagiaan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh cadangan Ahli Yang Berhormat dari Maran bahawa keutamaan harus diberi kepada pegawai-pegawai yang meminjam untuk membina atau membeli rumah kayu. Adalah sesuai untuk Lembaga mengamalkan dasar ini supaya meyakinkan rakyat lain bahawa rumah kayu adalah lebih indah, lebih sesuai dan harus diterima sebagai satu bentuk rumah di negara kita yang kaya dengan kayu bermacam jenis. Dengan cara ini kita berharap industri kayu kita dapat berkembang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang sentiasa dihadapi oleh pemilik rumah kayu adalah mereka terpaksa membayar premium insurans yang lebih tinggi dari premium insurans rumah simen. Di Sarawak kadang-kadang pihak insurans enggan langsung to insure, dengan izin, rumah-rumah kayu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia dapat membuktikan dan meyakinkan pihak insuran bahawa rumah kayu adalah mempunyai risiko yang sama dengan rumah simen maka kadar premium yang dikenakan kepada rumah kayu haruslah bersama dengan kadar premium yang dikenakan kepada rumah-rumah bentuk yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan kemudahan moden dan pegawai yang mahir, Lembaga telah pun menghasilkan berbagai hasil dalam penyelidikannya. Oleh yang demikian saya berharap Lembaga dapat menyebarkan hasil itu kepada negeri Sarawak untuk membantu negeri itu dalam pembangunan industri pembalakan supaya kita dapat bersama-sama menikmati hasilnya, misalnya teknologi pembangunan menggunakan kayu getah. Kerana di

Sarawak ada banyak pokok-pokok getah yang sudah tua, yang hendak ditebang; jadi kalau Lembaga ini dapat memberi teknologi ini kepada Sarawak mungkin ini akan menguntungkan peladang-peladang di negeri Sarawak. Begitu juga teknologi memproses kayu dan barang-barang hutan yang lain seperti rotan, buluh dan illipe-nut yang begitu banyak dijumpai di negeri Sarawak. Saya minta bahawa Lembaga ini membuat satu kajian supaya kita dapat mengusahakan kayu lipinat ini supaya dapat berbuah kerap kali lagi kerana sekarang kayu ini hanya berubah sekali dalam 5 tahun. Jadi kalau kajian oleh Lembaga dapat dibuat, maka ianya akan menguntungkan rakyat khususnya rakyat di luar bandar.

Begitu juga kajian mengenai penanaman semula jenis yang boleh ditanam dan cara-cara menanam kerana itulah cara dapat kita menentukan hasil hutan kita tidak hapus.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat sabar kerana mulai dari semalam sehingga sekarang Dewan ini rupa-rupanya telah berbincang banyak mengenai masalah-masalah perhutanan di negeri Sarawak sehingga Yang Berhormat dari Simunjan lupa bahawa saya ini adalah Ahli Dewan Rakyat dan bukan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Banyak telah disentuh mengenai masalah-masalah perhutanan di Sarawak, tetapi satu perkara yang sangat mengejutkan saya ialah Ahli Yang Berhormat dari Simunjan tadi telah mengemukakan berbagai cadangan untuk kita mengatur, menyusun industri pembalakan dan untuk kita menentukan bahawa balak ini tidak hilang terus sekarang. Saya terkejut kerana beliau dahulu telah memegang jawatan Timbalan Menteri Perusahaan Utama. Soalan saya apakah sebab beliau tidak

mengemukakan cadangan semasa beliau masih memegang jawatan dalam Kementerian tersebut yang bertanggungjawab mengenai kemajuan hutan di negara kita ini? Apa sebab hanya pada hari ini sekarang setelah beliau berpindah tempat duduk, beliau rupa-rupanya menunjukkan kemahiran dan kesediaan beliau untuk menjaga masalah hutan ini?

Tuan Yang di-Pertua, memang diakui saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah menyentuh berbagai masalah yang dihadapi oleh rakyat luar bandar yang duduk di kawasan pembalakan ataupun yang berhampiran dengan kawasan pembalakan, khususnya di negeri Sarawak. Masalah itu memang satu masalah yang sangat serius. Saya menimbulkan perkara ini kerana sebagaimana saya katakan tadi perkara ini telah pun banyak dibincangkan dan kesan perusahaan pembalakan memang mengakibatkan berbagai masalah seperti pencemaran air minuman dan perubahan yang tidak pernah dialami oleh penduduk setempat ada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin masalah ini adalah satu kesan pembangunan. Kita harus sedar bahawa sektor pembalakan telah menyumbangkan begitu besar kepada pembangunan negara kita ini. Kalau kita lihat dari laporan Bank Negara baru-baru ini kita mengetahui bahawa jumlah eksport kasar komoditi utama ialah 33.3% dari sektor pertanian dan dari angka ini 11.6% adalah sumbangan dari kayu balak dan kayu siap gergaji. Di negeri Sarawak daripada jumlah hasil dalam negeri pada tahun 1985 sumbangan dari hutan adalah 33.9%. Pada tahun 1984 sumbangannya adalah 37.6% dan pada tahun 1983 sumbangannya adalah 42.2%—begitulah betapa pentingnya sektor hutan ini dan betapa pentingnya kepada kemajuan negeri Sarawak.

Saya terkejut sekali lagi apabila saya mendengar Yang Berhormat dari Simunjan mengatakan bahawa rakyat termasuk beliau sendiri tidak pernah mengalami keuntungan dari hasil hutan ini. Apakah projek-projek yang telah dilaksanakan oleh beliau semasa beliau masih dalam Barisan Nasional dulu bukan dari hasil hutan ataupun dari hasil lain? Apakah jalan-jalanraya dan sekolah-sekolah yang dibina di kawasan Simunjan, di manakah beliau mendapat sumber-sumber kewangan ini? Saya rasa beliau harus berfikir dan memahami dengan lebih mendalam. Jangan menunjukkan geram terlalu panas dalam Dewan yang mulia ini.

Sektor pembalakan ini juga telah memberi peluang pekerjaan kepada beribu-ribu anak tempatan, khasnya rakyat di luar bandar di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kami Ahli Dewan Rakyat dari Barisan Nasional khasnya yang berasal dari luar bandar tetap terus berjuang untuk membela nasib mereka yang mengalami berbagai masalah akibat perusahaan pembalakan dengan cara result-oriented, dengan izin. Cara kami adalah untuk berbincang dengan Kerajaan Negeri, dengan pihak berkuasa, mengemukakan masalah dan kesulitan mereka yang terlibat, termasuk kaum Punan ini. Kami rasa kami lebih-lebih lagi rasa bertanggungjawab dan bersimpati atas masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka ini. Kebanyakan di antara mereka ini adalah saudara-mara kami sendiri khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kapit, dari Ulu Rejang, dari Bukit Mas termasuk juga dari Baram tadi—dan mungkin dari Simunjan juga. Oleh yang demikian kami akan terus membela kebajikan suku-suku kaum itu termasuk kaum Punan, Kenyah, Kelabit, Kayan, Iban, Bedayuh dan kami rasa inilah satu

peranan utama yang kami harus mainkan demi kepentingan dan kemajuan negara kita ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak bagi jalan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Masa sudah pendek.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Minta penjelasan sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekejap.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tadi saya beri peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan. Dia tidak bagi, tidak bagilah, itu peraturan mesyuarat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Dia menyentuh saya tadi, jadi terpaksa saya menjelaskan, Tuan Yang di-Pertua, demi keadilan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak bagilah. Itu menurut peraturan mesyuarat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk! Minta Yang Berhormat dari Simunjan, sila duduk.

Tuan Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat dari Simunjan telah mengambil masa di Dewan ini sangat panjang dan saya rasa jangan ganggu saya lagi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Minta sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya masalah yang dihadapi mereka itu tidak dapat diselesaikan dengan membawa mereka ke Kuala Lumpur sahaja. Walaupun objektif mereka yang membawa mereka ke sini tercapai, soalnya mengapakah hanya menunggu membawa mereka ke Kuala Lumpur hanya selepas pilihanraya negeri Sarawak dan selepas beberapa lesen pembalakan telah dibekukan? Walaupun semua sedar bahawa lesen-lesen di negeri Sarawak telah pun dikeluarkan dekat 10 tahun yang lalu hanya pihak yang terlibat dapat menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh rakyat di luar bandar akibat pembalakan bukanlah perkara baru. Ini mula berlaku dengan lebih terus selepas Kerajaan Negeri dengan pesatnya mengeluarkan lesen pembalakan dalam tahun 1970'an dahulu. Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Rasah bangun atas apa?

Tuan Hu Sepang: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, sila duduk!

Tuan Hu Sepang: Peraturan Mesyuarat 35 (6). Saya ingin hendak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat yang berucap sekarang ada kepentingan dalam lesen pembalakan di Sarawak. Adakah beliau berucap bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak ataupun bagi pihak diri sendiri? Kalau bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak

lebih sesuai, lebih elok Ketua Menteri Negeri Sarawak datang sendiri sebab beliau pun seorang Ahli Parlimen juga. Saya minta Tuan Speaker membuat satu ruling.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat adakah kepentingan diri dalam perkara ini?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sebagai Ahli Dewan Rakyat Barisan Nasional dari Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat adakah kepentingan diri berkenaan dengan balak?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada. Sila teruskan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Mana saya tadi, saya pun tidak tahu. Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian kami wakil dari luar bandar sentiasa mengemukakan masalah ini kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah bangun atas apa?

Tuan Hu Sepang: Point of order juga. Tadi Ahli Yang Berhormat itu mengatakan dia tidak ada lesen, tidak ada kepentingan berkenaan dengan kayu balak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia kata begitu.

Tuan Hu Sepang: Ya, dia kata begitu, tetapi rakan-rakan saya dari Sarawak kata dia ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu terpulang kepada Yang Berhormat untuk menunjukkan bila-bila masa.

Tuan Hu Sepang: Bawa kepada Committee of Privilege.

Tuan Yang di-Pertua: bila dapat peluang, menunjukkan bahawasanya dia ada mempunyai kepentingan. Itu terpulang kepada Yang Berhormat kelak selepas dia bercakap.

Tuan Hu Sepang: Baik, terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini adalah sebagai Ahli Dewan Rakyat mewakili rakyat di luar bandar. Kerajaan Negeri berasa sedar, bersimpati dan mencari jalan menyelesaikan masalah mereka. Satu tindakan positif diambil oleh Kerajaan Negeri ialah pada 1hb Mei, 1985 Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu tabung, nama tabung ini ialah Tabung Kawasan Pembalakan Hutan, Pemulihan dan Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan perkara ini kerana ruparupanya Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan Simunjan tidak berapa fasih dengan perkembangan di negeri Sarawak. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa Kerajaan Negeri sentiasa mencari jalan menyelesaikan masalah rakyat dengan tidak menunggukannya hingga tercetus.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Minta jalan, Yang Berhormat?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tujuan Tabung ini adalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Simunjan minta jalan. Hendak beri jalan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah beri, sila teruskan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Yang Berhormat itu sudah lain, kalau saya masih orang PBB dia beri jalanlah, sekarang seberang ini dia tidak mahu beri jalan nampaknya! Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Jangan buat remark yang lain-lain! (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak beri komen ialah tadi bukan saya kata kita mesti bekukan semua. Saya kata kalau teruk sangat keadaannya kita bekukan. Saya tadi kata kita sedar bahawa sumbangan sektor perhutanan kepada pembangunan negeri Sarawak adalah besar tetapi kalau masalah yang timbul akibat daripada ini begitu besar, kita bekukan, cari jalan lain untuk mencari wang. Itu yang saya katakan. Jadi komen Yang Berhormat tadi kata bahawa Yang Berhormat tidak sedar. Saya sedar bahawa sumbangannya besar.

Yang satu lagi mengenai saya tidak sedar mengenai pembangunan di Sarawak. Saya sedar atas pembangunan itu tetapi masalahnya ialah kita mesti sama-sama memikirkan bagaimana untuk memperbaiki keadaan supaya kekecohan yang telah berlaku tidak akan berterusan dan supaya isu ini tidak akan terus menjadi isu yang membabitkan seluruh rakyat di negeri Sarawak dan kita sama-sama berdoa moga-moga rancangan ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memberi ucapan itu! (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Itu penjelasan, terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalau Yang Berhormat dari Simunjan

membuat satu cadangan yang constructive kepada Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri memang boleh mempertimbangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung ini adalah untuk memulih dan membangun kawasan yang terjejas akibat perusahaan pembalakan. Tabung ini juga dikhas untuk memberi bantuan kepada penduduk di kawasan membalak untuk memulih dan membangunkan kemudahan-kemudahan seperti kemudahan awam, punca-punca air, air minum, untuk memberi bantuan menjalankan perusahaan pertanian moden supaya mereka tidak perlu memburu rusa lagi khususnya kepada kaum Punan kerana kaum Punan ini sekarang masih mengamalkan kehidupan berpindah-randah di seluruh kawasan hutan. Jadi Kerajaan Negeri Sarawak berusaha bahawa mereka ini ditempatkan supaya mereka ini dapat mengikuti perkembangan ataupun aliran kemajuan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya yakin bahawa pihak berkuasa akan dapat mencari penyelesaian kepada beberapa masalah rakyat di luar bandar di dalam kawasan hutan pembalakan ini. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya dari Sarawak, termasuk dari Simunjan dan Bandar Kuching untuk bersedia bekerjasama untuk mengutuk mereka yang hanya memperalatkan suku-suku kaum terlibat untuk kepentingan mereka sendiri dan kita bersama-sama membantu Kerajaan Negeri mencari penyelesaian yang positif yang akhirnya akan menguntungkan rakyat yang menderita akibat dari perindustrian pembalakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan beberapa Ahli Yang Berhormat petang semalam dan pada petang ini bahawa kadar

pembalakan di seluruh negara haruslah dikawal. Ini adalah waras untuk menentukan bahawa hasil hutan kita tidak hapus dengan lebih cepat dari kita rancang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa walaupun begitu Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya dari Marang bersimpati dengan negeri Sarawak dan Sabah dan cuba memahami keadaan di kedua-dua negeri itu dengan lebih mendalam. Kalau ada masa saya menjemput Ahli Yang Berhormat untuk melawat Sarawak untuk melihat sendiri negeri dan keadaan di sana, keluasan negeri, keluasan hutan dan peraturan-peraturan mengenai pembalakan ini dan kemunduran-kemunduran yang dialami oleh negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, melainkan dari bantuan Kerajaan Persekutuan dan royalti minyak, Sarawak hanya mengharapkan hasil dari sektor pembalakan ini untuk menambah sumbernya untuk membangunkan negeri Sarawak yang masih mundur, yang masih jauh tertinggal dalam pembangunan, khususnya kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya yang masih belum ditar, banyak tempat belum ada jalan raya, ekonomi rakyat yang masih mundur, yang masih dalam tekanan kemiskinan khususnya rakyat di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bererti saya menyokong cadangan untuk mengamalkan dasar pembalakan sewenang-wenangnya. Kita harus mengawal pembalakan tetapi yang paling penting saya rasa saya hendak mencadangkan di sini adalah Kementerian untuk mencari jalan penyelesaian bagaimana kita dapat mengurangkan eksport kayu balak dan mengeksport banyak lagi kayu gergaji ataupun menggalakkan pengeluaran kayu setengah siap.

Tuan Yang di-Pertua, masa telah tiba untuk kita memproses kebanyakan kayu kita supaya menambahkan downstream activities, dengan izin, untuk memberi peluang pekerjaan lebih banyak kepada rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan itu saya berharap Lembaga ini akan dapat memberi sumbangan yang positif terhadap pembangunan industri pembalakan supaya hasil hutan kita dapat diguna sepenuhnya untuk pembangunan negara.

Dengan itu, saya bersama-sama rakan-rakan yang lain memberi sokongan kepada Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Serai.

5.28 ptg.

Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk memberi sokongan di atas pindaan Akta yang dikemukakan oleh Kementerian Perusahaan Utama iaitu meminda Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985, seksyen 15 untuk memberi kemudahan kepada kakitangan ataupun pegawai-pegawai di Institut Perhutanan Malaysia bagi membeli rumah kediaman dan kenderaan.

Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian di atas perhatian yang diberikan kepada kakitangan di Institut ini dan saya percaya dengan pandangan dan dengan kemudahan yang akan diberi ini akan meningkatkan lagi semangat dan prestasi yang akan dilakukan oleh pegawai-pegawai kita di Institut ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah kita ketahui bahawa hutan telah menjadi satu sasaran yang begitu hebat oleh peneroka-peneroka

ataupun pembalok-pembalok dan ianya dalam keadaan yang bahaya. Kemungkinan pada satu hari nanti keluasan hutan di negara kita akan menjadi berkurangan dan permintaan daripada hasil hutan akan bertambah sedangkan pengeluarannya tidak cukup.

Ketika kita membincangkan masalah ini, saya melihat bahawa bukan sahaja masalah hasil hutan dan hutan menghadapi serangan ataupun tindakan daripada pembalok-pembalok yang halal dan yang haram. Institut Penyelidikan Hutan di Kepong juga sedang menghadapi satu ancaman. Institut Penyelidikan Hutan di Kepong sedang diapit oleh pembangunan-pembangunan yang berlaku di sekitar kawasannya. Bertolak daripada Kotaraya Kuala Lumpur ini, satu pembangunan perumahan di kawasan Bukit Maluri sudah membangun dan di kawasan sebelah pantai sudah ada satu kawasan perumahan, begitu juga di sekelilingnya. Kemungkinan satu hari nanti institut ini akan terkepung dengan pembangunan-pembangunan yang moden termasuk industri-industri yang sedang membangun.

Saya membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah memandangkan bahawa institusi ataupun institut-institut daripada beberapa kementerian yang pada awalnya berada di sekitar Kuala Lumpur dan hari ini telah dipindahkan keluar daripada Kuala Lumpur. Adakah juga Bahagian Penyelidikan Kementerian ini, khasnya pihak Pengarah Institut ini akan membuat kajian pada satu hari nanti apabila keadaan di sekitar Institut ini sudah menjadi berlainan dan tidak sesuai lagi Institut ini dikekalkan di kawasan yang berkenaan, Institut ini akan dipindahkan di kawasan yang lebih sesuai, lebih luas, lebih mudah untuk diimplementasikan perkara-perkara yang sesuai dengan pembangunan dan penyelidikan Institut ini?

Kalau sampai kepada satu ketika nanti Institut ini akan dipindahkan, saya percaya beberapa buah negeri dalam Malaysia ini ada mempunyai kawasan yang lebih luas dari segi kawasan perhutannya dan eloklah dibuat kajian daripada sekarang. Walau bagaimanapun, kalau ianya akan diubah di kawasan lain seperti di Pahang, di Sarawak, di Sabah ataupun di Perak sendiri, saya harap keadaan hasil kajian daripada tumbuhan-tumbuhan yang ada di Institut ini akan dikekalkan dan dijadikan sebagai pusat pelancongan seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai dan begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan lain.

Bercakap mengenai kawasan pelancongan daripada hasil-hasil dan tanaman tumbuhan-tumbuhan hutan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ataupun Kerajaan Negeri, khasnya Jabatan Hutan yang bukan sahaja memberikan perhatian yang serius terhadap tumbuhan hutan ini, tetapi telah menjadikan kawasan lipur sebahagian daripada tempat-tempat yang ada di dalam negara kita. Saya percaya di samping saya berharap bukan sahaja Jabatan Perhutanan ini akan memberikan perhatian kepada kawasan hutan lipur dan hutan lain, saya meminta supaya Jabatan Hutan Negara kita akan memberi perhatian yang serius terhadap kawasan-kawasan hutan simpan yang tidak ada hutan, Tuan Yang di-Pertua. Terdapat tanda-tanda menunjukkan kawasan itu adalah kawasan hutan simpan sedangkan kawasan itu tidak ada hutan, hanya ada belukar, kadang-kadang tidak ada belukar hanya ada lalang sahaja. Ini menimbulkan masalah kerana khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai Kerajaan, pegawai-pegawai daripada pejabat tanah yang menghadapi

masalah permohonan tanah di kawasan yang berkenaan. Tetapi apabila permohonan dimajukan kepada pejabat tanah, pejabat tanah menjawab bahawa kawasan itu adalah kawasan hutan simpan, sedangkan kawasan itu tidak ada hutan.

Bagi saya, ini merupakan satu kawasan tanah terbiar yang diadakan oleh Jabatan Hutan ini dan saya berharap kalau kawasan itu tidak boleh ditumbuhi oleh tumbuhan-tumbuhan yang sesuai, yang boleh dijadikan tumbuhan yang boleh membawa hasil yang begitu banyak, saya berharap Jabatan Perhutanan Negara akan berusaha, khasnya dengan nasihat daripada Institut ini supaya jenis-jenis tanaman yang sesuai dapat diadakan di kawasan ini sebagai membuktikan bahawa Jabatan ini mengambil berat di atas kawasan-kawasan yang terbiar itu yang menjadi rebutan kepada rakyat negara ini untuk mendapat tanah yang sesuai untuk kediaman dan perusahaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan perkara ini juga, saya sangatlah terharu dengan apa yang telah dibangkitkan oleh sebahagian Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak dan Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal mengenai satu kaum di dalam negara kita ini yang telah datang daripada luar bandar ke ibu negeri—sehingga ke ibu negara Kuala Lumpur ini sebagai satu tanda tunjuk perasaan bahawa mereka tidak bersetuju dengan tindakan yang dibuat oleh pihak tertentu mengenai pencerobohan bagi kawasan kediaman mereka.

Ini sudah merupakan satu tanda dan kali pertama satu kaum yang ada di dalam negara kita ini telah mengambil tindakan yang begitu berani dan saya tidak tahu sama ada ianya betul atau tidak betul bahawa tindakan mereka

ini didorong oleh golongan-golongan yang tertentu, tetapi apa yang menakutkan saya sebagai Ahli Yang Berhormat daripada Semenanjung, pada hari ini terdapat tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa “illegal felling” ataupun penerokaan secara haram, penebangan secara haram yang dibuat oleh orang-orang tertentu di kawasan hutan belantara di dalam negara kita ini untuk tujuan pembalakan, tetapi kesalahan ini dilemparkan kepada kaum-kaum asli di negara kita ini dikatakan orang Sakai dan sebagainya, di kawasan hutan itu orang Sakai tebang, kawasan ini orang Sakai tebang.

Pada ketika Kerajaan memberikan kawasan hutan kepada pemegang lesen yang tertentu, mereka diberitahu bahawa kawasan-kawasan itu adalah kawasan “dara” tetapi apabila mereka itu masuk ke kawasan itu, kawasan itu bukan menjadi “dara” lagi tetapi ianya sudah menjadi “janda”. Kawasan itu sudah menjadi “janda” dan dikatakan menjadi “janda orang Sakai”. Kalau ianya merupakan kawasan pertanian berpindah sudah tentulah kawasan-kawasan ini akan meninggalkan tanda-tanda di maha bahan-bahan kayu yang dibakar tidak habis ataupun terdapat tanda-tanda manusia biasa diam di kawasan itu tetapi setengah-setengah kawasan yang tertentu tidak ada dapat dilihat tanda-tanda seperti ini, sedangkan kita membuat tuduhan kepada mereka yang agak liar.

Saya berharap Jabatan Hutan, khasnya Kementerian ini akan memperkuatkan lagi Enforcement Unit yang kemungkinan ada di jabatan ini dan saya harap sudah ada di jabatan ini untuk membuat penyeliaan yang lebih serius dan untuk membuat penyeliaan yang lebih sempurna supaya tuduhan-tuduhan yang tidak berasas ataupun kalau berlaku “shifting cultivation” ini ataupun pertanian berpindah ini dapat disesuaikan kerana Jabatan Orang

Asli (JOA) pada hari ini sudah mengadakan penempatan semula bagi Orang-orang Asli yang sepatutnya janganlah ada lagi pindah-memindah dalam soal pertanian ini.

Kalau Kementerian ini dan Jabatan Orang Asli dapat bekerjasama saya percaya kawasan hutan kita yang diterokai ataupun yang dibalok secara haram ini akan dapat dikurangkan dan tentulah kawasan-kawasan ini akan yang ada di dalam negara kita ini tidak dilemparkan dengan secara sewenang-wenangnya.

Pada hari ini mungkin mereka tidak tahu bahawa tuduhan yang dilemparkan kepada mereka itu merupakan satu tuduhan yang amat menghinakan tetapi kalau perasaan ini sudah diambil, sudah digunakan oleh puak-puak yang tertentu, pada suatu hari nanti di Kuala Lumpur akan dihadiri ataupun kunjungan daripada bukan sahaja kaum Penan, tetapi juga daripada orang-orang Sakai tunjuk perasaan kepada kita pula.

Saya harapkan Enforcement Unit yang ada di dalam Jabatan Perhutanan ini akan membuat perhatian yang serius dan di samping mengambil tindakan kepada penerokaan haram bagi kawasan-kawasan yang telah diberikan kepada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai masalah perhutanan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Institut ini ataupun Jabatan Perhutanan Negara yang telah memberikan perhatian yang serius kepada penanaman semula ataupun penjagaan kawasan-kawasan hutan bakau yang ada di dalam negara kita ini. Saya harap kawasan hutan bakau ini akan dapat diperluaskan kerana masih terdapat kawasan-kawasan hutan di tepi pantai yang tidak ada tumbuhan bakau sedangkan tumbuhan bakau ini bukan sahaja memberikan hasil daripada segi kayunya tetapi ia juga memberikan

satu sampingan kepada tumbuhan laut seperti kerang kerana hutan bakau ini akan mengeluarkan satu jenis makanan yang sesuai kepada pertumbuhan kerang, yang mana pada hari ini sudah mendapat pasaran begitu baik, bukan sahaja di dalam negara kita dan sebahagian daripada rakyat negara ini sudah ramai menjadi exporter kerang ke negara jiran. Kata mereka ada negara yang suka makan kerang bulu dan harga kerang bulu adalah lebih mahal. Jadi saya tidak tahu negara mana yang suka makan kerang yang tidak berbulu tetapi sama ada kerang bulu ataupun kerang tidak berbulu, bahawa kerang memerlukan hasil daripada pengeluaran tanaman bakau itu.

Saya berharap Jabatan Hutan khasnya institut ini akan mengadakan kajian yang lebih mendalam dan mengambil inisiatif untuk mengadakan tanaman bakau di seluruh sepanjang pantai kita.

Pada hari ini seperti pantai di negeri Perak merupakan satu pantai yang termasyur di dunia di mana segi pengawalannya, dari segi penghasilan kayu bakau atau penghasilan hasil kerang dianggapkan yang terbaik pada hari ini. Kita berharap bukan sahaja pantai di sepanjang negeri Perak, pantai di Kedah, pantai di Selangor, pantai di Negeri Sembilan, pantai di Johor dan pantai-pantai di negara lain juga akan menikmati hasil yang sama kalau Jabatan atau Institut Perhutanan ini dapat mengadakan kajian dan usaha yang lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah mendengar beberapa orang Ahli Yang Berhormat bercakap mengenai tanah runtuh oleh sebab tidak ada tanaman-tanaman yang dibuat dengan lebih pantas oleh Jabatan Perhutanan.

Saya ingin menarik perhatian kalau tanah ini runtuh di dalam hutan mungkin beberapa pokok sahaja yang

akan tergendala, tetapi terdapat tanah-tanah runtuh di sepanjang jalanraya. Kita telah mendapat tahu bahawa terdapat beberapa jenis tumbuh-tumbuhan yang boleh tumbuh dengan cepat dan saya berharap supaya Kementerian Kerjaraya bekerjasama dengan Jabatan ini supaya dapat menanam bukan sahaja rumput, tetapi jenis-jenis tumbuhan yang lain, pokok-pokok yang sesuai ditanam sepanjang ataupun di kiri-kanan jalanraya di mana terdapat satu cerom yang begitu dalam, yang mungkin akan menghadapi hakisan yang teruk. Seperti pokok akasia bukan sahaja dapat memberi keadaan yang cantik, tetapi ianya juga dapat menolong mempertahankan daripada berlaku hakisan ini. Dan di samping itu mengikut setengah cerita bahawa pokok ini dapat memberi hasil yang sempurna setelah umurnya lebih daripada 13 tahun.

Saya suka menarik perhatian kerana terdapat terlalu banyak tanah-tanah terbiar di dalam negara kita, yang lebih daripada 20 tahun yang tidak diusahakan.

Saya rasa sudah sampai masanya Kementerian ini ataupun Kementerian Pertanian mengadakan satu trial tanah-tanah yang terbiar begitu lama ini, ditanam dengan pokok dan kalau terdapat tuan tanah yang malas, tanaman pokok hutan ini adalah sesuai dengan jiwanya.

Saya menyokong Akta ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Belud.

5.44 ptg.

Tuan Maidom bin Pansai (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyokong Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (Pindaan) 1987.

Sudah banyak diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, bagaimanapun di sini izinkanlah saya untuk menyatakan bahawa di samping kita menyokong Akta ini yang bertujuan demi untuk memberikan semangat dan inisiatif kepada kakitangan dan pegawai-pegawai Lembaga tersebut, seperti yang disebutkan dalam seksyen 15 iaitu:

“Membolehkan mereka meminjam wang untuk kenderaan dan rumah kediaman.”

Kita mesti tidak lupa untuk memikirkan masalah yang kita hadapi selama ini terutama sekali masalah pengangguran di kalangan para belia dan beliawanis yang begitu hebat di seluruh negara kita selama ini.

Pihak Kerajaan haruslah juga berhati-hati agar Akta ini nanti tidak akan mewujudkan satu keadaan yang paling menampakkan ketidak-seimbangan, dalam konteks untuk menikmati hidup yang saksama. Maksud saya janganlah ada separuh orang begitu senang untuk mendapat pinjaman kenderaan, perumahan dan sebagainya. Tetapi ada pula golongan yang begitu susah untuk mendapat pinjaman kewangan walaupun hanya kegunaan untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan iaitu setakat \$1,000-\$2,000 sahaja, apa lagi kalau untuk mendapatkan pinjaman bagi maksud pembelian kenderaan dan rumah kediaman seperti yang dinyatakan.

Saya menyatakan demikian bukan bertujuan untuk menentang bil ini kerana pada awal-awal tadi saya telah pun menyatakan bahawa saya menyokongnya. Apa yang saya maksudkan dengan menyatakan demikian, adalah hanya setakat ingin menarik perhatian pihak Kerajaan agar tidak wujud suatu keadaan yang jelas memperlihatkan perbezaan hidup yang ketara di kalangan rakyat jelata

negara kita Malaysia, terutama sekali di antara para pekerja seperti kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan dan juga golongan rakyat dan golongan rakyat yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan.

Mengenai perhutanan, memandang bahawa kayu-kayan adalah salah satu sumber hasil negara kita yang boleh dikatakan sebagai salah satu daripada aset ekonomi negara yang terpenting, maka ianya haruslah diambil penuh perhatian terutama sekali dalam konteks pengurusan dan pengusahaannya bagi mendapat faedah dan keuntungan yang maksima daripada hutan supaya ianya tidak dieksploitasi sehingga mendatangkan implikasi yang negatif terhadap keadaan semula jadi dan alam sekeliling terutama sekali hakisan tanah dan merosakkan aliran air daripada anak-anak sungai yang menjadi punca kehidupan masyarakat di kawasan-kawasan berkenaan. Apa yang saya dapat lihat dengan keadaan kayu-kayan terutama sekali di negeri Sabah pada masa ini akibat daripada perusahaan atau kerja-kerja pembalakan yang dilakukan begitu intensif, saya khuatir dalam 10 atau 40 tahun daripada sekarang kayu-kayan itu akan pupus.

Saya percaya pihak Kerajaan sendiri pun sedar, tetapi ini adalah suatu keadaan yang tidak dapat dielakkan kerana kita dalam keadaan terpaksa untuk terus mengutilisanya walaupun kita sedar tentang implikasinya yang negatif, demi untuk keperluan ekonomi negara kita terutama sekali pada masa iklim ekonomi negara kita yang begitu lembab. Namun demikian, saya rasa Kerajaan boleh membantu untuk mengelakkan implikasi yang lebih ketara ini dengan cara menanam kembali kayu-kayan di kawasan-kawasan di mana kayu-kayunya telah habis akibat kerja pembalakan.

Saya fikir di sinilah satu-satunya aspek atau lapangan yang harus ditempo oleh para pegawai penyelidik di Lembaga Perhutanan ini nanti, sebagai usaha untuk memperbaiki keadaan dan yang terpenting sekali ialah untuk mengawal kayu-kayan kita daripada terus pupus akibat kerja-kerja pembalakan yang intensif.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuhkan di sini, ialah mengenai tindakan Kerajaan untuk mewartakan beberapa kawasan sebagai kawasan hutan simpan Kerajaan. Ini kita tidak pertikaikan kerana kita tidak syak lagi bahawa ianya adalah untuk kepentingan rakyat dan negara kita. Bagaimanapun pihak Kerajaan harus memberi perhatian kepada rakyat yang masih lagi bergantung hidup dengan cara amalan berladang yang berpindah randah atau shifting cultivation, dengan izin. Maka dengan itu di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merayu kepada Kerajaan agar menyediakan kawasan bagi membolehkan mereka menjalankan kegiatan berladang seperti biasa, di samping pihak Kerajaan untuk mencari jalan sebaik-baiknya bagi keperluan masyarakat berkenaan supaya kehidupan mereka akan dapat diperbaiki bukan sahaja untuk mengawal atau mewujudkan keadaan seperti sedia kala, tetapi Kerajaan haruslah mencari jalan bagaimana untuk memperbaiki taraf hidup rakyat berkenaan iaitu selaras dengan taraf hidup yang dinikmati oleh rakyat atau masyarakat di bandar-bandar selaras dengan dasar Kerajaan untuk memperseimbangkan taraf hidup luar bandar dengan masyarakat di bandar-bandar.

Saya tidak bercakap banyak dalam hal ini kerana semuanya telah pun disentuh dengan begitu komprehensif sekali oleh rakan-rakan seperjawatan. Walau bagaimanapun, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih

kerana telah diberi peluang untuk mengemukakan pendapat-pendapat saya dalam hal ini dan saya harap agar segala cadangan yang saya utarakan itu akan diberikan pertimbangan serta diambil tindakan yang positif.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rajang.

5.51 ptg.

Dr Nicholas Munong Ibau (Rajang): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi saya peluang mengambil bahagian dalam membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985.

Tadi kita sudah dengar dan saya bersetuju dengan Akta ini yang mengambil berat tentang masalah pegawai-pegawai yang bekerja, yang bertugas dan yang menyelidik supaya hutan kita memberi hasil yang lebih kepada negara kita. Saya ingin berucap tidak lama, tetapi saya ingin menyentuh satu perkara yang saya rasa amat memberi keuntungan kepada rakyat kita yang bekerja bertungkus-lumus memberi hasil kepada negara kita ini.

Tadi kita telah dengar Ahli dari Simunjan iaitu keuntungan dari hasil hutan adalah dalam lingkungan berjuta-juta ringgit. Saya bersetuju dengan beliau, iaitu keuntungan dari hasil hutan patutlah diurus dengan betul, dengan adil supaya rakyat semua mendapat keuntungan. Dengan peluang ini saya ingin memberitahu Dewan ini iaitu dari pengalaman saya sendiri sebagai seorang Pegawai Perubatan, iaitu di Sarawak.

Saya tahu banyak rakyat kita menjadi mangsa semasa mereka bekerja di dalam hutan mengambil

balak yang memberi keuntungan yang besar kepada industri pembalakan. Dalam industri pembalakan banyak rakyat kita yang cedera, patah kaki, tidak dapat berjalan, kepala kena timpa kayu, tidak dapat bercakap dan ada juga yang meninggal. Ada yang tinggal di hospital mendapat rawatan bertahun-tahun, ada yang berbulan-bulan. Semasa mereka dalam hospital, mereka adalah dalam kesusahan, tak ada hasil, tak ada wang, kadangkala mereka itu terbiar sahaja, kurang belanja dari taukeh-taukeh yang mempunyai lesen balak dan ada juga tak dapat memberi wang kepada keluarga yang tinggal di rumah. Kadangkala mereka yang cedera itu tidak dapat balik ke rumah, ke kampung yang jauh. Ada juga yang meninggal kerana ditimpa kayu, dan dikubur bukan dikubur nenek sendiri, tetapi di tempat yang jauh. Mayat terpaksa dikubur di sana dan tak dapat dibawa balik ke kampung oleh kerana taukeh-taukeh itu tak dapat menghantar mayat ke kampung. Ada juga yang patah kaki dan oleh kerana wang dari pembayaran insurans itu lambat diterima, mereka juga dalam kehidupan yang susah, tak ada wang untuk membeli kaki palsu. Itulah saya rasa amat menyedihkan. Oleh kerana negara kita ini, terutamanya di Sarawak, mungkin juga di Sabah kaya dari hasil hutan kita dalam berjuta-juta ringgit, tetapi orang yang kena cedera, yang meninggal tidak kita pedulikan dengan berat, ini amat menyedihkan.

Dengan ini, saya mencadang supaya Kerajaan kita, terutamanya Kerajaan yang dapat hasil keuntungan yang banyak menubuhkan satu tabung dengan wang yang kita dapat dari hutan itu. Dengan wang yang kita dapat dari tabung itu kita membantu para bekas pembalak kita yang kena cedera dan juga membantu keluarga pembalak yang sudah meninggal oleh kerana pembalak yang sudah meninggal itu mungkin seorang sahaja

yang selama itu boleh bekerja, mungkin dia ada anak yang masih kecil. Kalau pembalak itu meninggal, mungkin tak ada yang lain boleh mendapat hasil harian kepada keluarga.

Dengan ini, saya juga mencadangkan supaya tabung itu boleh memberi elaun bulanan kepada keluarga yang meninggal dan juga memberi elaun bulanan seumur hidup kepada orang yang patah kaki ataupun tak dapat berjalan seumur hidup dari tabung itu, oleh kerana bayaran insurans kepada yang tak dapat berjalan itu dalam lingkungan berbelas ribu ringgit sahaja, dan wang itu akan habis dibelanja dalam satu atau dua tahun, tetapi kesusahan yang dihadapi oleh pembalak yang kena sakit atau cedera teruk itu dihadapi selama hidup, dengan ini, saya rasa patutlah masa ini Kerajaan kita memberi elaun bulanan dari tabung itu kepada orang yang tak dapat bekerja oleh kerana cedera, dan juga kepada keluarga yang sudah ditinggalkan suami yang meninggal semasa dia bekerja mengambil kayu balak di hutan.

Saya tak berhasrat untuk bercakap lama. Saya rasa itulah satu cadangan yang saya harap Kerajaan kita boleh mengambil berat supaya rakyat kita yang mengambil balak untuk memberi hasil kepada negara kita dapat kita bela dengan baik. Dengan langkah ini Kerajaan kita amatlah bertanggungjawab, bukan sahaja kita mengambil berat orang yang menyelidik tetapi juga orang yang membalak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Saratok, yang penghabisan.

5.59 ptg.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya pun suka mengambil kesempatan

memberi sokongan kepada Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia yang dipinda daripada Akta tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya lihat Akta yang akan dipinda ini hari kelmarin, saya rasa perkara ini tidak mengambil begitu banyak hujah-hujah dan ucapan-ucapan dari Yang Berhormat sekalian sebab di dalam Akta ini cuma meminta kebenaran, iaitu supaya kakitangan Kerajaan dari Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia dapat diberi kemudahan supaya mereka dapat membeli rumah atau kenderaan untuk mereka masing-masing, oleh kerana kakitangan-kakitangan yang lain di negara kita inipun memang sudah ada kemudahan begitu.

Apabila saya melihat ini saya fikir tentu sekali tidak lama Dewan ini akan membahaskannya, tetapi inilah hari yang kedua kita sudah dengar hujah-hujah dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pada diri saya, apabila sudah mendengar hujah-hujah itu, saya suka memberi lebih kurang satu keterangan supaya kita di sini tidak mengambil masa yang begitu panjang untuk membahas atau menyebut barang yang sudah terjadi, tertentu, ataupun sudah menjadi sejarah di dalam negeri Sarawak khususnya. Apa yang kita dengar mengenai customary land yang disebut, iaitu kawasan yang besar di negeri Sarawak, kalau kita dengar hujah Yang Berhormat tadi, erti customary land ini ialah hak-hak rakyat bumiputra yang ada di Sarawak dan ianya sengaja dibuat-buat supaya kayu-kayuan kita terbuang begitu sahaja. Ini bukan begitu. Customary right, iaitu hak bumiputera di negeri Sarawak memang sudah dibuat semenjak ataupun sebelum Brooke sampai ke negeri Sarawak dalam tahun 1841. Dari masa itu, apabila pemerintahan

Brooke melihat gaya kehidupan kaum-kaum yang ada di negeri Sarawak, jadi dari situlah diadakan satu undang-undang yang dikenali sebagai customary land iaitu hak-hak bumiputera yang ada menebang kayu hutan. Sudah menebang kayu hutan dia boleh menanam padi, selepas itu dia ada hak. Semua bumiputera dapat hak ini.

Apa yang kita dengar selama dua hari ini iaitu fasal pampasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching tidak cukup atau tidak diberi. Di sini suka saya menjelaskan iaitu pampasan yang dahulu apabila balak-membalak telah dijalankan, saya faham memang cukup. Tetapi kita lebih tahu kalau ikut permintaan seseorang, ini memang tidak cukup, tetapi apabila kita memikirkan keadaan di masa itu, tentulah cukup. Tetapi apa sebab perkara ini timbul sekarang? Ia timbul oleh kerana kaum Penan dengan kawan-kawan yang lain datang ke Kuala Lumpur. Jadi bunyinya Kerajaan Negeri Sarawak tidak mengambil peduli dengan rakyat negeri Sarawak. Kebetulananya bukan.

Saya ingin memberi keterangan. Satu kawasan hutan paya di kawasan Yang Berhormat dari Simunjan pada masa saya menjadi Pegawai Tadbir tahun 1955 — ini sudah lama, pada masa itu kawasan paya itu memang sudah diberi lesen seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi — minta maaf — kepada Cina "Fuchow" dari Sibui. Masa sekarang pun masih juga dilesenkan. Saya tahu apabila logging road, dengan izin, melimpas customary land, semua pampasan dibayar. Kalau ia melimpas sebarang tanaman, semuanya dibayar. Perkara ini memang perkara biasa, selalu dibayar, semenjak dahulu sampai ke hari ini. Perkara ini timbul sebab apa yang saya sebutkan tadi dan apa yang rakan saya Yang Berhormat dari Betong sebutkan tadi semuanya

betul. Perkara ini terjadi seperti kita lebih maklum oleh kerana politik negeri Sarawak yang baru-baru ini.

Selepas Brooke sudah lari, kita ada colony iaitu pada tahun 1946. Dalam tahun 1955, Kerajaan Negeri ada mengubah Undang-undang Tanah (Land Code). Menurut Undang-undang Tanah yang diubah, semua bumiputera tidak boleh menebang hutan lagi dari tahun 1958. Undang-undang ini dibuat dalam tahun 1955 tetapi pada tahun 1958 sahaja undang-undang itu dijalankan. Mereka itu boleh menebang kayu hutan lagi, dan kalau mereka menebang kayu hutan, tanah terpulang kepada Kerajaan. Tetapi hutan yang telah ditebang dari awal lagi sebelum Brooke datang ke negeri Sarawak, itu terpulang kepada bumiputera. Itu pindaan yang pertama kepada Land Code negeri Sarawak. Oleh kerana itu, ada yang dudi-dudi ini tadi, yang kita dengar ada orang menebang hutan di forest reserve atau mana-mana tempat, kalau compensation itu tidak diberi, barangkali itulah dia. Bumiputera itu tidak ada right semenjak tahun 1958. Tetapi dalam negeri Sarawak sebelum itu memang banyak kawasan sudah menjadi customary land kerana ketiga-tiga kaum, iaitu pertama Iban, kedua Bidayuh dan ketiga Orang Ulu, kuat menanam padi. Bumiputera lain menangkap ikan, oleh kerana itu.

Dr Nicholas Munong Ibau: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Ulu Rajang bangun. Hendak minta apa?

Dr Nicholas Munong Ibau:
Penjelasan.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Boleh.

Dr Nicholas Munong Iba: Saya minta penjelasan Ahli dari Saratok iaitu satu pertanyaan, adakah penghidupan orang Penan berasal dari bertanam padi atau getah? Macam mana mereka mendapat kehidupan? Adakah mereka memotong kayu yang besar dalam hutang yang dara? Jika penghidupan mereka bukan dari memotong kayu supaya boleh menanam padi, adakah mereka tidak berhak dari hutan yang mereka mendapat kehidupan dari zaman-zaman yang dahulu? Kalau mereka bukan hidup dari bertanam padi, ertinya walaupun mereka tidak pernah memotong kayu mereka pun ada hak dari hutan yang mereka diam selama ini.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Terima kasih kepada kawan saya dari Rajang. Saya belum sampai ke situ, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan sampai ke situ. Mengikut pindaan kepada Undang-undang Tanah tahun 1955 yang berkuatkuasa dalam tahun 1958 adalah benar orang yang menebang hutan untuk menanam padi. Di sini saya hendak sebutkan perkara ini. Apabila kaum Penan datang ke Kuala Lumpur — saya baca dalam surat khabar — tidak ada seorang pun memberi keterangan yang cukup terang mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Rajang tadi. Kaum Penan ini memang tidak pernah menanam padi, mereka diam dalam hutan. Selama ini apabila pelesen-pelesen kayu bekerja dalam paya, perkara ini tidak timbul. Jadi kerja balak-membalak di bukit bermula terdahulu sedikit sebelum merdeka.

Oleh kerana saya sebagai seorang Pegawai Daerah di Kapit tahun 1961-1962, ada orang membalak kayu memakai gajah di Ulu Beleh. Perkara ini belum ada timbul oleh kerana Penan di Ulu Beleh tidak ada. Dan faham saya supaya saya memberi keterangan dengan Yang Berhormat

tadi. Itulah sebabnya. Sekarang apa sahaja kita baca dalam suratkhbar iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita akan berjumpa dengan Ketua Menteri Sarawak. Saya dengar itu yang baik dan bagus sekali. Saya pun baca suratkhbar. Apa yang dipinta oleh Penan ertinya apabila diputuskan supaya hendak menyasat perkara yang lanjut lagi ditempat yang berkenaan, faham saya itulah yang betul.

Oleh kerana saya sendiri belum lagi sampai di tempat Penan yang sampai. Boleh jadi, oleh kerana itu saya bersetuju dengan dia Penan ini bukan bertanam padi, tetapi Penan hidup dalam hutan. Perkara yang membalak di bukit sekarang di tempat Penan itu baru terjadi sekarang. Oleh kerana itu, kalau kita memberi kesalahan kepada Ketua Menteri sekarang, pada fahaman saya tidak betul. Oleh kerana perkara ini bekerja di bukit baru jadi sekarang.

Tetapi perkara balak-membalak di seluruh Sarawak memang sudah lama. Tetapi apa yang saya sebut tadi balak-membalak di negeri Sarawak ini memang ada bayaran, memang ada pampasan, memang ada orang tidak puas hati, tetapi apabila sudah runding dengan kompeni, boleh jadi tidak jadi apa-apa. Oleh kerana itu, saya harap apabila kita bercerita ataupun membangkitkan hal di dalam negeri Sarawak, oleh kerana undang-undang tanah memang khas di negeri Sarawak, kalau dia ditebang selepas tahun 1958, orang itu walaupun bumiputera tidak ada hak. Barangkali itulah pampasan yang didengar oleh kita, tidak ada bayaran.

Perkara yang lain berkaitan dengan ini saya balik lagi dengan lesen, saya sebutkan tadi, memang awalnya diberi kepada orang yang tertentu sebelum kemerdekaan. Jadi, lepas

kemerdekaan, ada juga lesen telah diberi oleh Kerajaan Negeri, tetapi masih banyak lagi hutan. Saya suka menegaskan di sini apabila saya sampai beredar dari Sibul, sudah itu saya dari Residen Sibul, saya pulang pergi ke Kementerian Perusahaan Utama iaitu Ministry of Natural Resources, dengan izin.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, ya?

Dr Eng Seng Chai: Yang Berhormat dari Saratok ada jelaskan dia ada banyak pengalaman dalam berbagai jawatan di pentadbiran Sarawak dan sekarang dia akan sebut hal-hal pelesenan hutan balak-membalak. Saya hendak tanya dia, adakah dia pernah dapat lesen membalak atau pernahkah dia mendapat concession kawasan hutan?

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya sendiri tidak pernah minta. Jadi, saya boleh beri keterangan sekarang tidak pernah sama sekali. Satu inci pun tidak ada!

Tuan Yang di-Pertua: Satu inci balak? (*Ketawa*)

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya sampai di Kementerian macam hasil bumi, Natural Resources, di Kuching, masa itu perhutanan masih dalam Kementerian itu tahun 1971. Tahun 1972 sudah diberi kepada Kementerian lain. Jadi, masa itu Ketua Menteri sekarang Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud sebagai Menteri Perusahaan Utama di Kuala Lumpur. Sebelum beliau pergi ke Kuala

Lumpur, beliau minta United Nations buat satu penyelidikan kepada hutan negeri Sarawak.

Saya faham banyak Ahli-ahli Yang Berhormat sudah tahu daripada penyelidikan United Nations ini banyak berita dalam suratkhbar iaitu kawasan-kawasan hutan di negeri Sarawak yang belum dibalak. Jadi, selepas itu kita semua tahu beliau di sini jadi bapa penakan dan beliaulah menjadi Ketua Menteri dari tahun 1971 sampai 1981.

Jadi, masa itu saya sebagai pegawai Kerajaan. Saya cukup memerhatikan, sampai tahun 1974, lesen semua dibeku, tidak ada dikeluarkan. Tetapi dari tahun 1975 boleh jadi sampai sekarang ataupun sampai yang duti tadi iaitu lesen membalak terus dikeluarkan. Jadi, apa yang terjadi? Yang terjadi apabila Ketua Menteri sekarang mengambil alih pentadbiran di negeri Sarawak dalam tahun 1981.

Saya faham barangkali Tuan Yang di-Pertua masih ingat apabila saya memberi ucapan di Dewan yang mulia ini mengenai pentadbiran negeri Sarawak mengenai "stability" politik di negeri kita ini, saya menyebutkan Ketua Menteri datang di Sarawak sebagai Ketua Menteri, saya rasa beliau mahu sedikit-sebanyak mengubah cara pentadbiran di negeri Sarawak kerana beliau cukup memikirkan semua kaum yang ada di dalam negeri Sarawak. Tetapi apa yang terjadi kita lebih tahu. Beliau tidak dapat mentadbir dengan cukup tenang oleh kerana beliau disuruh berhenti sebagai Ketua Menteri. Apa yang terjadi selepas itu, akhir-akhir ini kita lebih tahu, tak usah saya sebut. Jadi oleh kerana itulah perkara ini Penan boleh jadi datang ke sini. Apabila dahulu tidak ada Penan datang ke sini, orang lain tidak ada datang. Tetapi

bukan saya memberitahu iaitu salah Penan datang, saya faham bagus Penan datang ke sini supaya melihat Kuala Lumpur.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat ada kata bahawa beberapa perkara yang berlaku sebelum/selepas seorang Ketua Menteri yang membuat perkara dan disuruh untuk letak jawatan dan selepas itu ada perkara yang berlaku dan dia kata, kita semua tahu, kita semua tidak tahu. Harap dia boleh cakap (*Ketawa*).

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Ya, Tuan Yang di-Pertua, apa perkara yang berlaku iaitu pilihanraya di negeri Sarawak. Itulah perkara yang berlaku, rakan-rakan saya tidak ada di sini. Yang Berhormat dari Simunjan kata kalau balak-membalak di Sarawak tidak dapat diatur, Kerajaan baru sekarang berhentilah! Bagaimana mahu berhenti, pilihanraya baru lepas? (*Ketawa*). Jadi, Ketua Menteri sekarang jadi Ketua Menteri. Kata rakan saya dari Bandar Kuching, isu kayu balak memang terus disebut. Kalau begitu memang perkara ini telah disebut sedikit-sebanyak. Jadi, oleh kerana itu perkara Yang Berhormat dari Simunjan kata suruh berhenti itu tidak timbul.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan?

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah ini bererti tadi Yang Berhormat kata bahawa tidak boleh berhenti kegiatan balak-membalak oleh kerana pilihanraya besar baru selesai. Adakah ini bererti bahawa kegiatan balak-membalak tidak boleh diberhentikan oleh kerana perlulah lebih membalak bagi mendapatkan wang untuk membayar perbelanjaan dalam pilihanraya besar yang berlaku baru-baru ini di mana nampaknya sudah menjadi satu kempen di mana berpuh juta ringgit ada dibelanja dan adakah ini semua daripada kegiatan balak-membalak dan sebab itu tidak boleh diberhentikan?.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, kita lebih tahu, saya sendiri tidak ada experience, dengan izin, tetapi sebagai pegawai pentadbiran dalam masa 36 tahun saya melihat capital memang banyak. Barang-barang yang dibeli oleh company memang banyak. Lebih-lebih lagi sekarang kalau membalak dibukit mahu memakai bulldozer lipan ini berapa banyak, jadi kalau kita suruh berhenti bagaimanalah. Jadi saya faham, saya fikir semua kita faham yang didengar kita ini lesen dibeku oleh Ketua Menteri sebelum pilihanraya hal membalak-membalak tidak berhenti, cuma lesen sahaja dibeku oleh kerana di Sarawak ada satu badan, dengan izin, Sarawak Timber Industrial Development Authority. Jadi itulah yang berkuasa menjaga pendapatan.

Jadi itulah yang disebut oleh Yang Berhormat dari Betong tadi, Kerajaan Negeri ada menubuhkan Trust Fund. Tetapi Trust Fund baru ditubuh tahun 1985, apa kita dengar semenjak itu Yang Berhormat tadi mahu tahu sampai kepada pilihanraya. Jadi perkara ini saya faham iaitu saya di Dewan ini saya cukup memberi terima kasih sebab memberi perhatian lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya hal tanah.

Dr Nicholas Munong Ibu: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Rajang pula bangun.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Boleh.

Dr Nicholas Munong Ibu: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar ada lesen yang sudah berjalan dibekukan. Mengapakah lesen itu dibekukan? Adakah bererti orang itu, taukeh membalak yang mempunyai lesen itu tidak membalak dengan betul atau tidak memberi keuntungan atau kalau ada memberi keuntungan, orang yang membalak itu atau taukeh yang mempunyai lesen yang membalak itu ada memberi keuntungan yang memuaskan mengapakah orang itu dihentikan lesennya?

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, jadi perkara ini saya pun baca suratkhbar. Sebab saya tidak ada kena mengena dengan membalak. Saya baca suratkhbar oleh kerana lesen ini dibekukan oleh kerana tuan yang punya lesen telah menjualnya bukan semua, satu, dua. Apabila Ketua Menteri dapat tahu tuan punya lesen menjualkan ini dia bekukan lesen. Jadi oleh kerana itulah banyak benci-membenci oleh kerana Ketua Menteri sekarang mementingkan rakyat lebih lagi daripada dirinya sendiri, daripada segolongan orang kecil atau besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham saya sudah memberi sebanyak-sefikit penjelasan tentang hal membalak yang sudah menimbulkan banyak hujah di dalam Dewan ini. Saya haraplah kalau kita membangkitkan Undang-undang Tanah di Negeri Sarawak, saya sudah beri keterangan tadi, saya sebutkan lagi kalau tanah hutan ditebang selepas tahun 1958 walaupun dipakai untuk logging road pampasan tidak ada oleh kerana bumiputera tidak ada hak kalau hutan ditebang selepas tahun 1958 tetapi sebelum itu ada. Terima kasih.

Tuan Yang di Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.23 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perdebatan mengenai Usul yang saya telah kemukakan iaitu pindaan kepada suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985.

Hampir semua Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk Ahli-ahli daripada DAP nampaknya memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini, Rang pindaan ini iaitu suatu perkara yang jarang-jarang berlaku. Saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli DAP yang telah memberi sokongan kepada Bil ini. Banyak ulasan-ulasan telah diberi dan kebanyakan ulasan-ulasan itu adalah membina dan memberi banyak nasihat yang berguna kepada pihak Lembaga khasnya dan sektor perhutanan negara amnya.

Sebelum saya meneruskan jawapan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menjelaskan bahawa perkara perhutanan, pengeluaran, penguasaan, pengawasan dan kawalan kayu balak adalah termasuk di dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri seperti yang telah diberikan di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian ini dan juga Lembaga ini adalah terbatas di dalam bidang kuasanya dan tidak mempunyai

sebarang kuasa dalam perkara mengeluarkan lesen dan juga menjalankan pengawasan, penguatkuasaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh sahabat saya Ahli dari Simunjan oleh kerana beliau ini nampaknya dalam sekelip mata sahaja telah berubah sikap daripada seorang yang kuat menyokong Kerajaan, sekarang sudah menjadi penentang Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan nampaknya menggunakan Dewan yang mulia ini untuk melepaskan geramnya kepada Kerajaan Sarawak, terutama kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Saya rasa dia tersalah pilih tempat dan suatu perkara yang tidak adil bagi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak oleh kerana beliau tidak ada di Dewan pada masa ini dan tidak dapat mempertahankan dirinya daripada hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Simunjan.

Saya kurang pasti mengapa Yang Berhormat dari Simunjan sekarang mendapati semua yang berlaku di Sarawak tidak kena pada pandangan beliau. Apakah segala kekecohan atau perkara-perkara yang tidak betul di Negeri Sarawak dalam hal pembalakan berlaku hanya selepas 16 April yang lalu; sebelum itu semuanya betul? Oleh kerana kita tidak dengar apa-apa teguran daripada Yang Berhormat dari Simunjan terhadap soal pengurusan pembalakan di Sarawak sebelum itu.

Jadi nampaknya selepas beliau keluar daripada parti Kerajaan yang memerintah di Sarawak sekarang,

barulah beliau nampak semua yang berlaku dalam urusan pembalakan di Negeri Sarawak tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, kalau betul ada perkara yang tidak betul berlaku di Negeri Sarawak dalam soal pembalakan, beliau mempunyai banyak kesempatan atau membetulkannya pada masa-masa yang lepas iaitu pada ketika beliau menjadi pegawai tinggi, pemimpin tinggi

Tuan P. Patto: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan P. Patto: Point of order 14 (1), oleh kerana Yang Berhormat tadi ada menyebut bahawa nama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dilibatkan oleh Ahli dari Simunjan tadi dan memandangkan bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri juga menjadi Ahli dalam Dewan ini adakah pihak Kerajaan atau beliau sendiri bercadang untuk menjemput Yang Amat Berhormat Ketua Menteri supaya menggunakan haknya di bawah Standing Order 14 (1) (1) memberi penerangan sendiri mengenai apa yang disebutkan oleh Ahli dari Simunjan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya tidak nampak itu suatu perkara yang patut dibangkitkan di bawah Standing Order. Tetapi bukanlah untuk pihak Kerajaan menjemput seorang Ahli Dewan untuk mempertahankan dirinya. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mahu mempertahankan dirinya dalam Dewan ini mereka boleh berbuat demikian bila-bila masa sahaja tanpa dijemput.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat. Minta sambung semula esok.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), saya mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

KWSP—BAYARAN BULANAN FAEDAH KEPADA PEKERJA

6.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, semenjak bulan Oktober 1985 pencaharum-pencarum Kumpulan-wang Simpanan Pekerja dijamin oleh Bekas Timbalan Menteri Kewangan bahawa mereka dijangka menerima lebih banyak faedah apabila cadangan memberikan lebih banyak faedah untuk pencaharum-pencarum dibentangkan dalam Kabinet. Sejak itu tidak ada apa-apa yang didengar mengenai cadangan itu. Saya suka menggesa Kerajaan supaya memberikan pertimbangan yang serius kepada perkara ini dan mengambil langkah-langkah untuk menyegerakan kajian supaya lebih banyak faedah diberikan kepada pencaharum-pencarum terutamanya dalam saat kemerosotan ekonomi pada masa kini.

Satu cadangan penting yang saya kemukakan kepada Menteri Kewangan pada 23-12-86 yang mana sehingga ke saat ini saya tidak

mendengar apa-apa berita ataupun perkembangan dari Menteri yang berkenaan dan itu ialah mengenai KWSP hendaklah membantu para pekerja yang diberhentikan, yang tidak berupaya mendapatkan pekerjaan baru dengan membenarkan mereka membuat pengeluaran bulanan dari faedah ke atas jumlah caruman yang terkumpul sehingga mereka berjaya mendapat pekerjaan lain.

Ramai pekerja berumur 45 tahun dan lebih yang berhempas pulas mencari pekerjaan baru dan ini menimbulkan kesusahan kewangan kepada mereka dan keluarga terutama anak-anak yang masih bersekolah yang perlu dibiayai pelajaran mereka.

Menurut peraturan KWSP pencaharum-pencarum hanya boleh mengeluarkan simpanan mereka sepenuhnya pada umur 55 tahun dan $\frac{1}{3}$ pada umur 50 tahun. Akan tetapi untuk pekerja yang diberhentikan kerja yang belum mencapai umur 50 tahun maka mereka tidak berhak tentang apa-apa pengeluaran.

Memandangkan keadaan di atas, saya suka menggesa Kementerian Kewangan dan KWSP memberikan pertimbangan yang sebaiknya kepada cadangan saya bagi membenarkan pekerja yang diberhentikan dan tidak berupaya mendapat pekerjaan baru menerima satu bayaran bulanan yang diambil dari faedah tahunan ke atas jumlah di simpanan KWSP mereka. Faedah tahunan yang diperolehi ke atas simpanan mereka boleh dibayar kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan yang menjadi pencaharum pada setiap bulan sebagai pendapatan mereka untuk menyara tanggungan mereka sehingga mereka berupaya mencari pekerjaan baru ataupun sehingga mereka mencapai umur 55 tahun yang mana mereka boleh mengeluarkan seluruh simpanan mereka.

KWSP tidak akan menanggung perbelanjaan yang besar untuk cadangan skim ini oleh kerana bayaran akan dibuat dari faedah tahunan tanpa melibatkan simpanan sebenar para pencarum. Seperti yang disebutkan awal tadi, saya telah menyampaikan cadangan ini kepada Menteri Kewangan pada Disember tahun lalu untuk pertimbangan Kementerian dan KWSP. KWSP telah memberi jaminan bahawa cadangan ini akan diberikan kajian serius tetapi sehingga sekarang selepas 7 bulan berlalu saya masih belum menerima apa-apa jawapan lagi.

Dalam pada itu kita sering terbaca di surau-surau yang kerap tersiar dalam suratkhbar tempatan yang menggesa Kerajaan mengarahkan KWSP berbuat sesuatu untuk pekerja yang diberhentikan kerja. Oleh itu saya suka menggesa Kementerian Kewangan dan KWSP supaya mengambil tindakan yang lebih awal untuk menyelamatkan beribu-ribu pekerja yang diberhentikan kerja di seluruh negara dalam saat ekonomi semasa merosot di samping menolong pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja.

Masanya telah tiba bagi KWSP untuk memberi lebih banyak faedah yang lain kepada 4.8 juta pencarum KWSP menerusi:

- (1) mengurangkan had umur kelayakan dari 50 tahun ke 45 tahun bagi mengeluarkan $\frac{1}{3}$ simpanan; dan
- (2) membenarkan pengeluaran sebahagian untuk tujuan perniagaan kecil di samping membiayai kos pelajaran untuk pencarum-pencarum atau untuk anak-anak mereka. Sekian.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian

Kewangan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang telah mencadangkan supaya KWSP membenarkan bekas-bekas pekerja iaitu pekerja yang telah diberhentikan kerja tetapi masih gagal mendapatkan kerja-kerja baru menerima bayaran bulanan yang dikeluarkan dari faedah tahunan ke atas simpanan atau caruman KWSP mereka.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan dari masa ke semasa apakah skim-skim baru yang boleh dilaksanakan oleh KWSP bagi kebaikan ahli-ahlinya.

Satu pasukan petugas di peringkat Lembaga KWSP telah ditubuhkan dan sedang membuat kajian terhadap skim-skim pengeluaran untuk kebaikan pencarum-pencarum KWSP. Kajian tersebut antara lain adalah ditumpukan kepada cara-cara untuk memberi bantuan kepada ahli-ahli KWSP yang sedang mengalami masalah kewangan akibat kehilangan kerja.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengeluaran dividen tahunan ke atas simpanan KWSP adalah salah satu daripada cadangan-cadangan yang sedang dipertimbangkan oleh Pasukan Petugas berkenaan.

Suka saya menjelaskan di sini bahawa skop dan ciri-ciri skim pengeluaran di bawah KWSP adalah berdasarkan prinsip Provident Fund yang bermakna faedah-faedah yang diperolehi oleh seseorang pencarum adalah bergantung kepada jumlah caruman dengan KWSP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod KWSP 87% daripada pencarum-pencarumnya mempunyai caruman yang berjumlah \$10,000 dan ke bawah. Dengan andaian bahawa

dividen sebanyak 8.5% setahun diisytiharkan maka dividen tahunan yang akan diterima oleh seorang pencarum KWSP yang mempunyai caruman dalam lingkungan \$10,000 adalah \$850 atau \$70 sebulan sahaja iaitu satu jumlah yang kecil dan kurang bermakna. Oleh itu satu kajian yang mendalam perlu dibuat supaya skim yang akan dilaksanakan akan merupakan satu 'package' yang memberi faedah yang lebih bermakna kepada pencarum-pencarum KWSP. Sekian, terima kasih.

KWSP—PENGELUARAN CARUMAN UNTUK BELI RUMAH

6.40 ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyentuh perkara mengenai KWSP di mana pada satu masa dahulu Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membenarkan pencarum-pencarum KWSP untuk mengeluarkan sebahagian daripada simpanan KWSP mereka bagi maksud membeli rumah dan keputusan itu telah dialu-alukan oleh pihak-pihak tertentu oleh kerana ia akan membawa faedah kepada pencarum-pencarum KWSP itu. Walau bagaimanapun, sejak keputusan ini dilaksanakan ramai daripada pencarum-pencarum telah menghadapi beberapa masalah dengan pengeluaran wang simpanan mereka dalam KWSP bagi maksud membeli rumah. Dalam satu jawapan dalam Dewan yang mulia ini pada 12hb Mac, Timbalan Menteri kewangan pada ketika itu telah memberitahu bahawa sehingga 31hb Disember, 1986 KWSP telah mengeluarkan wang sebanyak \$202.5 juta kepada 51,732 pencarum KWSP bagi maksud membeli rumah murah dan \$985.2 juta kepada 181,448 pencarum bagi maksud membeli rumah yang bukan kos rendah dan ini adalah daripada jumlah pencarum seramai 4,857,273 orang.

Tuan Speaker, dalam mengeluarkan wang simpanan pencarum-pencarum KWSP, pihak KWSP telah mengeluarkan wang ini kepada pemaju-pemaju yang sudah menerima pencarum-pencarum telah membeli rumah. Dan antara mereka ada pemaju-pemaju yang sudah menerima wang simpanan daripada pencarum KWSP di mana pemaju tidak dapat membina rumah ataupun projek mereka terbengkalai ataupun pemaju menjadi bangkerap di mana pencarum-pencarum sudah menjadi mangsa kerana incompetency, dengan izin, Tuan Speaker, Kementerian Kewangan dan khususnya Lembaga KWSP di mana salah satu daripada anggota Lembaga KWSP adalah Peguam Negara sendiri. Saya hairan mengapa tindakan untuk melindungi hak dan kepentingan pencarum-pencarum KWSP dalam hal ini. Saya memang sedar bahawa pencarum-pencarum bolehlah membawa perkara ini ke Mahkamah untuk menuntut balik wang yang telah diberi oleh KWSP kepada pemaju tetapi tidakkah ini satu ketidakadilan bagi pencarum yang sudah lama mengharapakan KWSP boleh menolong mereka untuk memiliki rumah.

Dalam hal ini saya hendak mendapat tahu mengapakah Lembaga KWSP, di mana juga Peguam Negara sendiri menjadi anggotanya tidak mengambil peduli tentang perkara ini di mana pencarum telah dimangsakan dan pencarum KWSP telah tertipu oleh sebilangan pemaju-pemaju, malah Lembaga KWSP begitu cenderung untuk menyalahgunakan wang KWSP kepunyaan pencarum-pencarum bagi maksud-maksud melabur melalui Lembaga Investment Panel bagi mementingkan kepentingan segelintir manusia yang mempunyai hubungan rapat politik dengan mereka yang memerintah. Saya berharap KWSP boleh memberi satu jaminan, khususnya Timbalan Menteri

Kewangan memberi jaminan bahawa pencarum-pencarum yang kena tipu oleh pemaju-pemaju dalam soal ini di mana mereka tidak dapat memiliki rumah yang mereka sebenarnya membeli dan di mana wang simpanan mereka telah dikeluarkan oleh KWSP tanpa tanggungjawab — diberi jaminan supaya wang ini didapatkan balik oleh KWSP daripada pemaju dan sekiranya KWSP gagal untuk mendapat balik wang itu maka KWSP sendiri bertanggungjawab untuk memulangkan wang ini dari apa juga caranya, sama ada daripada earnings, dengan izin, daripada Investment Panel atau sebagainya, supaya pencarum-pencarum dapat mengekalkan simpanan mereka seperti sedia ada sebelum wang simpanan mereka dikeluarkan oleh KWSP kepada pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi cukup marah dan garang atas perkara mengenai pengeluaran caruman KWSP bagi maksud membeli rumah. Walau bagaimanapun teguran yang diberikan

Tuan P. Patto: Minta penjelasan, boleh beri jalan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Loke Yuen Yow: Tidak ada masa lagi, duduk. Sabar! Tunggu saya jawab dulu.

Tuan P. Patto: Saya bukan marah, saya bangkitkan perkara ini sebab pencarum-pencarum marah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh, dia tidak beri jalan. Tidak usahlah beri penerangan. Itu peraturan mesyuarat, bukan peraturan saya. Sila teruskan.

Tuan Loke Yuen Yow: Walau bagaimanapun, teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu adalah kurang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memenuhi salah satu tanggungjawabnya sebagai institusi yang memberi keselamatan sosial kepada ahli-ahlinya pada masa tua KWSP menitikberatkan pemilikan rumah oleh ahli-ahlinya. Sehubungan dengan ini KWSP telah melancarkan skim pengeluaran caruman bagi tujuan memperolehi rumah untuk membeli rumah kos rendah, rumah jenis bukan kos rendah dan sebagainya, kemudahan bagi mengurangkan gadaian pinjaman perumahan. Secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua, skim pengeluaran untuk perumahan kos rendah membenarkan seseorang ahli KWSP mengeluarkan sebanyak 40% daripada harga rumah atau keseluruhan kreditnya mengikut mana yang kurang asalkan jumlah tersebut tidak melebihi daripada \$10,000.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran di bawah skim pengeluaran untuk membeli rumah bukan kos rendah ialah 20% daripada harga rumah atau 45% daripada jumlah kredit ahli mengikut mana yang kurang asalkan jumlah tersebut tidak melebihi daripada \$20,000.

Bagi pengeluaran yang tujuannya ialah untuk menyelesaikan atau mengurangkan gadaian, jumlah yang boleh dikeluarkan ialah 45% dari pada jumlah kredit ahli atau baki pinjaman mengikut mana yang kurang dengan had maksima sebanyak \$20,000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran wang seseorang ahli bagi tujuan perumahan seperti tersebut bukan dibuat atas nama pemaju perumahan sahaja tetapi diberi terus kepada ahli KWSP juga.

Waran bayaran akan dikeluarkan atas nama ahli sekitarnya ada bukti-bukti bayaran yang dibuat olehnya. Untuk rumah bukan kos rendah bukti bayaran yang diperlukan ialah 5% daripada harga belian atau \$5,000 mengikut mana yang kurang, manakala untuk rumah kos rendah pula jumlahnya ialah \$500. Sekiranya bukti bayaran tiada, surat tawaran pembelian diperlukan dan waran bayaran akan dibuat atas nama pemaju. Jika bayaran dibuat atas nama pemaju, waran bayaran pengeluaran adalah dihantarkan terus kepada ahli untuk diserahkan kepada pemaju. Cara ini memberi peluang kepada ahli-ahli sendiri untuk menukar fikiran di saat akhir pembelian. Jika ahli berkenaan memutuskan untuk membatalkan pembelian rumah berkenaan ianya boleh memulangkan waran pengeluaran atas nama pemaju kepada KWSP. KWSP tidak bertanggungjawab

Tuan P. Patto: Minta Penjelasan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh minta penjelasan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Loke Yuen Yow: Tiada masa lagi.

Beberapa Orang Ahli: Takut!

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta jangannya kata perkataan "takut".

Tuan Loke Yuen Yow: KWSP tidak bertanggungjawab untuk menyiasat atau meneliti sama ada pemaju telah memulakan kreja-kerja pembinaan ataupun tidak. Pengeluaran caruman

adalah dibuat berdasarkan kepada bukti bayaran oleh ahli atau surat tawaran pembelian kepadanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran caruman KWSP adalah bertujuan sebagai pembayaran deposit atau pendahuluan sahaja terhadap pembelian sesebuah rumah. Masalah sama ada pemaju yang telah mendapat bayaran daripada KWSP tidak memulakan projek perumahan ataupun gagal menyiapkan rumah itu bukanlah menjadi tanggungjawab KWSP. Masalah ini wajar diselesaikan oleh ahli berkenaan dengan pemaju melalui peguam masing-masing.

Adalah tidak tepat jika dikatakan KWSP tidak memberi perlindungan kepada ahli-ahlinya melalui Skim Pengeluaran Perumahan ini kerana seseorang ahli itu boleh membatalkan pembelian rumahnya jika ia kurang kepercayaan kepada pemaju berkenaan dan carumannya dipenuhi balik bila waran pembayaran diserahkan semula kepada KWSP.

Buat masa ini KWSP tidak bercadang untuk membuat bayaran beransur-ansur kepada pemaju berdasarkan kepada peringkat pembinaan sesebuah projek perumahan memandangkan caruman KWSP yang dibayar dikeluarkan itu adalah untuk diguna sebagai bayaran deposit atau pendahuluan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada usul yang berbunyi:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang".

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, kata setuju, yang tidak kata tidak.

Ahli-ahli DAP: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Kita akan bersidang sampai pukul 12.00? (*Ketawa*). Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP janganlah bermain-mainkan Dewan ini, saya harap janganlah. Kita semua mengikut Peraturan Mesyuarat, ini formality iaitu kita hendak setuju kalau ditangguhkan sebelum pukul 7.00; selepas pukul 7.00 itu kuasa kepada Speaker hendak menangguhkan

dengan tidak mengemukakan usul. Saya harap janganlah berbuat demikian pada masa hadapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,
Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.52 petang.